

REKA BENTUK PEMBELAJARAN BERASASKAN
KHIDMAT UNTUK PENDIDIKAN MORAL
SEKOLAH MENENGAH

LEONG HOOI LI

FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2024

REKA BENTUK PEMBELAJARAN BERASASKAN KHIDMAT UNTUK PENDIDIKAN MORAL
SEKOLAH MENENGAH

LEONG HOOI LI

DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI SEBAHAGIAN KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PERKEMBANGAN KURIKULUM)

FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2024

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: **LEONG HOOLI LI**

No. Pendaftaran/Matrik: **S2001013**

Nama Ijazah: **SARJANA (PERKEMBANGAN KURIKULUM)**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

**REKA BENTUK PEMBELAJARAN BERASASKAN KHIDMAT UNTUK
PENDIDIKAN MORAL SEKOLAH MENENGAH**

Bidang Penyelidikan: **PERKEMBANGAN KURIKULUM**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini.
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli.
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini.
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain.
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hak cipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM.
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh: 19/03/2024

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh: 19/3/24.

Nama:

Jawatan:

ABSTRAK

Pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral menekankan tiga domain moral iaitu penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral untuk membentuk insan berakhlak mulia. Namun begitu, guru Pendidikan Moral sering menekankan penaakulan moral dan bukannya emosi moral dan perlakuan moral. Justeru, kajian ini mencadangkan reka bentuk Pembelajaran Berasaskan Khidmat (PBK) atau lebih dikenali *Service Learning* sebagai pendekatan pengajaran yang menghubungkan teori dan amalan dengan memberi peluang kepada pelajar kedua-duanya untuk mengambil bahagian dalam perkhidmatan yang memenuhi keperluan komuniti. Kajian ini menggunakan Aplikasi Fuzzy Delphi (FDM) dengan 15 pakar dari bidang sains sosial dan mempunyai pengalaman PBK untuk menentukan objektif pembelajaran, kandungan pelajaran, strategi pembelajaran dan penilaian pelajaran sebagai garis panduan bagi Pendidikan Moral sekolah menengah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa keempat-empat konstruk utama telah mendapat kesepakatan pakar adalah melebihi 75%, nilai *Threshold* (d) < 0.2 dan α -cut melebihi 0.5. Reka bentuk yang dicadangkan adalah garis panduan yang relevan dalam memperkenalkan PBK di sekolah menengah. Ini menunjukkan bahawa keempat-empat konstruk utama ini diperlukan dalam mengintegrasikan PBK sebagai wadah dalam mata pelajaran Pendidikan Moral.

DESIGN OF SERVICE LEARNING FOR MORAL EDUCATION AT SECONDARY SCHOOLS

ABSTRACT

The teaching and learning of Moral Education emphasise three moral domains: moral reasoning, moral emotions, and moral action to shape individuals with noble character. However, Moral Education teachers often emphasise moral reasoning rather than moral emotions and moral action. Therefore, this study proposes the design of Service Learning as an instructional approach that connects theory and practice by providing students with opportunities to engage in community service that meets community needs. This study utilises the Fuzzy Delphi Method (FDM) with 15 experts in the field of social sciences who have experience in Service Learning to determine the learning objectives, lesson content, learning strategies, and assessment guidelines for Moral Education in secondary schools. The findings of the study show that all the four main constructs have achieved expert consensus of over 75%, with a Threshold (d) value of <0.2 , and α -cut values exceeding 0.5. The proposed design is a relevant guideline for introducing Service Learning in secondary schools. This indicates that all the four main constructs are necessary for integrating Service Learning as a platform within the subject of Moral Education.

PENGHARGAAN

Dengan sukacitanya, saya ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih yang tak terhingga kepada penyelia, pakar penilai, dan rakan-rakan saya yang telah memberikan sumbangan dan bantuan yang berharga dalam proses penyempurnaan disertasi saya. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih yang tak terhingga kepada Profesor Dr. Norlidah Binti Alias, penyelia saya. Terima kasih kerana Prof. telah memberikan nasihat, tunjuk ajar, dan bimbingan yang mendalam sepanjang perjalanan penulisan disertasi ini. Dalam kesibukan rutin kerja, Prof. telah memberikan kesabaran dan meluangkan masa berharga untuk memastikan bahawa saya menyempurnakan disertasi ini. Saya amat menghargai kesungguhan dan dedikasi Prof. dalam membantu saya mencapai matlamat ini. Seterusnya, saya ingin mengucapkan penghargaan kepada pakar penilai dan panel seminar yang telah meluangkan masa dan tenaga untuk membaca dan menilai disertasi saya. Terima kasih kerana menyumbangkan kebijaksanaan dan pandangan yang mendalam. Saya menghargai ketelitian dan kesabaran anda dalam meneliti setiap aspek disertasi saya dan memberikan komen yang membantu untuk penambahbaikan. Selain itu, saya tidak dapat melupakan rakan-rakan yang turut memberi sumbangan dan bantuan sepanjang perjalanan ini. Dari perbincangan idea hingga memberikan maklum balas yang berharga, anda semua telah menjadi sumber inspirasi dan sokongan yang tidak ternilai. Saya menghargai masa yang telah anda luangkan untuk membantu saya mengatasi cabaran dan mencapai matlamat saya. Di samping itu, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada keluarga dan insan tersayang yang sentiasa memberi sokongan dan pengertian sepanjang proses ini. Sokongan emosi dan kepercayaan yang anda berikan telah memberi saya kekuatan untuk terus maju sehingga penyempurnaan disertasi ini.

LEONG HOOI LI

KANDUNGAN

BORANG PERAKUAN	ii
ABSTRAK	iii
<i>ABSTRAK</i>	iv
PENGHARGAAN	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI RAJAH	x
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
SENARAI LAMPIRAN	xiii
BAB 1: PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Pernyataan Masalah	6
1.3 Tujuan Kajian	13
1.4 Objektif Kajian	14
1.5 Persoalan Kajian	14
1.6 Kepentingan Kajian	15
1.7 Rasional Kajian	16
1.8 Limitasi Kajian	17
1.9 Definisi Operasional	18
1.9.1 Reka Bentuk	18
1.9.2 Pembelajaran Berasaskan Khidmat	19
1.9.3 Pendidikan Moral	19
1.10 Kerangka Konseptual	20
1.11 Rumusan	21

	BAB 2: SOROTAN LITERATUR	22
2.1	Pengenalan	22
2.2	Konsep Pembelajaran Berasaskan Khidmat	22
2.3	Definisi Pembelajaran Berasaskan Khidmat	25
2.4	Perbezaan antara Pembelajaran Berasaskan Khidmat, Kesukarelawanan, Khidmat Masyarakat, latihan amali dan Pendidikan Lapangan	31
2.5	Kepentingan Pembelajaran Berasaskan Khidmat	34
2.6	Konsep Pendidikan Moral	36
	2.6.1 Penaakulan Moral	38
	2.6.2 Emosi Moral	40
	2.6.3 Perlakuan Moral	42
2.7	Perkembangan Pendidikan Moral di Malaysia	43
2.8	Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Pendidikan Moral	51
2.9	Penerapan Pendidikan Moral melalui Pembelajaran Berasaskan Khidmat	55
2.10	Penerapan Nilai Murni melalui Pembelajaran Berasaskan Khidmat	60
2.11	Teori Dewey	64
2.12	Teori Kolb	66
2.13	Model Taba	69
2.14	Kajian Lepas Pembelajaran Berasaskan Khidmat	71
2.15	Rumusan	85
	BAB 3: METODOLOGI	86
3.1	Pengenalan	86
3.2	Reka Bentuk Kajian	86
3.3	Aplikasi Kaedah <i>Fuzzy Delphi</i>	87
3.4	Lokasi Kajian	91

3.5	Persampelan Kajian	93
3.6	Kriteria Pemilihan Pakar	94
3.7	Kajian Rintis	96
3.8	Kesahan dan Kepercayaan	98
3.9	Prosedur Pengumpulan Data	99
3.10	Instrumen Kajian	101
3.11	Prosedur Kajian	110
3.12	Prosedur Analisis Data	111
3.13	Rumusan	113
	BAB 4: ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN	114
4.1	Pengenalan	114
4.2	Temu Bual	114
	4.2.1 Objektif Pembelajaran	115
	4.2.2 Kandungan Pembelajaran	118
	4.2.3 Strategi Pembelajaran	120
	4.2.4 Penilaian Pembelajaran	122
4.3	Instrumen <i>Fuzzy Delphi</i>	124
4.4	Latar Belakang Pakar Kajian	127
4.5	Dapatan Kajian Pembelajaran Berasaskan Khidmat	130
4.6	Objektif Pembelajaran	134
4.7	Kandungan Pembelajaran	136
4.8	Strategi Pembelajaran	138
4.9	Penilaian Pembelajaran	139
4.10	Rumusan	141
	BAB 5: PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	143

5.1	Pengenalan	143
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	143
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	144
5.4	Objektif Pembelajaran	145
5.5	Kandungan Pembelajaran	152
5.6	Strategi Pembelajaran	156
5.7	Penilaian Pembelajaran	159
5.8	Implikasi Kajian	164
5.9	Implikasi Terhadap KPM	164
5.10	Implikasi Terhadap Guru	166
5.11	Implikasi Terhadap Pelajar	167
5.12	Implikasi Terhadap Komuniti	168
5.13	Cadangan Kajian Lanjutan	169
5.14	Rumusan	173
	RUJUKAN	174
	LAMPIRAN	190

SENARAI RAJAH

Rajah 1.10:	Kerangka Konseptual	21
Rajah 2.1:	Definisi Pedagogi Pembelajaran Berasaskan Khidmat	30
Rajah 2.2:	Perbezaan antara Program Perkhidmatan	32
Rajah 2.3:	Hubungan antara Penaakulan Moral, Emosi Moral dan Perlakuan Moral	38
Rajah 2.4:	Kitaran Pembelajaran Kolb	68
Rajah 3.1:	Graf Segi Tiga Min Melawan Triangular	89
Rajah 3.2:	Carta Alir Prosedur Analisis Data Menggunakan Kaedah <i>Fuzzy Delphi</i>	111

SENARAI JADUAL

Jadual 2.1:	Tipologi: Membezakan Tahap Pedagogi PBK	27
Jadual 3.1:	Skala <i>Fuzzy</i> – 5 Skala	89
Jadual 3.2:	Jawatan dan Kriteria Pakar yang Terlibat dalam Kajian	96
Jadual 3.3	Elemen Pembelajaran Berasaskan Khidmat Berdasarkan Kajian Literatur	102
Jadual 4.1	Instrumen Soal Selidik <i>Fuzzy Delphi</i>	125
Jadual 4.2	Demografi Pakar Kajian	128
Jadual 4.3	Skala <i>Fuzzy</i> – 5 Skala	131
Jadual 4.4	Nilai <i>Threshold (d)</i> Bagi Setiap Sub Item	133
Jadual 4.5	Objektif Pembelajaran	134
Jadual 4.6	Kandungan Pembelajaran	136
Jadual 4.7	Strategi Pembelajaran	138
Jadual 4.8	Penilaian Pembelajaran	139

SENARAI SINGKATAN

PBK	Pembelajaran Berasaskan Khidmat
FDM	<i>Fuzzy Delphi Method</i>
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PdPR	Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah
ALPdP	Aktiviti Di Luar Waktu Pengajaran dan Pembelajaran
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
SPI	Surat Pekeliling Ikhtisas
PBD	Pentaksiran Bilik Darjah
SULAM	<i>Service Learning for University Malaysia</i>
UA	Universiti Awam
IPG	Institut Pendidikan Perguruan
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum

SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Kelulusan Menjalankan Kajian BPPDP (EPRD)
- B Surat Kelulusan Menjalankan Kajian IPGM
- C Surat Kelulusan Menjalankan Kajian JPWPKL
- D Surat Kelulusan Menjalankan Kajian JPNS
- E Surat Lantikan Pakar
- F Protokol Temu Bual
- G Transkrip Temu Bual
- H Borang Pengesahan Pakar
- I Instrumen Fuzzy Delphi

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Isu pembelajaran Pendidikan Moral semakin menjadi tumpuan dalam dunia pendidikan lebih-lebih lagi isu ini selalu dikaitkan dengan kemerosotan akhlak yang semakin berleluasa dalam kalangan masyarakat. Fenomena ini merangkumi peningkatan kes jenayah, ketidakadilan, rasuah, keganasan terhadap kanak-kanak, pencabulan hak asasi manusia, dan merupakan bukti krisis kemerosotan moral di Malaysia (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021). Keadaan yang sama juga berlaku di seluruh dunia, menandakan perubahan ketara dalam pembangunan tamadun manusia. Pada masa yang sama, sekolah diwujudkan sebagai institusi pendidikan mempunyai peranan penting dalam mewujudkan iklim yang kondusif kepada pertumbuhan nilai, moral dan kesedaran agama dalam diri pelajar. Pendidikan moral merupakan mata pelajaran teras di pelbagai sekolah dari prasekolah hingga sekolah menengah. Dalam konteks Pendidikan di Malaysia, Pendidikan Moral telah berkembang lebih empat dekad dengan matlamat untuk mendidik individu supaya menjadi insan yang bermoral dalam sebarang aspek, berilmu dan berakhlak mulia, berintegriti dalam pembentukan karakter pelajar.

Dalam Laporan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, anjakan yang ketiga telah digariskan untuk melahirkan rakyat Malaysia dengan penghayatan nilai murni. Nilai murni sejagat seperti integriti, belas kasihan, adil dan penyayang yang dipelajari akan membantu pelajar dalam membuat keputusan yang beretika dan rasional.

Di samping itu, membina identiti nasional yang kukuh perlu seiring dengan pembangunan warganegara yang global. Mata pelajaran Pendidikan Islam, pendidikan Moral dan elemen sivik diperkukuh dengan penjenamaan semula kurikulum pada 2017. Bagi pelajar di sekolah menengah, elemen khidmat masyarakat menjadi wahana utama dalam pembentukan pelajar yang berakhlak mulia (KPM, 2013). Dalam Pendidikan di Malaysia, konteks budaya yang pelbagai menunjukkan kepentingan melaksanakan semangat patriotisme, perpaduan dan identiti nasional dalam pendidikan. Pembelajaran Berasaskan Khidmat disepadukan dengan modul yang dipertingkatkan diharapkan dapat memberi pengalaman praktikal kepada pelajar, menaikkan akhlak mulia, dan menyediakan mereka untuk menghadapi dunia pekerjaan yang mencabar. Ini juga selaras dengan PPPM Pengajian Tinggi 2013-2025 yang bertujuan agar pelajar mempunyai nilai yang mendalam dan pemikiran yang matang dalam dunia pekerjaan yang kompleks. (KPM, 2015; Siti Manisah Ibrahim, Zainudin Hassan, dan Rudy Bayang, 2020). Pengalaman dan pencapaian akademik yang cemerlang dalam dunia pembelajaran dapat membantu individu menghadapi tanggungjawab sivik dengan lebih baik di tempat kerja yang mencabar. Ini menjadi penting untuk memastikan pelajar memiliki peluang yang luas dalam menyesuaikan diri dengan budaya, mengembangkan pemikiran analitikal, dan memperbaiki kemahiran komunikasi di negara kita. (Norlaile Salleh Hudin dan Low, 2022)

Perkenalan Pembelajaran Berasaskan Khidmat (PBK) disepadukan dalam kandungan akademik tidak asing lagi dalam global pendidikan. PBK mula berkembang pesat dalam teori Dewey yang menekankan interaksi pengetahuan dan kemahiran melalui pembelajaran berasaskan pengalaman adalah kunci kejayaan kepada pembelajaran pada akhir abad ke- 20. (Giles dan Eyer, 1994; Jacoby, 1996; Lebovits dan Bharath, 2019). Pembelajaran ini mampu melahirkan pelajar mempunyai tanggungjawab sivik,

kemahiran sosial dan keperibadian positif. (Jakšić-Stojanović, 2019; Chan, Ngai dan Kwan, 2019; Veyvoda dan Van Cleave, 2020). Pada masa kini, banyak sekolah K-12 di Amerika Syarikat sedang melaksanakan PBK yang menggabungkan elemen-elemen perkhidmatan kepada komuniti dengan pengajaran di dalam bilik darjah. Aktiviti PBK yang dilakukan oleh pelajar sekolah perlu dikaitkan dengan kurikulum sedia ada. Seterusnya, pelajar sekolah perlu mempunyai refleksi pembelajaran yang terperinci atau membuat analisis kritis terhadap aktiviti PBK tersebut (*National Centre for Education Statistics*, 1999).

Pendidikan Moral merupakan mata pelajaran teras yang ditujukan khusus untuk pelajar sekolah rendah dan menengah bukan Islam (Akta Pendidikan 1996) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Matlamatnya adalah untuk menjadi insan yang bermoral dan berakhlak mulia menekankan aspek perkembangan penaaakuan moral, emosi moral dan perlakuan moral. Pada tahun 1989, pelajaran Pendidikan Moral telah diperkenalkan dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Mulai tahun 1993, Pendidikan Moral menjadi mata pelajaran peperiksaan di peringkat Sijil Belajar Malaysia (SPM). Pada tahun 2000, sukatan pelajaran KBSR dan KBSM telah disemak semula bagi memberi keutamaan kepada penghayatan nilai dalam membina sahsiah dan membentuk keperibadian insan mulia selaras dengan kehendak masyarakat. Bagaimanapun, dalam Mesyuarat Jemaah Menteri KPM Bilangan 14/2012, bertarikh 8 Ogos 2012 melaporkan bahawa Pendidikan Moral disifatkan kurang berkesan sehingga memerlukan pemeriksaan semula kandungan kurikulum (BPK,2013). Inisiatif ini adalah selaras dengan KSSM yang telah diperkenalkan pada tahun 2017, selaras dengan PPPM 2013-2025. Pelaksanaan KSSM Pendidikan Moral mengambil kira aspirasi murid untuk memenuhi keperluan negeri. Transformasi kurikulum ini bertujuan untuk

meningkatkan kejayaan pelajar dan membentuk insan yang berakhlak mulia yang menyumbang kepada perpaduan dan kemakmuran negara. (KPM,2016)

Proses pengubalan KSSM Pendidikan Moral merangkumi teras asas seperti Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Asas Pendidikan Kebangsaan, Wawasan 2020, Kerangka Reka Bentuk Jangka Panjang, Model Baru Ekonomi, dan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) (BPK,2016). KSSM Pendidikan Moral digubal dalam tujuh bidang pembelajaran dengan penerapan 18 nilai universal dan penekanan kepada penaakulan moral, emosi moral dan layanan moral. (KPM,2016). Ini selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Perlembagaan Malaysia, Rukun Negara, dan norma masyarakat berbilang kaum. (Vishalache Balakrishnan, 2012).

Susulan dengan itu, PPPM untuk pendidikan tinggi (2015-2025) pada 2015 memperkenalkan strategi Pengajaran dan Pembelajaran berimpak tinggi, termasuk Pembelajaran Berpengalaman dan Pembelajaran Melalui Komuniti (PBK). (KPM, 2015) Strategi ini menekankan sumbangan pelajar universiti kepada masyarakat dan menyelesaikan masalah komuniti melalui pengetahuan, kemahiran, dan nilai yang diperoleh melalui pengalaman praktikal. (Vishalache Balakrishnan, Yong Zulina Zubari dan Wendy Yee, 2022). PBK dapat diterapkan dalam mata pelajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah merupakan pendekatan yang memberi impak besar kepada pelajar. PBK dianggap sebagai amalan Pendidikan Berkualiti Tinggi (HIEP) di universiti terkemuka dunia, dan pendekatan ini menggabungkan pembelajaran objektif dengan khidmat masyarakat untuk menyediakan pengalaman pembelajaran yang progresif. Menurut Bringle dan Hatcher (1995), Whitley dan Walsh (2014), Maimoona Salam, Dayang Nurfatimah Awang Iskandar, Dayang Hanani Abang Ibrahim dan Muhammad Shoaib Farooq (2019), KPM (2019), dan Ronney dan Kirby (2021), PBK membantu

pelajar universiti meningkatkan pengetahuan teori dan praktikal dengan menyediakan pengalaman pembelajaran yang pragmatik. Keberkesanan PBK juga dapat dilihat dalam membantu pelajar universiti akhir tahun memahami pelajaran dan menghubungkan teori dengan amalan semasa memberi khidmat dalam masyarakat setempat (Norlaile Salleh Hudin, Juliana Osman, Suzyanty Mohd Shokory, dan Hariyati Ab Wahid, 2018).

Pelaksanaan PBK di universiti selari dengan konsep Aktiviti Di Luar Waktu Pengajaran dan Pembelajaran (ALPdP) Pendidikan Moral di sekolah menengah. ALPdP di sekolah menengah memperuntukkan 32 jam untuk masa tambahan dan aktiviti di luar sekolah, termasuk aktiviti pembelajaran berasaskan projek dan khidmat masyarakat. Ini selaras dengan penekanan kepada tiga domain moral dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Moral (KPM, 2016). KPM turut mengambil inisiatif proaktif dengan memperkenalkan Pendidikan Sivik melalui Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan KSSM pada Jun 2019. Pendidikan Sivik disepadukan dalam lima mata pelajaran teras, dan amalan sivik dititikberatkan melalui literasi sivik dan amalan sivik (KPM, 2019). Aspek amalan sivik Pendidikan Moral menekankan penglibatan murid di luar bilik darjah melalui aktiviti kokurikulum dan program sekolah pada minggu keempat setiap bulan (BPK, 2019).

Namun, pelaksanaan PBK di sekolah menengah juga menghadapi pelbagai cabaran. Kajian oleh Vijaya Malani Verasamy dan Vishalache Balakrishnan (2020) menyatakan cabaran seperti kekurangan peruntukan kewangan dan infrastruktur, isu pengurusan masa, dan kekurangan pendedahan oleh guru dan pelajar terhadap pelaksanaan ALPdP. Walaupun ALPdP memberi impak positif dalam membantu pelajar belajar melalui pengalaman, guru kelihatan kurang mahir dalam mereka bentuk ALPdP untuk mata pelajaran Pendidikan Moral (Vijaya Malani Verasamy, 2020). Maka, hasrat kajian ini

adalah untuk mereka bentuk PBK untuk mata pelajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah.

1.2 Pernyataan Masalah

Dalam konteks pendidikan di Malaysia, Pendidikan Moral hanya ditawarkan kepada pelajar bukan beragama Islam di peringkat sekolah rendah dan menengah (Akta Pendidikan, 1996). KSSM Pendidikan Moral bertujuan membentuk insan berakhlak mulia melalui tiga domain moral, iaitu penaaakulan moral, emosi moral, dan perlakuan moral (KPM, 2017). Pengintegrasian kerja amal dan media sosial dalam KBSM kerja kursus Pendidikan Moral telah terbukti meningkatkan kemahiran abad ke-21 dan domain moral pelajar (Hairul Faiezi Lokman, Fariza Khalid, dan Nurfaradilla Mohd Nasri, 2022). Ekoran daripada itu, Bamkin (2020) juga menunjukkan bahawa Kurikulum Pendidikan Moral di Jepun, dengan menitikberatkan pada nilai, tabiat, amalan, dan peraturan emosi melalui penyertaan PBK terbukti dapat memupuk domain moral. Oleh itu, kandungan KSSM Pendidikan Moral perlu menekankan pemikiran aras tinggi untuk menghasilkan pelajar yang mahir membuat keputusan dan menyelesaikan masalah, sesuai dengan pendekatan PBK.

Namun, realitinya, pengajaran Pendidikan Moral tidak mencapai matlamat Kurikulum Pendidikan Moral. Perubahan dari KBSR ke KSSR dan KBSM ke KSSM tidak membawa peningkatan yang signifikan dalam penekanan penaaakulan moral, emosi moral, dan perlakuan moral (Maizura Yasin dan Nur Surayyah Madhubala Abdullah, 2018; Kogindran Solumuthu dan Nadarajan Thambu, 2022). Walaupun ALPdP dan penyepaduan Pendidikan Sivik telah diperkenalkan, cabaran yang menekankan domain moral masih wujud dalam PdP Pendidikan Moral. Pada peringkat sekolah menengah, Pendidikan Moral masih diukur melalui peperiksaan awam yang lebih menitikberatkan

pada penaakulan moral berbanding emosi moral dan perlakuan moral. Guru cenderung lebih fokus pada hafalan nilai moral untuk memastikan kejayaan pelajar dalam peperiksaan awam, mengabaikan pemikiran kritis dan aplikasi nilai-nilai moral dalam kehidupan harian (Chang, 2010; Vishalache Balakrishnan, 2012; Bambang Sumintono, Lokman Mohd Tahir dan Mohd Anuar Abdul Rahman, 2012). Pendekatan ini mungkin menghalang perkembangan pelajar dalam memahami dan mengamalkan nilai-nilai moral untuk menyelesaikan masalah komuniti.

Dapatan kajian daripada Suppiah Nachiappan, Barathy Sinnasamy, dan Sandra Suffian (2017) dan Bawani Chandrasakeram (2022) menunjukkan kebanyakan guru masih menggunakan kaedah tradisional dalam pengajaran Pendidikan Moral. Kaedah ini tertumpu kepada penyampaian fakta moral daripada buku teks sebagai bahan bantu mengajar, tetapi hanya berorientasikan pertimbangan moral yang berkaitan dengan peperiksaan. Penilaian perkembangan moral pelajar dianggap kompleks, dan kaedah tradisional cenderung hanya menekankan penaakulan moral, yang mungkin tidak mencukupi untuk mengukur pemahaman moral, amalan nilai moral, dan tingkah laku pelajar.

Bertitik tolak daripada itu, pencapaian dalam peperiksaan dianggap hanya mencerminkan pengetahuan pelajar dan tidak dapat mencerminkan tahap kesantunan dalam pertuturan, tindakan dan emosi pelajar. Vishalache Balakrishnan (2021) dalam artikel bertajuk "The Regression in Moral Education" menyatakan bahawa kerja kursus Pendidikan Moral sebenarnya boleh membantu pelajar mengembangkan domain emosi moral dan pemahaman konsep moral, tetapi kurang mendapat perhatian daripada Lembaga Peperiksaan Malaysia. Hal ini turut disahkan oleh Suppiah Nachiappan et al., (2017) yang menyatakan bahawa kesepaduan nilai moral dengan pengalaman

kehidupan harian sukar dicapai sekiranya guru masih menggunakan pendekatan “*Chalk and Talk*” dan tidak mempelbagaikan kaedah pembelajaran dalam bilik darjah. Pembelajaran sehala dan sikap tak endah dalam pengajaran guru juga menyukarkan pelajar untuk memahami, mengingat, dan keberatan untuk mengambil bahagian dalam aktiviti di dalam atau di luar bilik darjah. Nadarajan Thambu, Ganesan Shanmugavelu, Manimaran Vadivelu, Latifah A.Jamil dan Kanaisan Kanapathy, (2020) menegaskan pengajaran ini membantutkan keupayaan pelajar untuk terlibat secara aktif seperti memberikan idea atau pendapat apabila ditanya oleh guru.

Lanjutan daripada itu, Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) Pendidikan Moral KBSM telah menawarkan kerja kursus dengan memberi fokus kepada tiga domain moral, tetapi kurang penjelasan pelaksanaannya daripada LPM (Vishalache Balakrishnan, 2006; Vijaya Malani Verasamy, 2020; Kogindran Solumuthu dan Nadarajan Thambu, 2022). Namun, impak terhadap pencapaian yang diharapkan tidak menepati jangkaan dengan pelbagai cabaran yang dihadapi. Lebih-lebih lagi, program ALPdP hanya dilaksanakan di sekolah menengah rendah seperti yang disyorkan dalam Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bilangan 9, KPM 2016 (KPM, 2016) mulai tahun 2017. Keadaan ini tidak berubah dengan format peperiksaan baharu KSSM Pendidikan Moral pada tahun 2021 yang telah menghapuskan kerja kursus SPM KBSM, yang memberi pendedahan kepada pelajar untuk menerapkan ketiga-tiga domain moral tersebut melalui aktiviti pembelajaran khidmat masyarakat (KPM, 2020). Dalam format baharu ini, kerja kursus digantikan dengan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). Kogindran Solumuthu dan Nadarajan Thambu (2022) menyatakan pemansuhan kerja kursus ini akan menyebabkan guru Pendidikan Moral lebih memfokuskan pengajaran mereka kepada domain penaakulan moral supaya pelajar dapat menjawab soalan peperiksaan awam.

Isu ini memerlukan perhatian serius untuk menilai ketiga-tiga domain Pendidikan Moral dengan sewajarnya, kerana penilaian yang berpaksikan format ini boleh membantutkan pencapaian matlamat kurikulum Pendidikan Moral untuk melahirkan insan yang berakhlak mulia dan berintegriti. Pengenalan PBD dalam KSSM Pendidikan Moral, termasuk pemansuhan kerja kursus SPM akan mengakibatkan kurangnya peluang bagi pelajar untuk mengaplikasikan ketiga-tiga domain moral melalui aktiviti pembelajaran khidmat masyarakat. Pelaporan PBD mungkin tidak mencerminkan sepenuhnya perkembangan moral pelajar dan boleh mengurangkan integrasi domain moral dengan kehidupan sebenar.

Penemuan kajian oleh Vijaya Malani Verasamy (2020) ke atas enam sekolah menengah di Lembah Klang telah menunjukkan bahawa persepsi guru Pendidikan Moral terhadap pengenalan ALPdP masih kurang jelas, terutamanya dari segi pedagogi dan pentaksiran. ALPdP yang dilaksanakan dalam KSSM Pendidikan Moral sepatutnya melibatkan pembelajaran *hands-on* dan *mind-on*, serta melibatkan pelajar dalam khidmat masyarakat dan refleksi terhadap aktiviti yang dilakukan. Walau bagaimanapun, guru menghadapi kesulitan dalam membimbing pelajar merancang aktiviti ALPdP yang mencakupi ketiga-tiga domain moral mengikut kandungan KSSM Pendidikan Moral. Punca utama adalah kurangnya panduan yang jelas dari KPM mengenai pelaksanaan ALPdP turut menyumbang kepada ketidakpastian guru. Hasil kajian Mohd Hasaidi Hassan dan Nadarajan Thambu (2018) menunjukkan bahawa efikasi sendiri guru Pendidikan Moral terpengaruh terhadap pedagogi, pembangunan karakter, dan penyesuaian pembelajaran. Oleh itu, latihan dan pembangunan profesional yang tidak mencukupi dalam bidang ini akan mengakibatkan keupayaan guru untuk menyampaikan PdP secara berkesan.

Selain itu, pelaksanaan ALPdP seperti yang ditetapkan dalam SPI Bil.9/2016 hanya dilaksanakan di peringkat sekolah menengah rendah dan tidak dilaksanakan di menengah atas. Ini menjadikan pelajar menengah atas kurang terlibat dalam aktiviti ALPdP kerana perubahan format peperiksaan telah menghapuskan kerja kursus amali. Pakej mata pelajaran KSSM Menengah Atas bagi peruntukan masa PdP Pendidikan Moral selama 64 jam tidak menggariskan peruntukan masa tentang pelaksanaan aktiviti PdP di luar waktu dan perlu dijalankan di luar bilik darjah dalam SPI Bil.6/2019 (KPM, 2019).

Sebelum pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) pada tahun 2017, Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan (PSK) dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang menekankan PBK yang membolehkan pelajar mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran, dan nilai pendidikan sivik di luar bilik darjah (KPM, 2004). Walau bagaimanapun, mulai tahun 2010, mata pelajaran ini tidak lagi ditawarkan dalam KSSM. Pada tahun 2019, Pendidikan Sivik dilaksanakan semula dan disepadukan dalam 5 mata pelajaran, termasuk Pendidikan Moral (KPM, 2019). Pelaksanaan Amali Pendidikan Sivik mempunyai pendekatan sama dengan PBK, namun menghadapi cabaran semasa pandemik Covid-19 pada tahun 2020.

Situasi ini terbukti apabila hasil tinjauan kajian Azni Yati Kamaruddin, Che Aleha Ladi, Abd Razak Zakaria, dan Vishalache Balakrishnan (2021) menunjukkan guru-guru memberikan sikap danelibatan positif dalam pelaksanaan Pendidikan Sivik, tetapi mengalami masalah dalam pengajaran dan pembelajaran dalam talian (PdPR), seperti capaian internet yang terhad, ketiadaan peranti digital pintar, dan sikap pelajar semasa pandemik Covid-19. Guru-guru perlu mencari inisiatif alternatif untuk melaksanakan aktiviti amali sivik. Oleh itu, PBK perlu dirancang dengan sesuai, terutamanya dalam konteks era ini dan pasca wabak ini. Berbeza dengan hasil kajian Joshua Caseley Akun

(2020) menunjukkan tahap kesediaan guru sekolah rendah dalam menyepadukan Pendidikan Sivik termasuk Pendidikan Moral adalah sederhana terutamanya dalam aspek pengetahuan terhadap kandungan pendidikan sivik, pengetahuan pedagogi, dan pengetahuan pentaksiran. Penguasaan guru terhadap pelaksanaan Pendidikan Sivik dalam aspek pedagogi dan pentaksiran masih kurang jelas sejak dilaksanakan pada tahun 2019. Kajian ini melibatkan guru-guru sekolah rendah saja dan tidak menganalisis keberkesanan pelaksanaan amali sivik.

Situasi serupa juga ditemui dalam PdPR Pendidikan Moral, di mana pemupukan amalan moral dalam kalangan pelajar menjadi cabaran baharu bagi guru. Pengajaran dan pembelajaran konvensional yang dijalankan secara bersemuka kurang efektif dalam PdPR, kerana perlukan penekanan pada domain penaakulan, emosi, dan perlakuan moral melalui aktiviti "*Hands-On*" (Nurul Azwani Mohd Idriki dan Bee Piang Tan, 2022). Pendidikan Moral yang kurang mendapat penekanan domain moral yang mencukupi, menyebabkan kurangnya integrasi dengan mata pelajaran lain dan kurang perhatian serta peruntukan masa untuk aktiviti di luar bilik darjah.

Lebih penting lagi bahawa anjakan ketiga dalam PPPM 2012-2025 menekankan penghasilan pelajar yang mampu menghayati nilai dan mempunyai pemikiran rasional sebagai fokus utama dalam menghasilkan guru-guru yang memiliki pemikiran moral yang berkualiti. (KPM, 2013; Norzihani Saharuddin dan Nur Surayyah Madhubala Abdullah, 2017). Walaupun demikian, masalah sosial seperti pecah rumah, membuli, dan penularan budaya gengsterisme serta hedonisme masih menjadi isu serius di negara kita. Statistik dari laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (2021) menunjukkan peningkatan kes jenayah kanak-kanak yang membimbangkan. Kesalahan pertama meningkat sebanyak 15.7

peratus kepada 4,916 kes, manakala kesalahan berulang menunjukkan penurunan sebanyak 27.2 peratus kepada 426 kes berbanding tahun sebelumnya.

Menyedari fenomena ini, kajian dijalankan oleh Ashotha Krishnan, Zaharah Hussin, dan Vishalache Balakrishnan (2019) telah menunjukkan bahawa aktiviti dalam mata pelajaran Pendidikan Moral yang sedia ada tidak cukup menarik minat pelajar juvenil untuk belajar dan mengaplikasikan nilai moral dalam kehidupan harian. Pendek kata, kegagalan guru mengaitkan pengalaman atau situasi sebenar secara fizikal dan mental dalam PdP Pendidikan Moral di sekolah juga menjadi faktor utama peningkatan gejala sosial. Kajian ini menegaskan bahawa Pendidikan Moral memainkan peranan penting dalam membentuk peribadi yang baik, memupuk masyarakat yang berperibadi mulia, dan membina masyarakat yang bermoral.

Seiring dengan perkembangan PBK baru-baru ini, pelaksanaan ini memberikan fleksibiliti kepada pendidik dan pelajar untuk melaksanakan kelas yang berkesan dan interaktif yang berfokus autonomi kognitif. (Norhafezah Yusof, Tengku Faekah Tengku Ariffin, Rosna Awang Hashim, Hasniza Nordin dan Amrita Kaur, 2020). Sejalan dengan itu, projek PBK yang dijalankan oleh Dickerson, Fall dan Helm-Stevens (2020) di Amerika Syarikat menunjukkan impak positif terhadap pelajar universiti dalam merancang kemahiran belajar, penetapan matlamat, perancangan masa depan, dan pengurusan kewangan. Pada masa yang sama, kajian oleh Hani'atul Hidayah, Muchtarom dan Triana Rejkiningsih (2021) juga menekankan keberkesanan PBK di sekolah menengah dalam membentuk sikap positif dan kemahiran pelajar. Aktiviti PBK juga dikenal pasti oleh Muñoz-Medina, Blanco dan Alberti (2021) terutamanya dalam pembelajaran STEM juga meningkatkan minat pelajar dan kemahiran berkomunikasi.

Namun, PBK masih kurang diberi perhatian di Malaysia, menurut Kogindran Solumuthu dan Nadarajan Thambu (2022) pemeraksanaan Aktiviti Pembelajaran Luar Bilik Darjah (ALPdP) harus diperkasa dan KPM harus memberi latihan dan menyalurkan kewangan kepada aktiviti ini. Aktiviti ini harus selari dengan *Service Learning for University Malaysia* (SULAM) iaitu elemen penting dalam Amalan Pendidikan Berimpak tinggi (HIEPs) merupakan lonjakan pertama di bawah PPPM 2015-2025 Pendidikan tinggi supaya pelajar sekolah menengah juga dapat mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai universal yang dipelajari di dalam bilik darjah serta menabur bakti kepada komuniti setempat. Menyedari hakikat ini, pembaharuan pengajaran Pendidikan Moral perlu memasukkan elemen PBK seperti khidmat komuniti dan pembangunan sosial (Norzihani Saharuddin dan Nur Surayyah Madhubala Abdullah, 2017; Kalaiselvi Ettikan, 2017; Liu dan Zhang ,2021; Nurul Azwani Mohd Idriki dan Bee Piang Tan, 2022). Ini dapat meningkatkan motivasi pelajar dalam membuat keputusan moral. Oleh itu, kajian berkaitan PBK perlu direka bentuk untuk diaplikasikan dalam mata pelajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah. Dalam reka bentuk PBK di sekolah menengah, kajian ini akan memberi sumbangan penting agar pelajar memiliki akademik cemerlang dan akhlak dapat direalisasikan.

1.3 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mereka bentuk PBK untuk Pendidikan Moral Sekolah Menengah. Kajian ini akan memfokuskan untuk mendapat pandangan kesepakatan pakar yang dari universiti awam, Institut Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia dan guru Pendidikan Moral di sekolah menengah.

1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah di atas, kajian yang dijalankan ini adalah berteraskan kepada objektif kajian berikut:

- i. Untuk menentukan objektif PBK bagi mata pelajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah.
- ii. Untuk menentukan kandungan PBK bagi mata pelajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah.
- iii. Untuk menentukan strategi PBK bagi mata pelajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah.
- iv. Untuk menentukan bentuk penilaian PBK bagi mata pelajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian di atas, kajian ini dijalankan dengan persoalan kajian seperti berikut:

- i. Apakah objektif PBK bagi mata pelajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah mengikut kesepakatan pakar?
- ii. Apakah kandungan PBK bagi mata pelajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah mengikut kesepakatan pakar?
- iii. Apakah strategi PBK bagi mata pelajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah mengikut kesepakatan pakar?
- iv. Apakah bentuk penilaian PBK bagi mata pelajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah mengikut kesepakatan pakar?

1.6 Kepentingan Kajian

Pelbagai kajian dan penyelidikan terhadap Pendidikan Moral telah dilaksanakan semenjak KBSM Pendidikan Moral dilaksanakan bermula tahun 1989. Kajian-kajian ini menjurus untuk mengenal pasti masalah dan cabaran yang wujud dalam memantapkan kurikulum Pendidikan Moral di Malaysia. Pemerhatian dan tinjauan kajian ini harus dilakukan oleh pelbagai pihak seperti KPM, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Institut Pendidikan Perguruan (IPG), Jabatan Pelajaran Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), dan sekolah menengah pelbagai aliran di Malaysia.

Antara kajian yang telah dilakukan adalah merangkumi penggubalan kurikulum, keberkesanan pedagogi guru dan pelajar, alat bantu mengajar, penilaian mengajar dan berbagai isu lagi. Reka bentuk PBK kepada guru dan pelajar di sekolah menengah sebagai satu panduan mengajar dalam mata pelajaran Pendidikan Moral belum diterokai oleh mana-mana pihak. Oleh itu, kajian ini wajar dilaksanakan untuk melihat keberkesanan pengajaran Pendidikan Moral dengan menggunakan reka bentuk Pembelajaran Berasaskan Khidmat dalam mengetahui peningkatan ketiga-tiga domain moral iaitu penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral pelajar di sekolah menengah.

Kajian ini amat penting kerana ini dapat dijadikan sebagai asas bagi golongan guru Pendidikan Moral menyampaikan kandungan Pendidikan Moral di sekolah menengah dengan menggunakan pelbagai kaedah PdP berpandukan reka bentuk PBK. Berdasarkan kepada pernyataan masalah telah menunjukkan bahawa terdapat keperluan untuk membangunkan reka bentuk PBK untuk Pendidikan Moral yang mempunyai pendekatan yang sama dengan ALPdP yang dilaksanakan di menengah rendah. ALPdP mempunyai peranan yang sama dengan PBK. PBK ialah pedagogi pengajaran yang menghubungkan kandungan bilik darjah dengan dunia sebenar masalah yang membolehkan pelajar

mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran sambil memberi impak mengenai isu tersebut (Maguire, 2016).

Hasil kajian dapat memberi manfaat kepada terutamanya kepada guru yang mengajar Pendidikan Moral di bawah KSSM. Guru boleh melihat cara pendekatan PBK diaplikasikan dalam PdP Pendidikan Moral bukannya hanya fokus mengajar teori sahaja dalam kelas tanpa mengintegrasikan pengalaman sebenar kepada pelajar. Pada era globalisasi kini, kurikulum Pendidikan Moral haruslah seiring dengan peredaran zaman bagi memastikan pelajar menguasai kemahiran Pembelajaran Abad ke-21 (PAK-21) yang berpusatkan kepada pelajar dari segi elemen seperti komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis, kreativiti serta penghayatan nilai murni dan etika (Nurul Azwani Mohd Idriki dan Bee Piang Tan, 2022). Kajian tentang reka bentuk PBK wajar dijalankan di sekolah menengah disebabkan kajian berkenaan PBK masih di peringkat pendedahan di universiti awam dan kajiannya di sekolah menengah masih dalam kuantiti yang sedikit. Tambahan pula, kajian ini memberikan satu pangkalan data kepada pengkaji lain atau datang boleh menjadikan metodologi serta hasil dapatan kajian ini sebagai panduan untuk menjalankan kajian dalam bidang Pendidikan Moral.

1.7 Rasional Kajian

Kajian ini penting kerana ia dapat memberi maklumat tambahan dan menjadi sumber yang berguna kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri, dan pihak sekolah khususnya dalam pembangunan dan pelaksanaan Pendidikan Moral secara menyeluruh sebagai teras dalam PdP di sekolah serta dijadikan satu amalan pembudayaan, ini kerana pelajar adalah calon generasi bangsa yang bakal menjadi tampuk utama pemimpin harapan bangsa dan negara yang mampu menjunjung tinggi nilai-nilai moral dengan akhlak dan budi pekerti yang baik serta menjadi generasi yang berilmu

pengetahuan tinggi dan menghiasi dirinya dengan sahsiah yang tinggi. Maka, pelaksanaan PBK di sekolah menengah merupakan salah satu kaedah PdP yang penting bagi meningkatkan kualiti pelajar dari segi sudut kemahiran berkomunikasi, memupuk sikap hormat-menghormati, pembinaan perwatakan diri dan memupuk tanggungjawab diri sebagai seorang pelajar. Maka, hasil kajian ini boleh menjadi panduan berguna kepada guru Pendidikan Moral mengendalikan proses PdP yang efektif.

1.8 Limitasi Kajian

Sampel untuk temu bual dan soal selidik adalah terhad kepada pensyarah universiti, pensyarah IPG Pegawai KPM, guru-guru dari sekolah menengah di zon tengah iaitu Perak, Putrajaya, Selangor dan Kuala Lumpur mungkin tidak menggambarkan keadaan di bahagian lain di Malaysia. Guru-guru yang terlibat dalam temu bual dan soal selidik terhad di sekitar Selangor dan Kuala Lumpur. Responden ini hanya dari sekolah menengah dan ini tidak mewakili keseluruhan populasi guru di seluruh negara.

Dalam kajian ini, terdapat 15 orang pakar yang dipilih menggunakan kaedah persampelan berdasarkan kepakaran mereka dalam pelbagai bidang khususnya dalam bidang sains sosial. Kumpulan pakar ini terdiri daripada pakar pendidikan dan pegawai pendidikan yang berpengalaman dalam penglibatan PBK. Pengkaji memilih pakar dari Zon Tengah kerana kebanyakannya terlibat dalam penggubalan kurikulum, penilaian buku teks yang berkaitan dengan aktiviti khidmat masyarakat serta menjadi pemeriksa peperiksaan awam. Pemilihan pakar dari zon ini adalah disebabkan oleh mereka memiliki masa yang mencukupi dan bersesuaian untuk mengambil bahagian dalam kajian ini. Pemilihan pakar ini sangat penting untuk memastikan mereka mampu memberikan pandangan yang tepat dalam konteks kajian yang sedang dijalankan.

Kajian ini bertujuan untuk membangunkan reka bentuk kurikulum bagi PBK untuk Pendidikan Moral dengan menggunakan aplikasi *Fuzzy Delphi*. Pertama, pengkaji menggunakan aplikasi ini bersandarkan hujah ohd Ridhuan Mohd Jamil dan Nurulrabihah Mat Noh (2021) yang mengatakan bahawa aplikasi *Fuzzy Delphi* mampu digunakan bagi mendapatkan konsensus pakar dalam sesuatu permasalahan. Walau bagaimanapun, sampel kajian yang bakal dipilih adalah berdasarkan kepakaran yang dimiliki oleh mereka dalam reka bentuk bagi PBK untuk Pendidikan Moral di sekolah menengah. Responden adalah secara sukarela yang mampu memberikan kerjasama dalam menjayakan kajian ini. Tambahan lagi, semua pakar yang dipilih perlu berpengetahuan dan berkemahiran tinggi, serta telah berkhidmat dalam bidang secara khusus berterusan melebihi tempoh antara lima hingga sepuluh tahun (Creswell dan Creswell, 2018). Oleh itu, reka bentuk PBK di sekolah menengah yang dinyatakan dalam kajian ini adalah berdasarkan pendapat pakar yang terpilih sahaja, menjadikan kajian ini relevan kepada kurikulum pendidikan di Malaysia sahaja.

1.9 Definisi Operasional

Berikut adalah definisi operasional yang digunakan dalam kajian ini. Antaranya ialah Reka Bentuk, PBK dan Pendidikan Moral.

1.9.1 Reka Bentuk

Reka bentuk kurikulum boleh didefinisikan sebagai satu pendekatan berasaskan kecekapan modul adalah satu sistem yang antaranya untuk menentukan objektif, pemilihan, pembinaan kandungan proses pengajaran, sokongan organisasi dan teknologi pelajar menyediakan berdasarkan pengenalan kompetensi yang memastikan produktiviti dan keberkesanan sesuatu aktiviti profesional. (Druzhinina, Belkova, Donchenko, Liu, dan Morozova, 2018) Dalam konteks kajian ini, reka bentuk yang terbentuk adalah

meliputi objektif pembelajaran, kandungan pembelajaran, strategi pengajaran dan penilaian terhadap Pembelajaran Berasaskan Pembelajaran dengan mengintegrasikan ketiga-tiga domain Moral dan nilai universal (KPM, 2017) kepada pelajar Pendidikan Moral di sekolah menengah. Reka bentuk ini adalah komponen paling penting dalam kurikulum kerana dapat membantu guru dan pelajar dalam mencapai hasil pembelajaran untuk memupuk pembentukan sahsiah yang baik di dalam atau di luar bilik darjah.

1.9.2 Pembelajaran Berasaskan Khidmat (PBK)

PBK dalam kajian ini adalah bertujuan agar pelajar di sekolah menengah dapat mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran serta nilai universal yang dipelajari oleh pelajar di dalam bilik darjah serta boleh memberi sumbangan kepada komuniti dan masyarakat. Melalui PBK, pelajar di sekolah menengah akan didedahkan dengan konteks pembelajaran khidmat masyarakat melalui mata pelajaran Pendidikan Moral ke arah dunia yang sebenar. Apabila matlamat perkhidmatan dan pembelajaran dititikberatkan dalam pembangunan projek maka matlamat dalam bilik darjah bersama-sama dengan hasil perkhidmatan yang meningkat akan memberikan pengalaman timbal balik kepada semua pelajar, maka kami telah mencapai PBK di sekolah (Phelps, 2012). Selain itu, PBK berfokus kepada aktiviti dan persekitaran pembelajaran yang berpusatkan pelajar, yakini boleh membawa kepada kewujudan rasa pembelajaran yang bermatlamat dan bermakna, bermotivasi, penglibatan yang mendalam dan akhirnya pemahaman mendalam tentang Pendidikan Moral di kalangan pelajar, dengan bermatlamat dalam pembentukan sahsiah yang baik di kalangan pelajar.

1.9.3 Pendidikan Moral

Pendidikan Moral diajar di sekolah menengah dengan harapan dapat melahirkan pelajar yang berakhlak mulia dan berintegriti yang berpegang kepada nilai universal berasaskan

prinsip moral berpandukan domain moral iaitu penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral. Domain moral ini menjadi wahana dalam kurikulum pedagogi dalam bidang pembelajaran KSSM Pendidikan Moral. (KPM, 2017) Dalam konteks kajian ini, Pendidikan Moral mentakrifkan pembentukan watak yang berakhlak mulia dalam persekitaran sekolah sebagai "Pembelajaran yang memimpin" mengenai pengukuhan dan perkembangan tingkah laku pelajar di sekolah menengah secara keseluruhan yang berdasarkan kepada nilai universal melalui PBK untuk Pendidikan Moral. Kajian ini akan tertumpu kepada bidang pembelajaran KSSM Pendidikan Moral seperti yang dicadangkan dalam strategi PdP dari tingkatan 4 dan 5 iaitu pembelajaran aktif, pembelajaran penyelesaian masalah, pembelajaran khidmat masyarakat dan pembelajaran berasaskan projek akan diaplikasikan dalam reka bentuk kurikulum pedagogi PBK.


1.10 Kerangka Konseptual

Kajian yang dijalankan ini adalah suatu kajian tentang reka bentuk bagi PBK untuk Pendidikan Moral di Sekolah Menengah. Pembinaan reka bentuk ini adalah merangkumi empat aspek Teori Pembelajaran Dewey (1962) (sosial persekitaran, organisasi pengetahuan dan kandungan, kesediaan pelajar, hasil pembelajaran) dan teori pembelajaran Kolb (1984) serta bagaimana domain moral diintegrasikan ke dalam PBK dalam mata pelajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah. Komponen yang dirancang mestilah selari dengan domain moral iaitu Penaakulan Moral, Emosi Moral dan Perlakuan Moral. Reka bentuk PBK selari dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang menyarankan Pendidikan di Malaysia sebagai satu usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara holistik dan bersepadu. Keberkesanan kurikulum KSSM Pendidikan Moral diperkenalkan semenjak tahun 2017 oleh KPM terletak di pelaksana di sekolah iaitu pihak pentadbir, guru dan agensi luar. Maka,

kerangka kajian ini dirangka dengan memfokuskan golongan pakar atau berpengalaman dalam PBK sebagai pakar rujuk untuk menghasilkan reka bentuk kajian ini. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti objektif pembelajaran, kandungan pembelajaran, strategi pembelajaran dan penilaian pembelajaran yang boleh diterima oleh guru Pendidikan Moral dalam reka bentuk PBK seperti rajah 1.1.

Rajah 1.1:

Kerangka Konseptual



1.11 Rumusan

Bab ini telah menerangkan dengan terperinci tentang pengenalan, latar belakang, pernyataan masalah, kepentingan kajian, rasional kajian, limitasi kajian definisi operasional dan kerangka konseptual.

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab ini akan menerangkan mengenai Pengenalan, Konsep PBK, Definisi PBK, Perbezaan antara PBK dengan Perkhidmatan Komuniti dan Program Latihan Berasaskan Perkhidmatan, Kepentingan PBK, Konsep Pendidikan Moral, Perkembangan Pendidikan Moral di Malaysia, Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Moral, Penerapan Pendidikan Moral melalui PBK, Penerapan Nilai Murni Melalui PBK, Teori Dewey, Teori Kolb, Model Taba dan Kajian-kajian Lepas PBK.

2.2 Konsep Pembelajaran Berasaskan Khidmat (PBK)

PBK yang lebih dikenali *Service Learning* diperkenalkan adalah bertujuan mengintegrasikan perkhidmatan komuniti dan hasil pembelajaran secara holistik. Bagi McLEOD (2017), PBK ialah pedagogi mantap yang menggunakan pengalaman dunia sebenar iaitu di luar bilik darjah untuk mengukuhkan motivasi pelajar dan meningkatkan keberkesanan pembelajaran mereka. Melalui pembelajaran ini, pelajar dapat menterjemahkan pengetahuan teoretikal dan pengalaman praktikal untuk dikongsi dengan masyarakat, dan juga akan membantu pelajar memupuk tanggungjawab sivik, kemahiran sosial, dan keperibadian positif. Ramsaroop dan Petersen (2020) juga menyatakan PBK dapat mendorong perubahan tanggapan tentang kewarganegaraan dan timbal balik pembelajaran. Pembelajaran ini telah memperluaskan strategi pedagogi pelajar untuk pengajaran pengajian sosial dan mendalami refleksi mereka terhadap pengajaran, di samping menggalakkan timbal balik dalam proses pembelajaran untuk menukar idea

mereka tentang maksud kewarganegaraan melalui aktiviti luar bilik darjah. Secara tidak langsung, PBK mampu meningkatkan keyakinan dan mendedahkan pelajar kepada budaya pemikiran kritis dalam mencapai pemahaman yang lebih mendalam mengenai kandungan pembelajaran.

Kemunculan hubungan antara pendidikan dan perkhidmatan telah lama berlaku sejak sekian lama. Konsep pendidikan dan perkhidmatan boleh dikesan sejak zaman Aristotle dan John Locke yang menganggap khidmat masyarakat sebagai salah satu matlamat Pendidikan. Pada akhir abad ke-20, John Dewey mengembangkan idea perkhidmatan sebagai sebahagian daripada pendidikan dan pedagogi (Ng, 2017). PBK ialah pelbagai pedagogi yang menghubungkan khidmat masyarakat dan kajian akademik supaya masing-masing mengukuhkan satu sama lain. Teori asas PBK ialah Dewey menerangkan interaksi pengetahuan dan kemahiran dengan pengalaman adalah kunci kepada pembelajaran. PBK ialah pendekatan pedagogi yang berkembang berakar umbi dalam rangka kerja refleksi tindakan John Dewey (Jacoby, 1996). Menurut kajian daripada Lebovits dan Bharath, (2019) mereka menyatakan bahawa perspektif Dewey menyerlahkan keperluan untuk pelajar mengalami dan bergelut dengan cita-cita dalam penghayatan diri sendiri. Dewey mengambil kira peranan yang penting terutamanya dalam institusi pendidikan supaya memupuk pembelajaran berasaskan pengalaman ini. Secara khususnya, Dewey menyatakan PBK sebagai alat keperluan untuk pendidik menyediakan pelajar menghadapi ketidakpastian dan menggalakkan kebolehcapaian dalam memahami dan menggunakan prinsip demokrasi kepada situasi baharu.

Dari sejarah awal orang asli Amerika kepada masyarakat moden, perkhidmatan dan kesukarelawanan telah lama diberi penghormatan sebagai etika budaya setempat yang telah memberi sumbangan besar kepada manfaat masyarakat. Pendekatan PBK telah lama

diperkenalkan di Amerika Syarikat, Kanada, Britain dan Australia. Kajian mengenai amalan PBK di negara tersebut menunjukkan perubahan positif yang ketara di kalangan pelajar sejak ia dilaksanakan secara komprehensif di semua peringkat pengajian (Najah Nadiah Amran, Maznah Ibrahim, Rosilah Hassan dan Khaidzir Ismail, 2016). Kurikulum pendidikan di negara-negara tersebut telah menekankan perlunya kerja sosial dan sukarelawan sebagai sebahagian elemen dalam kurikulum untuk diterapkan kepada para pelajar. Furco (2003) mengesyorkan mempertimbangkan benefisiari dan fokus kepada kursus PBK untuk menentukan sama ada memberi tumpuan kepada hasil perkhidmatan atau hasil pembelajaran. Pendekatan yang lebih seimbang untuk pembelajaran melalui pengalaman boleh dicapai melalui sukarelawan, khidmat masyarakat, latihan dan pendidikan lapangan. semasa program berlangsung, pelajar boleh mengambil bahagian dalam aktiviti yang memenuhi keperluan komuniti atau memberi peluang untuk mengetahui sebab dan keperluan komuniti tersebut.

Sehubungan itu, PBK berjaya membantu dan meningkatkan pengetahuan komuniti mengenai maklumat dan teknologi terkini yang terdapat di pusat pembelajaran pelajar. Ini telah dibuktikan oleh kajian Veyvoda dan Van Cleave (2020) yang menunjukkan bahawa PBK banyak memberi manfaat dari aspek amalan maya, hybrid atau secara peribadi telah menjadi komponen penting dalam pendidikan liberal yang boleh membantu pelajar universiti mengamalkan kemahiran klinikal, membangunkan budaya masyarakat penyayang dan pengetahuan silang budaya, memperoleh pemahaman tentang sosial ketidaksamaan dan jurang penjagaan kesihatan, dan membina positif hubungan dengan komuniti mereka semasa pandemik Covid-19. PBK telah menjadi platform untuk mempromosikan rasa tanggungjawab, penyayang, kewarganegaraan, kompeten, dan proses pembenihan ilmu kepada masyarakat dan negara (Maznah Ibrahim, Norain Azlan, Nor Afian Yusof, Jamsari Alias dan Najah Nadiah Amran, 2018). PBK menjadi medan kepada

persekitaran pembelajaran yang boleh melatih bakat pelajar dan menggilap potensi mereka. Manfaat kursus PBK untuk pelajar yang terlibat adalah meluas. Perkara ini termasuk pencapaian akademik, pemikiran aras tinggi kemahiran, pemikiran kritis dan penyelesaian masalah kemahiran, kemahiran komunikasi, kesedaran sosial dan pemahaman, empati, penglibatan sivik atau tanggungjawab, transformasi peribadi dan perkembangan interpersonal, efikasi sendiri, moral pembangunan, kepimpinan, dan kecenderungan ke arah perkhidmatan masa depan dan kerjaya perkhidmatan. (Chan, Ngai dan Kwan, 2019).

PBK menggabungkan perkhidmatan komuniti yang bermakna dengan objektif kursus dan tugas untuk meningkatkan pengalaman pembelajaran, memperoleh pemahaman yang lebih mendalam tentang kandungan kursus, menggalakkan pembangunan profesional, mengajar tanggungjawab sivik, menggalakkan penglibatan sivik sepanjang hayat dan mengukuhkan komuniti. Kenyataan turut disokong oleh Robinder (2012) bahawa PBK merupakan pedagogi yang berkesan terhadap sivik terutamanya apabila pendidik menggunakan tugas refleksi yang ketat untuk mencabar pelajar semasa mempertimbangkan peranan mereka di luar bilik darjah sebagai rakyat dan pemimpin. Pengalaman PBK juga dinyatakan oleh Mishal, Singh dan Tiwari (2021) dapat meningkatkan penyertaan Sivik menghasilkan pemahaman yang lebih baik tentang Nilai Sivik dan Sosial; konsep efikasi sendiri sebagai sebahagian daripada Komuniti; dan peningkatan komitmen terhadap perkhidmatan kepada masyarakat.

2.3 Definisi Pembelajaran Berasaskan Khidmat (PBK)

Terdapat pelbagai definisi dalam PBK, Menurut Maimoona Salam et al. (2019), PBK ialah pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman, yang secara sengaja mengintegrasikan komuniti perkhidmatan dengan pembelajaran bilik darjah, kerana

pendekatan ini telah menyediakan pengalaman pembelajaran dunia sebenar untuk pelajar mengaplikasikan tentang pengetahuan praktikal daripada pengalaman lapangan secara langsung. Untuk meningkatkan pemahaman pelajar yang lebih baik tentang kandungan kursus dan pengetahuan teori, meningkatkan bilangan ahli akademik menggabungkan pembelajaran perkhidmatan dalam kurikulum mereka.

Seperti yang dinyatakan oleh Furco (1996), walaupun pelbagai jenis program khidmat masyarakat telah diwujudkan, PBK memberi manfaat kepada kedua-dua penyedia perkhidmatan dan mereka yang menerima perkhidmatan, menekankan bahawa kedua-duanya berlaku serentak. Sehubungan itu Sigmon (1994) membangunkan tipologi yang menggambarkan bagaimana seseorang boleh mengintegrasikan sepenuhnya konsep perkhidmatan dan pembelajaran dalam sempadan sukatan pelajaran bilik darjah apabila penglibatan sivik berasaskan kampus menjadi semakin terjalin dengan objektif pembelajaran bilik darjah. Empat tahap pedagogi pembelajaran perkhidmatan digambarkan oleh beliau dalam Jadual 2.1. PBK ialah sebarang aktiviti atau projek yang dijalankan tanpa mengambil kira objektif pembelajaran bilik darjah yang khusus, atau yang memisahkan sepenuhnya aktiviti daripada matlamat pembelajaran. Sebagai sebahagian daripada PBK, tumpuan utama adalah pada hasil perkhidmatan manakala matlamat pembelajaran adalah sekunder. Walau bagaimanapun, jika objektif pembelajaran kursus menjadi pemacu utama untuk projek perkhidmatan sedangkan membantu, ia tidak akan meningkatkan hasil organisasi perkhidmatan. Menurut Sigmon (1994), ini adalah PBK. Pembelajaran ini bertujuan untuk mencapai kedua-dua matlamat bilik darjah dan hasil bilik darjah, di mana matlamat bilik darjah dan matlamat perkhidmatan diberi sama berat atau sama penting dalam proses pembangunan projek. Apabila semua peserta telah saling meningkatkan kebolehan masing-masing dan memberikan pengalaman timbal balik kepada mereka semua, kita telah mencapai PBK.

Jadual 2.1:

Tipologi: Membezakan Tahap Pedagogi PBK

Kesinambungan Langkah Pembelajaran Berasaskan Khidmat (PBK)	Benefisiari Utama Dan Sekunder
Pembelajaran Berasaskan Khidmat	Perkhidmatan dan matlamat pembelajaran berasingan sepenuhnya
PEMBELAJARAN Berasaskan Khidmat	Matlamat pembelajaran adalah yang utama; hasil perkhidmatan adalah sekunder
Pembelajaran Berasaskan KHIDMAT	Hasil perkhidmatan adalah utama; matlamat pembelajaran adalah sekunder
PEMBELAJARAN BERASASKAN KHIDMAT	Perkhidmatan dan matlamat pembelajaran yang sama berat atau sama penting, timbal balik

Sigmon dan Pelletier (1996) menyimpulkan bahawa Pembelajaran ini adalah "perkhidmatan digabungkan dengan pembelajaran menambah nilai kepada setiap satu dan mengubah kedua-duanya". Pekerja khidmat masyarakat menyediakan perkhidmatan yang tulen kepada orang lain manakala kedua-dua pihak, penerima dan pemberi ganjaran, diberi ganjaran secara peribadi dan mengaitkan pembelajaran itu kepada kurikulum akademik, mencerminkan dengan penuh kesedaran kepada PBK (Richards, Sanderson, Celio, Grant, Choi, George dan Deane, 2013). Menurut kajian Shek, Yang, Ma dan Chai (2021), mereka juga memberi kesimpulan bahawa pedagogi PBK mengaitkan dengan perkhidmatan masyarakat dan kajian akademik supaya kedua-duanya diperkukuh semasa pelajar menjalankan sesuatu projek. Pelajar boleh menyepadukan pengalaman kursus mereka, menghargai pengetahuan yang berkaitan, dan membina nilai peribadi mereka semasa pengalaman pendidikan yang memberi kredit ini.

SULAM yang dilaksanakan di universiti awam dan swasta mendefinisikan bahawa PBK sebagai perkhidmatan yang dikenal pasti oleh pengkaji melalui perundingan formal atau tidak formal dengan agensi bukan kerajaan, kerajaan, dan organisasi berasaskan komuniti, yang direka untuk meningkatkan kualiti hidup bagi penduduk komuniti, terutamanya individu berpendapatan rendah atau kepada menyelesaikan atau menangani masalah tertentu yang berkaitan dengan keperluan mereka (KPM, 2019). Walaupun takrifan SULAM yang dinyatakan KPM (2019) mempunyai sedikit perbezaan dengan definisi yang dinyatakan oleh Sigmon (1994), namun begitu objektif utama SULAM dapat diterjemahkan sebagai aktiviti yang sama dengan definisi PBK iaitu meningkatkan pembelajaran pelajar dengan menghubungkan aspek teori dan praktikal dalam dunia sebenar, meningkatkan sahsiah kemahiran sivik dan kewarganegaraan dalam kalangan pelajar, memenuhi keperluan masyarakat melalui aktiviti kesukarelawanan dengan menggunakan kepakaran pelajar, mewujudkan persekitaran kolaboratif antara pelajar, tenaga pengajar dan masyarakat di samping memberi peluang kepada agensi dan syarikat perbadanan dan NGO menyumbang kepada masyarakat melalui kesukarelawanan. (KPT, 2021a)


Bagi peringkat di sekolah pula, takrifan untuk Perkhidmatan berasaskan Khidmat yang dilaksanakan di sekolah bagi mata pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan (PSK) pada tahun 2005 di sekolah rendah dan menengah pula ialah membolehkan pelajar mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran, dan nilai pendidikan sivik mereka di luar bilik darjah, memupuk patriotisme, penyayang, dan menggalakkan rasa tanggungjawab terhadap keluarga, sekolah dan masyarakat, serta menyumbang ke arah kesejahteraan keluarga, sekolah dan masyarakat dengan melibatkan diri dalam pembelajaran *hands-on* atau aktif di samping mempelajari pengetahuan sivik. Oleh itu, pelajar diwajibkan mengambil bahagian dalam projek PBK sekurang-kurangnya 10 jam setiap tahun. (KPM,

2004). Walau bagaimanapun, mulai tahun 2010, mata pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan tidak ditawarkan sebagai salah satu mata pelajaran bagi menengah rendah dalam KSSM kerana mata pelajaran Sejarah akan menggantikan mata pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan dengan menerapkan elemen kewarganegaraan sebagai salah satu kandungan dalam mata pelajaran Sejarah. (KPM, 2016). Dalam konteks mata pelajaran Pendidikan Moral, definisi berkaitan dengan pelaksanaan Pkhidmtan Berasaskan Khidmat atau lebih dikenali dalam ALPdP yang dilaksanakan di sekolah menengah rendah mulai tahun 2017 dengan menggabungkan pengetahuan domain moral dan aktiviti khidmat masyarakat untuk menjalankan tanggungjawab dan kepimpinan pelajar dengan memberi pembelajaran pengalaman timbal balik kepada diri sendiri dan komuniti setempat. (KPM, 2016).

Oleh yang demikian, tidak dapat dinafikan bahawa PBK semakin menjadi satu trend yang popular yang melibatkan pelajar dalam aktiviti khidmat sosial bukan sekadar untuk memberi sumbangan kepada masyarakat sebaliknya dapat menggabungkan pelajaran akademik dengan pengalaman hidup yang sebenar. Secara umumnya, PBK didefinisikan sebagai pedagogi yang memberikan pengalaman pendidikan seperti ditunjukkan dalam rajah 2.1.

Rajah 2.1:

Definisi Pedagogi PBK



- i. Meningkatkan pembelajaran dalam mata pelajaran sekolah tertentu atau merentasi disiplin ilmu atau pengetahuan dalam akademik.
- ii. Membuat perubahan dalam dunia sebenar membawa kepada perkembangan peribadi dan keyakinan diri.
- iii. Secara kolaboratif membangunkan kemahiran sosial dan kemahiran penglibatan sivik dalam pelajar dan komuniti. (KPM, 2015; KPM, 2019 ; Valerie Bukas Marcus, Noor Azean Atan, Rohaya Talib, Adibah Abdul Latif, dan Sanitah Mohd Yusof, 2019; Simsek, 2020)
- iv. Dengan menyelesaikan tugas pemindahan, pelajar mendapat pemahaman yang lebih baik tentang teori dan konsep akademik. (Simsek, 2020)
- v. Aplikasi dunia sebenar digabungkan dengan pembelajaran bilik darjah untuk meningkatkan hasil pembelajaran secara dramatik. (Resch dan Schritteser, 2021)

2.4 Perbezaan antara Pembelajaran Berasaskan Khidmat (PBK), Kesukarelawanan, Khidmat Masyarakat, Latihan Amali dan Pendidikan Lapangan


Matlamat PBK adalah untuk memperkayakan pembelajaran, mengajar tanggungjawab sivik, dan mengukuhkan komuniti melalui khidmat masyarakat yang bermakna. Pada asasnya, PBK melibatkan proses pembelajaran berstruktur yang menggabungkan perkhidmatan komuniti dengan persediaan dan refleksi untuk meningkatkan hasil pembelajaran akademik mereka dengan tanggungjawab mereka sebagai warganegara dalam komuniti mereka. Dari segi istilah PBK digunakan secara bertukar ganti dengan istilah lain seperti Latihan, Perkhidmatan Komuniti, Pendidikan Berasaskan Lapangan, dan Kesukarelawanan, kerana ia merupakan konsep berbilang dimensi. PBK adalah lebih daripada satu cara untuk belajar. Walaupun begitu, para pengkaji telah menunjukkan bahawa PBK berbeza dalam banyak cara daripada kaedah pedagogi diajar di dalam bilik darjah. Menurut Furco (1996) dan Kasinath dan Chairman (2013) telah menunjukkan daripada projek khidmat masyarakat kepada Pendidikan lapangan dan program latihan amali, PBK merangkumi pelbagai usaha pendidikan berasaskan pengalaman. Pengalaman yang dipantau dengan teliti dianggap sebagai PBK oleh Persatuan Kebangsaan Pendidikan Berasaskan Pengalaman di Amerika Syarikat.

Ternyata terdapat beberapa persilangan antara PBK dan Khidmat Masyarakat, tetapi hasilnya berbeza. Kita perlu memahami perbezaan supaya kita boleh memindahkan semua program khidmat masyarakat yang 'bertujuan baik' ke dalam program PBK yang lebih bermakna. Menurut Furco (2003), seseorang boleh melihat dengan lebih mudah sama ada aktiviti itu beralih ke arah hasil perkhidmatan yang lebih fokus dengan dermawan komuniti atau ke arah lebih menumpukan hasil pembelajaran dengan pelajar sebagai dermawan. Jika fokus dan benefisiari adalah sama seimbang, kami telah mencapai PBK. Manakala setiap pengalaman di bawah boleh berubah dengan teliti ke

arah pendekatan yang lebih seimbang, Rajah 2.2 mewakili ilustrasi bagaimana peluang pembelajaran berasaskan pengalaman ini secara tradisinya telah dilaksanakan melalui aktiviti seperti kesukarelawanan, khidmat masyarakat, latihan amali dan pendidikan lapangan.

Rajah 2.2:

Perbezaan Antara Program Perkhidmatan



Sumber: Diadaptasi daripada Furco (2003)

PBK berbeza dari segi Program perkhidmatan iaitu:

Kesukarelawanan: Dalam konteks ini, kesukarelawanan boleh ditakrifkan sebagai aktiviti pelajar di mana penekanan utama diberikan kepada penyediaan perkhidmatan kepada ahli komuniti dan di mana penerima utama yang dimaksudkan ialah masyarakat setempat. kesukarelawanan dilaksanakan oleh pelajar kampus kolej didorong oleh penglibatan aktiviti kokurikulum yang tidak berkaitan dengan kursus akademik atau objektif pembelajaran. Oleh itu, ia tidak dikira sebagai PBK dalam erti kata akademik.

Khidmat Masyarakat: Khidmat masyarakat dikehendaki pelajar melibatkan diri dalam aktiviti yang tertumpu pada penyediaan perkhidmatan tanpa memikirkan perkembangan

peribadi mereka dan kesedaran tentang kepelbagaian. Pelajar mungkin akan mendapat sedikit manfaat daripada mempelajari cara perkhidmatan serta boleh membawa perubahan dalam kehidupan seseorang, namun begitu perkhidmatan yang dijalankan itu tidak berkaitan secara langsung dengan matlamat pembelajaran akademik pelajar. Program ini berbeza daripada sukarela kerana ia melibatkan tahap struktur dan komitmen pelajar yang lebih tinggi berbanding dengan sukarela. Biasanya, pelajar mengambil bahagian dalam aktiviti yang berkaitan dengan tujuan yang memenuhi keperluan masyarakat, seperti kitar semula atau mengindahkan alam sekitar, melalui penglibatan secara sukarela. Dengan membersihkan kawasan hijau dalam komuniti, perkhidmatan yang disediakan terutamanya direka untuk memenuhi keperluan masyarakat, tetapi ia juga mungkin memberi peluang kepada masyarakat untuk mengetahui lebih lanjut tentang punca dan keperluan masyarakat secara keseluruhan.

Latihan Amali: Latihan amali melibatkan pelajar dalam aktiviti perkhidmatan terutamanya untuk tujuan menyediakan pelajar dengan pengalaman praktikal yang meningkatkan pembelajaran atau pemahaman mereka tentang isu berkaitan dengan disiplin pengajian mereka. Sedangkan aktiviti ini memberi pengetahuan profesional perkhidmatan kepada organisasi, objektif utama adalah untuk memberi pelajar pengalaman dunia sebenar untuk mengaplikasikan matlamat pembelajaran yang telah dipelajari sebelum ini dalam suasana bilik darjah.

Pendidikan Lapangan: Pelajar yang mengambil bahagian dalam Pendidikan Lapangan mempunyai peluang untuk melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum yang berkaitan, tetapi tidak digabungkan sepenuhnya dengan pengajaran bilik darjah mereka. Dalam carian *Google*, istilah ini memberikan beberapa hasil yang kebanyakannya tertumpu pada aktiviti kerja sosial, keagamaan dan pendidikan, di mana pedagogi membolehkan pelajar

berpeluang untuk bekerjasama dengan profesional dalam bidang mereka. Ini akan memberikan pelajar peluang untuk menimba pengalaman tentang cara bidang mereka berfungsi secara praktikal. Perkhidmatan ini dilakukan oleh pelajar sebagai sebahagian daripada program pengajian yang didaftar untuk meningkatkan pembelajaran pelajar serta menekankan kepentingan perkhidmatan yang disediakan oleh mereka.

2.5 Kepentingan Pembelajaran Berasaskan Khidmat (PBK)

Persaingan dalam pelbagai bidang seperti profesion pendidikan dan lain-lain semakin meningkat dengan pesat dari hari ke hari di seluruh dunia. Untuk memudahkan kejayaan dalam dunia yang kompetitif ini, Pembangunan bagi golongan yang berusia diperlukan supaya mendapatkan kelebihan daya saing adalah sangat penting dan menumpukan kepada menggabungkan strategi yang sesuai (Mykhailichenko, Lozhachevska, Smagin, Krasnoshtan, Zos-Kior dan Hnatenko, 2021). Salah satu kriteria penting untuk mencapai matlamat kerjaya yang lebih baik adalah untuk memperoleh prestasi akademik yang baik. Memandangkan pencapaian prestasi akademik adalah penting untuk pertumbuhan peribadi dan profesional seseorang individu, maka pembelajaran berkesan yang berfokus dapat memberikan prestasi yang lebih baik dalam pengajian akademik dan juga matlamat yang lebih bermakna dalam kerjaya.

Tambahan lagi, pembelajaran berkesan adalah penting untuk mencapai prestasi akademik yang mantap dengan menggabungkan strategi bersesuaian agar mencapai matlamat dalam kerjaya. Pembelajaran akademik membantu individu untuk menonjolkan prestasi yang lebih baik dalam kehidupan peribadi dan profesional mereka. PBK yang lebih dikenali *Service Learning* ialah strategi penting dan mempunyai tahap keberkesanan yang tinggi dan memainkan peranan yang penting dalam pembangunan kerjaya seseorang individu. Pengalaman seseorang individu dalam pembelajaran mereka turut meningkatkan

pengetahuan membantu mereka melaksanakan tanggungjawab dalam situasi tertentu. Persediaan dalam pendidikan yang sesuai juga penting kerana ia penting untuk pertumbuhan sesebuah negara (Resch dan Schritteser, 2021). Negara Malaysia juga perlu melaksanakan strategi yang sesuai bagi memastikan pertumbuhan masa depan mereka. Maka, PBK yang menekankan kepada pembelajaran berasaskan pengalaman mempunyai kepentingan yang dapat memberi sumbangan untuk negara.

PBK memberikan banyak kelebihan. Antaranya pelajar mendapati ilmu pengetahuan ataupun teori yang mereka telah peroleh dalam dewan kuliah relevan dalam konteks sebenar. PBK ialah format pengajaran inovatif yang menunjukkan kejayaan besar untuk kemapanan pendidikan keusahawanan. (Halberstadt, Schank, Euler dan Harms, 2019). Sebagai permulaan, PBK adalah penting kerana dapat menghubungkan pembelajaran pelajar di dalam bilik darjah dengan pengalaman dunia sebenar dalam komuniti. Pelajar yang menyertainya lebih terlibat dalam komuniti setempat mereka, memperoleh kemahiran praktikal, mengembangkan kerjaya dan meningkat keperibadian positif mereka (Mitchell dan Rost-Banik, 2019). Melalui aktiviti PBK, terbukti pelajar kejururawatan dapat mengekalkan hubungan jangka panjang antara universiti dan komuniti sebagai prasyarat untuk pelajar bekerjasama secara lancar dalam komuniti. (Zhu, Xing, Liang, Hong dan Hu, 2021). Kenyataan turut disokong Reif-Stice dan Smith-Frigerio (2021) yang menunjukkan bahawa pensyarah perhubungan awam dan rakan kongsi komuniti dapat memberi tumpuan yang lebih tinggi pada komunikasi, fleksibiliti dan kebolehcapaian adalah kunci kejayaan dalam PBK secara maya semasa pandemik *COVID-19*. Senario ini juga berlaku di Universiti DePaul, Chicago pada Mei 2020, kejayaan reka bentuk dan amalan PBK secara maya (surat-menyurat dan komunikasi, konsultasi kemahiran, dan derma secara talian) yang dilaksanakan telah menyerlahkan kepentingan PBK dalam pendidikan tinggi aliran Katolik dan meneroka

kebolehlaksanaan untuk membangunkan pembelajaran ini secara maya semasa dan selepas pandemik *COVID-19* (Tian dan Noel, 2020).

2.6 Konsep Pendidikan Moral

Moral adalah satu konsep yang kompleks. Tidak mudah untuk mendefinisikan konsep insan moral secara tepat. Konsep insan itu sendiri pun mempunyai pelbagai pengertian mengikut aliran pemikiran, disiplin ilmu dan kefahaman agama. Demikian juga konsep moral, dari perspektif Bahasa, moral berasal daripada Bahasa Latin iaitu “Moras” yang ditakrifkan sebagai kelakuan atau kawalan tingkah laku seseorang atau sekelompok individu dan bersifat praktikal (Thiroux dan Krasemann, 1990). Walaupun ia merupakan perkataan yang sering kali yang digunakan, maksudnya berlainan untuk individu dan masyarakat yang berbeza. Moral ialah perkataan yang sering digunakan dalam banyak budaya. Cohen (2014) mengatakan bahawa moral boleh ditakrifkan sebagai kecenderungan individu untuk menaakul, membuat pertimbangan, dan dapat membuat perbandingan perlakuan secara beretika atau tidak.

Secara praktiknya, konsep Pendidikan Moral mempunyai matlamat yang sama dengan Pendidikan Karakter. Dalam kenyataan Lickona (1991) turut mengaitkan dengan konsep moral (*moral knowing*), sikap moral (*moral felling*), dan perilaku moral (*moral behaviour*). Berdasarkan ketiga-tiga komponen ini dapat dinyatakan bahawa karakter yang baik dipengaruhi oleh pengetahuan tentang kebaikan, keinginan untuk berbuat baik, dan melakukan perbuatan kebaikan. Lickona (1991) juga menyatakan bahawa sekiranya sekolah ingin memaksimumkan pengaruh moral mereka, membuat perubahan yang berkekalan dalam perwatakan pelajar, mereka memerlukan pendekatan menyeluruh, holistik dari sudut lensa moral dan mempertimbangkan bagaimana hampir semua perkara yang berlaku di sana mempengaruhi nilai dan perwatakan pelajar.

Untuk memahami Pendidikan Moral secara mendalam, konsep moral perlu difahami. Moral boleh dilihat daripada pelbagai perspektif. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), Moral merupakan ajaran atau pegangan tentang buruk baik sesuatu perbuatan, sikap atau cara perlakuan yang berasaskan atau yang diukur dari segi baik buruk sesuatu akhlak. Istilah ini boleh digunakan untuk membawa maksud umum tentang adab yang diterima dalam norma masyarakat. Ia merujuk kepada nilai yang diperjelaskan sebagai pemilihan individu, nilai yang kita mesti dimiliki, dan nilai yang dikongsi dalam satu budaya, agama, sekular, atau masyarakat berfalsafah. Kenyataan ini juga diterangkan dalam Chazan dan Chazan (2022) bahawa Pendekatan Durkheim terhadap pendidikan moral adalah teori dan amalan pendidikan moral sekular dalam kehidupan kontemporari untuk memastikan keharmonian dan integriti kekal di kalangan masyarakat.

Dalam konteks pendidikan di Malaysia, Pendidikan Moral mempunyai hubung kait dengan aspek agama, undang-undang yang termaktub dalam perlembagaan persekutuan dan norma masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum di semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Pendidikan Moral dalam konteks Pendidikan di Malaysia merujuk kepada perlakuan yang diterima oleh masyarakat tempatan. (Vishalache Balakrishnan 2012). Seorang yang bermoral akan berpegang kepada prinsip moral iaitu altruistik, autonomi dan keadilan dalam membina masyarakat yang bermoral dan beretika serta bertindak untuk melaksanakan tanggungjawab moral, sosial, negara dan global. (KPM, 2018). Melalui KSSM yang bermula tahun 2017, Pendidikan Moral telah digubal untuk mendidik pelajar supaya menjadi insan yang bermoral atau berakhlak mulia dengan menekankan aspek penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral. Konsep Pendidikan Moral yang bertunjangkan kepada tiga domain utama menunjukkan bahawa mata pelajaran Pendidikan Moral memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan

pengetahuan, penghayatan dan pengamalan nilai universal dalam norma masyarakat Malaysia untuk diaplikasikan dalam pelbagai situasi dalam kehidupan harian.

Pemahaman tentang konsep Pendidikan Moral seperti Penaakulan Moral, Emosi Moral dan Perlakuan Moral dapat menunjukkan baik buruknya sesuatu tindakan atau perlakuan turut dirangkumkan dalam istilah pengetahuan moral. Rajah 2.3 akan menunjukkan hubungan penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral dalam melahirkan insan berakhlak mulia. Menurut Mohd Hasaidi Hassan dan Nadarajan Thambu (2018), penerapan aspek pemikiran moral (penaakulan moral), perasaan moral dan tingkah laku moral secara seiring dan bersepadu perlu menjadi asas pengajaran dan pemudahcara guru di bilik darjah. Keseimbangan ketiga-tiga aspek moral yang diperoleh dan dihayati akan menentukan jenis manusia yang bakal dilahirkan.

Rajah 2.3 :

Hubungan antara Penaakulan Moral, Emosi Moral dan Perlakuan Moral



Diadaptasi daripada KPM (2016)

2.6.1 Penaakulan Moral

Penaakulan moral merujuk kepada satu sistem perlakuan yang berdasarkan kepada prinsip yang dianggap benar, baik dan patut dilakukan (Abdul Rahman Md Aroff dan Chang, 1994). Penaakulan moral bermaksud proses seseorang individu mencapai keputusan tentang apa yang patut dilakukan dalam sesuatu dilema moral (Rest 1976). Secara ringkasnya, penaakulan moral bermaksud pemikiran moral dan pertimbangan yang dibuat secara rasional dan bebas. Ini bermaksud seseorang individu yang mempunyai pemikiran moral dapat memikirkan sesuatu dilema moral dan membuat pertimbangan berasaskan prinsip moral dan nilai-nilai moral yang diterima oleh masyarakat setempat. Prinsip keadilan dipentingkan semasa membuat sesuatu keputusan. Penaakulan moral juga boleh dikaitkan dengan membuat keputusan secara rasional berasaskan fakta tanpa dipengaruhi oleh emosi dan persekitaran.

Dalam definisi umum penaakulan moral, peraturan dan norma moral menjadi fokus utama, dan diterima umum untuk mengelakkan daripada larangan kecurian, pembohongan, dan pembunuhan. (Langford, 2018) Menurut ahli psikologi ego, penaakulan moral ditakrifkan sebagai komitmen terhadap nilai normatif tertentu. Sebagai tradisi humanise liberal, definisi penaakulan moral ini untuk menjaga kebajikan manusia secara optimum. Kajian penaakulan moral ditakrifkan oleh Kohlberg sebagai penyiasatan prinsip keadilan. Ekoran daripada kajian ini, banyak pengkaji mula mengasaskan penyelidikan penaakulan moral berdasarkan kepada teori perkembangan kognitif mereka.

Kohlberg (1975) mengatakan bahawa penaakulan moral bukan sahaja merupakan salah satu faktor yang menggerakkan tingkah laku moral tetapi penaakulan moral juga adalah faktor paling penting yang pernah dikaji dan terbukti dapat menggerakkan tingkah laku moral. Kohlberg membicarakan bahawa bagaimana individu boleh bertingkah laku moral

jika tidak faham dan tidak berfikir tentang sebab kenapa dia patut bertingkah laku sedemikian. Tinjauan lepas dilakukan oleh Muhammad Hafeez, Fatima Tahira, Qaiser Abbas Kazmi dan Muhammad Zahid Hussain (2020) telah menunjukkan Teori Kohlberg dipengaruhi oleh perkembangan pertumbuhan secara berperingkat-peringkat iaitu bermula dari peringkat kanak-kanak yang mematuhi peraturan moral, menerima peraturan moral dan akhirnya memahami peraturan moral itu. Keupayaan memilih dan mengumpulkan maklumat menjadi faktor utama dalam penaakulan moral. Sumber maklumat dan kepastian sesuatu situasi akan mempengaruhi keputusan seseorang individu. Penaakulan moral haruslah bebas dan selaras dengan prinsip-prinsip moral sosial masyarakat itu.

2.6.2 Emosi Moral

Emosi moral adalah perasaan atau reaksi seseorang individu terhadap sesuatu tindakan atau pemikiran moral (Abdul Rahman Md Aroff dan Chang, 1994). Tindakan atau pemikiran seperti “pembuangan bayi” akan menimbulkan perasaan marah kerana manusia mempunyai akal dan perikemanusiaan. Perasaan marah iaitu emosi moral timbul kerana pemikiran moral kita tidak dapat menerima tingkah laku itu. Namun emosi moral hanya melibatkan perhatian atau pertimbangan satu pihak sahaja. Emosi moral mewakili elemen penting tetapi sering diabaikan daripada kita. Emosi moral amat penting dalam memahami kepatuhan tingkah laku orang (atau kekurangan kepatuhan) terhadap standard moral mereka (Tangney, Stuewig dan Mashek, 2007) Oleh itu, menurut Kwai (1996), emosi moral dapat dikawal apabila seseorang individu itu dapat:

- i. Mengetahui asal usul sesuatu isu atau situasi itu.
- ii. Memahami kesusahan, perasaan dan pemikiran orang lain.
- iii. Menyatakan perasaan diri sendiri dalam keadaan yang sama.

iv. Membuat keputusan secara adil dan rasional.

Setiap orang mempunyai emosi moral kerana manusia mempunyai pemikiran akal dan perasaan. Emosi moral penting kerana dapat mengukuhkan nilai kemanusiaan dan merapatkan jurang perbezaan antara pemikiran, keputusan dan tingkah laku moral. Kesedaran emosi moral melahirkan kepedulian dan hati nurani yang menyebabkan insan berasa gembira apabila membuat sesuatu yang betul dan rasa bersalah jika melakukan sesuatu yang tidak betul. Emosi moral melahirkan motivasi moral dan niat untuk bertindak berdasarkan empati dan simpati terhadap diri dan orang lain. Emosi moral ini boleh diekspresikan dalam bentuk luahan perasaan, fikiran, gerak geri dan sebagainya. (KPM, 2018).

Menurut Badriyatun Kamar dan Faridah Nazir (2017), emosi moral merupakan kehalusan emosi individu yang mengandungi sentimen, empati, simpati, prihatin, belas kasihan, bermotivasi dan murah hati. Perasaan yang bermoral ini membawa kepada tindakan yang bermoral. Perasaan ini akan membawa kepada perlakuan individu secara moral. Kanak-kanak juga mesti diterapkan dengan emosi moral yang mendorong mereka untuk mengamalkan kehidupan harian mengikut prinsip etika. Seseorang itu mesti dapat menerapkan enam aspek emosi sebelum menjadi insan berakhlak mulia, iaitu (1) hati nurani, (2) harga diri (keyakinan), (3) empati (memahami penderitaan orang lain); (4) mencintai apa yang baik; (5) mengawal diri (mampu mengawal diri sendiri); dan (6) merendahkan diri. (Umi Anugerah Izzati, Bachtiar Syaiful Bachri, M. Sahid dan Dian Eka Indriani, 2019).

Oleh itu, emosi moral ini adalah penting untuk mengawal perlakuan, menghalang seseorang individu membuat sesuatu yang bersifat anti sosial. Misalnya, perasaan empati

dan simpati akan menyebabkan seseorang individu sentiasa membantu orang miskin atau cacat tanpa mengira kepentingan diri sendiri.

2.6.3 Perlakuan Moral

Perlakuan moral merujuk kepada segala perlakuan yang dilakukan oleh seseorang individu yang berlandaskan nilai-nilai dan norma-norma masyarakatnya. Shasitharan Raman Kutty (2019) berpandangan bahawa perlakuan moral adalah konsep moral yang wujud selepas domain penaakulan moral dan emosi moral berlaku. Oleh itu, tidak ada makna sekiranya seseorang individu mempunyai penaakulan moral dan emosi moral yang tinggi tetapi gagal untuk mengaplikasikan dalam bentuk perlakuan moral. Individu yang mempunyai perlakuan moral akan diterima dalam masyarakat dan dianggap mempunyai pemikiran yang waras. Ini termasuk mematuhi peraturan, norma dan undang-undang masyarakat. Definisi ini juga dinyatakan oleh Abdul Rahman Md Aroff dan Chang (1994) bahawa segala tingkah laku manusia yang selaras dengan peraturan moral adalah perlakuan moral. Perlakuan moral penting sebagai panduan kepada seseorang individu pada masa akan datang dan dijadikan sandaran untuk menilai tingkah laku individu. Jika seseorang individu itu melanggar peraturan atau undang-undang maka dia akan dihukum dan dipulau oleh masyarakat.

Perlakuan moral juga boleh ditakrifkan sebagai tindakan moral yang timbul daripada pengetahuan tentang akhlak dan kewajipan moral. Perlakuan moral menjadikan pengetahuan moral sebagai sumber yang berguna untuk kehidupan sebenar di era global ini (Umi Anugerah Izzati et al. 2019). Justeru, seseorang itu didorong melakukan perbuatan yang baik (bertindak secara moral), kita perlu melihat kepada tiga aspek perwatakan yang berbeza iaitu kecekapan (*competence*), keinginan (*will*), dan tabiat (*habit*) (Lickona,1991) yang diterjemahkan dalam pelbagai situasi dalam kehidupan

harian. Kefahaman perlakuan moral amat penting terutamanya kepada seseorang individu kerana sejak kecil lagi mereka didedahkan dan dididik dengan tingkah laku moral yang baik. Perlakuan moral yang baik ini akan dihayati dalam jiwanya dan menjadi teladan hidup serta tingkah laku dirinya. Secara ringkasnya jika seseorang individu membuat keputusan empirikal yang terpengaruh dengan mempunyai perasaan bersalah tetapi bukan mempunyai perasaan malu adalah paling berkesan mendorong individu untuk memilih tindakan moral dalam kehidupan harian. Keupayaan mempunyai perasaan bersalah ini lebih sesuai untuk memupuk perlakuan moral sepanjang hayat seseorang individu malahan memotivasikan individu untuk melaksanakan tanggungjawab dan kewajipan dalam kehidupan harian untuk mengelakkan diri daripada pelanggaran peraturan dan undang-undang masyarakat (Tangney et al. 2007).

2.7 Perkembangan Pendidikan Moral di Malaysia

Pendidikan Moral di Malaysia sebagai satu mata pelajaran teras di sekolah rendah dan sekolah menengah agak baharu jika dibandingkan dengan mata pelajaran yang lain. Pendidikan Moral berada dalam sistem Pendidikan Malaysia lebih kurang empat dekad. Sejarah Pendidikan Moral bermula dengan perkembangan sekolah-sekolah di Tanah Melayu. Campur tangan Inggeris di Tanah Melayu turut memberi kesan kepada perkembangan nilai moral tempatan. Pendidikan formal di Tanah Melayu yang pertama ditubuhkan oleh penjajah British pada tahun 1816 dengan menamakan "The Penang Free School' di Pulau Pinang. Kurikulum dan sukatan pelajaran adalah sama dan diguna pakai oleh sekolah-sekolah di India manakala sekolah aliran Kristian menggunakan ajaran Kristian untuk menerapkan Pendidikan nilai melalui lagu ajaran Kristian kepada pelajar yang bukan beragama Islam. (Kwai, 1996). Pada masa yang sama, sekolah -sekolah rakyat atau tidak formal yang dikendalikan oleh para tok guru di surau, kelas Al-Ouran dan di Mudasarah menekankan pengajaran kerohanian dan pembentukan akhlak yang

baik melalui hafalan Kitab Al-Quran. Sekolah Vernakular Cina dan Tamil pula menekankan Pendidikan nilai (moral) melalui ajaran agama dan budaya dari negara asal masing-masing untuk membentuk tingkah laku yang baik dan kehidupan moral. (Vishalache Balakrishnan 2010)

Selepas mencapai Kemerdekaan pada tahun 1957, satu Ordinan Pelajaran 1957 telah diwartakan kepada rakyat Malaysia bahawa Mata pelajaran Pendidikan Agama Islam adalah mata pelajaran wajib dan perlu dinilai bagi semua pelajar Islam tetapi Pendidikan Moral tidak dinyatakan. Walau bagaimanapun, terdapat kelonggaran yang diberikan kepada sekolah untuk mengajar agama lain atau sistem etika mengikut susunan mereka sendiri, bukannya sebagai sebahagian daripada kurikulum yang diluluskan oleh kerajaan. (Vishalache Balakrishnan 2010).

Mata pelajaran tatarakyat yang diperkenalkan selepas merdeka yang menekankan kepada perpaduan kaum, kebersihan fizikal dan mental, kasih sayang kepada ibu bapa telah di sekolah rendah dan sekolah menengah. Mata pelajaran Pendidikan Sivik adalah penjenamaan semula bagi mata pelajaran Tatarakyat, Siviks dan Sivik selepas insiden tragedi 13 Mei 1969 yang berasaskan Rukun Negara (1970) bermatlamat untuk mencapai perpaduan negara dan masyarakat berdisiplin yang berbilang kaum. Rukun Negara masih dijadikan ideologi kebangsaan dan merangkumi pembentukan nasional Malaysia serta bidang pendidikan sehingga kini (Norzihani Saharuddin, Suhailah Hussein dan Maizura Yasin, 2021). Mata pelajaran Tatarakyat (Siviks) bermula dari tahun 1972 dan dipelajari di semua sekolah rendah di Malaysia Barat serentak untuk semua darjah dari darjah 4 hingga ke Tingkatan 5 selama 40 minit seminggu pada tiap-tiap darjah atau tingkatan berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bil. 5/1972. Mata pelajaran Sivik (Baharu)

pula digunakan mulai Januari 1978 bagi Tingkatan 4 dan mulai Januari 1979 bagi Tingkatan 5 seperti yang termaktub dalam SPI Bil. 10/1977.

Sebelum mata pelajaran Pendidikan moral diajarkan secara rasmi di sekolah, tidak ada satu mata pelajaran khusus tentang nilai kerana pengajaran nilai disampaikan secara tidak langsung menerusi mata pelajaran Sivik, Kajian Tempatan dan Pendidikan Islam (untuk pelajar beragama Islam sahaja) sejak tahun 1960. Pendek kata Nilai Pendidikan Moral di sekolah sudah wujud semasa dan selepas penjajahan British tetapi diselitkan dalam pengajaran agama dan kebudayaan dalam kelas agama. Menurut kenyataan Mcgregor (1977), pada peringkat awal mata pelajaran ini diperkenalkan, tiada sebarang sukatan pelajaran yang khusus tentang Pendidikan Moral atau Pendidikan Nilai yang ingin diajar di Malaysia. Beliau kurang memahami tentang nilai moral disepadukan dalam ajaran agama dan kebudayaan.

Idea untuk memperkenalkan mata pelajaran Pendidikan Moral secara langsung eksplisit dan formal dalam kurikulum sekolah di Malaysia pertama kali dibincangkan pada awal tahun 1974. Pada tahun 1974, Jawatankuasa Khas Pendidikan Moral telah ditubuhkan untuk mengenal pasti isi kandungan yang bersesuaian dengan tajuk Pendidikan Moral sebagai mata pelajaran formal. Secara khususnya, jawatankuasa ini bertujuan untuk mengenal pasti kandungan moral yang tersebar dan boleh diguna pakai dalam kurikulum sekolah di Malaysia. Jawatankuasa ini dibubarkan pada tahun 1975 selepas mendapati bahawa nilai-nilai moral telah diselitkan dalam mata pelajaran Sivik sedia ada (Abdul Rahman Md Aroff dan Chang, 1994). Menurut tinjauan pemantauan pelaksanaan Sivik, matlamat mata pelajaran tersebut adalah membanggakan, tetapi pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kurang memuaskan. Ini adalah kerana semasa tempoh peperiksaan awam semakin hampir, ramai guru dan pelajar menganggap mata pelajaran Sivik sebagai

mata pelajaran yang tidak penting, dan kebanyakan sekolah menggunakan jadual waktu yang diperuntukkan untuk Sivik telah digantikan untuk mengajar mata pelajaran lain (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1979). Pada pertengahan tahun 1970-an, negara kita mulai dilanda dengan kebimbangan global tentang masalah moden dan sosial seperti penyalahgunaan dadah dan kemerosotan moral dalam kalangan belia. Kenyataan ini telah dinyatakan di Parlimen, dan beberapa bentuk bimbingan moral diperlukan yang perlu diikuti oleh sekolah (Abdul Rahman Md Aroff dan Chang, 1994).

Dalam usaha untuk menangani pelaksanaan mata pelajaran Sivik yang kurang berkesan di sekolah, kebimbangan orang ramai mengenai tingkah laku sosial dan moral belia semakin meruncing, maka keperluan pengajaran moral untuk pelajar bukan Islam telah dibangkitkan sedangkan pada masa yang sama pelajar beragama Islam mengikuti mata pelajaran Pendidikan Islam. Oleh itu, Jawatankuasa Kabinet Pendidikan mengesyorkan pengenalan Pendidikan Moral sebagai mata pelajaran yang boleh dijadikan peperiksaan awam dalam semakan pelaksanaan dasar pendidikan negara. (Chang, 2010). Menurut Laporan Kabinet 1979 telah menyatakan bahawa:

“Untuk membentuk masyarakat yang berdisiplin, berbudaya, dan bersatu padu maka pelajar Islam harus mempelajari Ilmu Agama Islam manakala pelajar bukan Islam harus mempelajari Pendidikan Moral dan Etika. Semua pelajar bukan Islam wajib menduduki peperiksaan Pendidikan Moral dan Etika. Kedua-dua mata pelajaran ini perlu untuk memupuk sikap menghormati setiap individu dan kebebasan untuk memeluk mana-mana agama dalam masyarakat berbilang agama perlu sentiasa dititikberatkan.” (Kementerian Pelajaran Pendidikan, 1979, 127.1, hlm. 49).

Selepas Laporan Kabinet 1979 mengenai Pendidikan Moral diwartakan, Jawatankuasa Khas Pendidikan Moral telah dihidupkan semula oleh Kementerian Pelajaran Pendidikan untuk merangka satu program yang merangkumi tempoh 11 tahun daripada persekolahan rendah dan menengah untuk pelajar bukan Islam (Chang, 2010). Jawatankuasa ini diketuai oleh Ketua Nazir Sekolah dan turut dianggotai oleh wakil-wakil daripada pelbagai agama, persatuan sukarela, pentadbir sekolah, pengetua maktab, universiti dan bahagian-bahagian lain Kementerian Pelajaran. Tugas utama jawatankuasa ini adalah untuk berbincang dan menghasilkan satu sukatan pelajaran yang sesuai untuk pelajar-pelajar bukan Islam di Malaysia. Jawatankuasa ini telah menerima nilai-nilai murni yang bersifat tetap dan kudus' yang diamalkan oleh semua agama dan bersifat sarwajagat (universal). 16 nilai murni utama telah dikenal pasti selepas Malaysia banyak melibatkan diri dalam seminar dan bengkel kerja berkaitan Pendidikan Moral di negara-negara Asia. Dalam bengkel kerja yang dianjurkan oleh *National Institute of Educational Research* (NIER) dan ditaja oleh UNESCO di Tokyo, Japan, negara-negara yang menyertainya telah berbincang tentang nilai-nilai universal yang boleh dimuatkan dalam program Pendidikan Moral (Mukherjee, 1983).

Pada tahun 1983, sukatan pelajaran Pendidikan Moral yang pertama telah diperkenalkan kepada pelajar bukan Islam di sekolah rendah dengan pelaksanaan KBSR. Pada peringkat sekolah rendah, ia dilaksanakan secara berperingkat pada setiap tahun, dan fasa terakhir berlaku pada tahun 1988. Pada tahun 1989, mata pelajaran telah diperkenalkan dalam KBSM mulai tingkatan satu sehingga tingkatan lima pada tahun 1993. Selepas tamat tingkatan lima, pelajar perlu mengambil kertas peperiksaan mengenai pengetahuan Moral sebagai mata pelajaran wajib daripada peperiksaan SPM (Vishalache Balakrishnan 2010). Matlamat utama Pendidikan Moral ketika itu adalah untuk membentuk individu yang

berperibadi mulia melalui pemupukan, penghayatan dan pengamalan nilai-nilai murni (Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral, 1988).

Sukatan pelajaran Pendidikan Moral kemudian disemak bersama-sama dengan kurikulum sekolah kebangsaan yang disemak di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah pada tahun 2000. Ini telah menjadi rutin biasa KPM untuk menyemak semula kurikulum sekolah kebangsaan selepas kitaran sepuluh tahun pelaksanaan kurikulum untuk menyelaraskannya dengan dasar negara (Chang, 2013). Pada tahun 2000, semakan seluruh negara terhadap kurikulum sekolah kebangsaan melaporkan beberapa kelemahan dalam sukatan pelajaran Pendidikan Moral. Pertama, sukatan pelajaran Pendidikan Moral telah mengenal pasti beberapa kelemahan, termasuk guru yang mengalami kesukaran mengajar nilai yang sama tanpa sebarang isu atau situasi khusus untuk semua peringkat sekolah, dan terdapat terlalu banyak nilai (80 nilai, 16 nilai utama dan 64 sub-nilai untuk sekolah menengah) yang meliputi semua kandungan sepanjang tahun bagi setiap tingkatan (Chang, 2013). KPM pada masa itu terlibat dalam beberapa mesyuarat dan bengkel UNESCO mengenai keprihatinan global dalam mendidik pelajar untuk menghadapi cabaran abad ke-21. Oleh itu, sukatan pelajaran Pendidikan Moral telah disemak semula untuk menangani isu sukatan pelajaran kandungan untuk merangkumi isu kritikal yang lebih luas dan selaras dengan dasar negara serta Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Penambahbaikan semakan kurikulum bagi sukatan pelajaran Pendidikan Moral telah dilaksanakan oleh KPM iaitu mengurangkan 80 nilai moral kepada 36 nilai moral sahaja. KPM memperkenalkan Pentaksiran Sekolah (PS) iaitu kerja kursus SPM Pendidikan Moral bagi kertas 2 (1225/2) yang bersifat formatif yang tertumpu kepada penghayatan dan amalan tindakan moral memerlukan masa yang panjang dan dijalankan melalui

pemerhatian sahsiah, laporan tugas harian dan kerja amal di tingkatan 4 dan 5. (Vishalache Balakrishnan 2006). Kurikulum Pendidikan Moral yang telah disemak semula bermatlamat membentuk individu yang berakhlak mulia, bertanggungjawab dan boleh menyumbang ke arah keharmonian dan kestabilan negara serta masyarakat global (Sukatan Pelajaran Pendidikan, 2000). Secara konklusinya, sukatan pelajaran Pendidikan Moral (2000) untuk sekolah menengah perlu memasukkan senarai nilai yang ditetapkan serta kuantiti nilai. Nilai-nilai ini merangkumi domain pemikiran atau penaakulan moral, perasaan moral dan tingkah laku moral. Pendidikan Moral di Malaysia merupakan satu struktur pengajaran sahsiah yang menekankan kepentingan nilai-nilai murni untuk membina sahsiah, serta menerapkan penaakulan, perasaan, dan tindakan moral dalam kehidupan harian (Norzihani Saharuddin et al., 2021).

Namun begitu, pada peringkat awal kajian pelaksanaan kerja kursus yang dijalankan oleh Vishalache Balakrishnan (2006) telah menunjukkan kurangnya keberkesanan pelaksanaan kerja kursus ini kerana guru dan pelajar kurang mengambil perhatian terhadap pelaksanaan ini. Menurut hasil kajian Vishalache Balakrishnan (2006), beliau menyimpulkan bahawa guru dan pelajar tidak diberi taklimat dengan jelas tentang rasional dan prosedur keseluruhan penilaian yang sepatutnya dijalankan di sekolah. Mereka mengesyorkan kepada KPM untuk menilai semula pengenalan kerja kursus Pendidikan Moral pada masa akan datang. Sehubungan dengan itu, satu laporan Mesyuarat Susulan Jemaah Menteri KPM Bil.14/2012, bertarikh 8 Ogos 2012 memaklumkan bahawa Pendidikan Moral merupakan mata pelajaran yang kurang berkesan dan KPM perlu meneliti semula kandungan kurikulum mata pelajaran tersebut dengan mengambil kira keperluan pelajar dalam pembentukan akhlak dan sahsiah (BPK, 2013).

Pada tahun 2017, KSSM telah menggantikan KBSM yang bermula pada tahun 1989. Bagi memastikan kurikulum sekolah menengah memenuhi piawaian antarabangsa, KSSM telah dibangunkan selaras dengan PPPM 2013-2025 mengikut standard kurikulum antarabangsa dengan penjenamaan semula iaitu DSKP bagi semua mata pelajaran yang mengandungi Standard Kandungan (SK), Standard Pembelajaran (SP) dan Standard Prestasi (SPi) (KPM, 2016). Matlamat Pendidikan Moral adalah untuk memupuk semangat nasionalisme dan perpaduan dalam kalangan warganegara. Menurut PPPM 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah), “Pendidikan Moral adalah untuk pelajar bukan beragama Islam akan diperkukuh melalui penekanan yang lebih besar untuk memahami nilai yang dikaitkan dengan perpaduan dan memupuk hubungan baik di kalangan pelajar” (KPM 2013; Vishalache Balakrishnan 2017; Bee Piang Tan, Noor Banu Mahadir Naidu dan Zuraini Jamil @Osman, 2018; Grace Amanda Basianak Kumbong dan Bee Piang Tan, 2020).

DSKP juga telah menyepadukan enam tunjang Kerangka KSSM iaitu integrasi pengetahuan, kemahiran dan nilai serta penggabungan eksplisit kemahiran abad ke-21 dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Menurut Falsafah Pendidikan Kebangsaan, integrasi adalah bertujuan untuk melahirkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani (Akta Pendidikan, 1996). Bagi merealisasikan aspirasi tersebut, Guru hendaklah menekankan pembelajaran berasaskan inkuiri dan pendekatan pembelajaran berasaskan projek bagi memastikan pelajar menguasai kemahiran abad ke-21. KPM juga menjangkakan KSSM akan menyumbang kepada pencapaian matlamat dan objektif Sistem Pendidikan Kebangsaan. (KPM, 2016). Dalam penjenamaan semula KSSM, matlamat Pendidikan moral diperkukuhkan lagi dengan membentuk insan berakhlak mulia dan berintegriti yang berpegang kepada nilai universal berasaskan prinsip moral dan menyumbang ke arah perpaduan dan kesejahteraan negara serta masyarakat global

(KPM, 2016) dengan memfokuskan tiga domain moral iaitu penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral dalam pembentukan insan berakhlak mulia malahan 36 nilai moral yang diterapkan sukatan pelajaran Pendidikan Moral (2000) sekolah menengah telah dikurangkan kepada 18 nilai universal bermula dari tingkatan 1 hingga tingkatan 5 mulai tahun 2017.

KPM juga telah mengambil satu langkah inisiatif bagi mengembangkan pembelajaran berasaskan pengalaman di sekolah menengah. Pelaksanaan ALPdP Pendidikan Moral di sekolah menengah yang diperuntukkan selama 32 jam aktiviti PdP di luar waktu serta di luar bilik darjah seperti aktiviti pembelajaran berasaskan projek dan khidmat masyarakat sebagai landasan untuk penekanan ketiga-tiga domain moral selari kehendak DSKP Pendidikan Moral (KPM, 2016; Vijaya Malani Verasamy dan Vishalache Balakrishnan 2020). Justeru, KSSM Pendidikan Moral yang digubal akan melahirkan insan yang berakhlak mulia. Melalui KSSM Pendidikan Moral, pelajar juga akan digalakkan untuk membuat pertimbangan moral yang sesuai, tepat dan konsisten melalui ketiga-tiga domain moral ini. Pelajar yang mampu mengambil tindakan berdasarkan nilai atau peraturan secepat adalah bahagian penting dalam pembentukan moral.

2.8 Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Pendidikan Moral

Pada masa kini, pembudayaan nilai-nilai murni tidak ketara. Antaranya, pengajaran nilai secara formal terhad dalam mata pelajaran Pendidikan Moral dan Pendidikan Agama Islam. Masalah paling besar yang dihadapi oleh penerapan pengajaran dalam Pendidikan Moral adalah terdapat jurang antara penaakulan moral dan tingkah laku moral. Ini mengakibatkan pelajar tidak dapat mengaplikasikan nilai yang dipelajari dalam rutin harian sehingga menjadi satu kebiasaan dalam kehidupan harian mereka.

Menurut kajian Appalanaidu (2018) telah menunjukkan bahawa pertimbangan moral dan motivasi di kalangan pelajar yang berumur 14-16 tahun berada pada tahap tidak matang iaitu masih tidak dapat membezakan aspek baik dan buruk serta lebih mementingkan diri sendiri dalam kehidupan harian. Pelajar masih kurang pengetahuan dan pemahaman dalam penyelesaian isu atau konflik moral walaupun mata pelajaran Pendidikan Moral berperanan untuk meningkatkan pertimbangan moral pelajar. Dalam Konteks ini, aspek seperti pengetahuan moral, penaakulan moral, perasaan moral dan perlakuan menjadi indikator penting untuk menentukan kompetensi moral pelajar. Hal ini terbukti melalui kajian Edward Batin Anak Wil dan Nadarajan Thambu (2018), merumuskan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan kompetensi moral pelajar dengan tahap pendidikan dan sektor pekerjaan ibu bapa ke atas pelajar tingkatan empat di Daerah Dalat Sarawak. Skor min yang tinggi dalam pengetahuan moral dan perasaan moral menunjukkan kedua-dua komponen ini menyumbang kepada kompetensi moral dan wujud korelasi yang kuat di antara keempat-empat komponen dalam kompetensi moral. Implikasi kajian ini telah menunjukkan bahawa pengetahuan moral, pertimbangan moral dan emosi moral yang tinggi dijangka dapat membentuk tingkah laku moral pelajar sekolah menengah.

Tambahan lagi, penerapan nilai-nilai adalah sampingan untuk semua mata pelajaran yang lain dengan keutamaan diberikan kepada pencapaian akademik. Pembentukan sahsiah pelajar melalui akademik tidak dapat dipupuk di kalangan pelajar kerana pelajar tidak mengaplikasikan pengetahuan mereka dan menjadikannya sebagai satu pegangan dalam kehidupan harian mereka. Maka, latihan guru pelatih bagi mata pelajaran Pendidikan Moral perlu mengambil kira kursus yang berbentuk praktikal seperti khidmat komuniti dan isu-isu moral supaya guru pelatih dapat memupuk pedagogi pemikiran moral guru berbanding kursus yang berbentuk teori sahaja (Norzihani Saharuddin dan Nur Surayyah

Madhubala Abdullah, 2017). Pengalaman dan pengetahuan guru pelatih akan memainkan peranan penting untuk merancang PdP yang berfokuskan pembelajaran lebih berbentuk praktikal dan amali semasa berkhidmat di sekolah pada masa kelak.

Dalam hal ini, dapatan kajian Kalaiselvi Ettikan (2017) menunjukkan kualiti dan peranan guru berpengalaman dalam mata pelajaran Pendidikan Moral memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi pelajar dari sudut pembentukan sahsiah yang baik dalam kehidupan melalui pelbagai kaedah di dalam bilik darjah. Kenyataan ini juga dihujah oleh Liu dan Zhang (2021) yang menyatakan bahawa pembaharuan pengajaran kurikulum Pendidikan Moral perlu dianalisis dan digubal dari segi tiga aspek pembangunan sosial, aplikasi praktikal dan pelaksanaan PdP supaya menarik minat guru dan pelajar selaras dengan arus peredaran zaman. Situasi ini muncul apabila keputusan kajian diperoleh oleh Nurul Azwani Mohd Idriki dan Bee Piang Tan (2022) menunjukkan PdPc secara dalam talian mendatangkan cabaran yang baharu kepada guru Pendidikan Moral, teknik pengajaran yang tradisional yang diaplikasikan dalam kelas secara bersemuka tidak berkesan apabila PdPc dialih secara dalam talian, ditambah pula dengan faktor capaian internet, kerjasama ibu bapa, keperluan kemahiran penguasaan teknologi dalam kalangan guru perlu juga diambil kira untuk mencapai objektif program Pendidikan Moral yang melibatkan aspek kognitif, perasaan dan tingkah laku. Oleh itu, kesedaran moral pelajar hanya dapat diwujudkan dalam bilik darjah dengan pelbagai kaedah pembelajaran guru agar pelajar lebih bermotivasi untuk membuat sesuatu keputusan moral berdasarkan pengetahuan moral, penaakulan moral dan menggunakan emosi moral dalam sesuatu tindakan.

Pengajaran Pendidikan Moral selalunya dikaitkan dengan pelbagai faktor seperti budaya, agama, norma masyarakat dan aktiviti kemasyarakatan dalam pembentukan sahsiah

pelajar. Berdasarkan Airen Surayya Khairu Anuar, Bee Piang Tan dan Noor Banu Mahadir Naidu (2021), sensitiviti moral yang tinggi dapat membantu pelajar dalam membuat keputusan bermoral yang rasional atau betul melalui perasaan ambil peduli tanpa mengira kaum, meletakkan nilai moral sebagai panduan dan mengurangkan sikap berat sebelah atau perasaan bias mahupun prejudis dalam membuat keputusan. Implikasi kajian mereka menunjukkan sensitiviti moral amat penting dalam interaksi pelbagai budaya dan semakin luas interaksi pelbagai budaya semakin kerap elemen sensitiviti moral boleh diterapkan. Sensitiviti moral bukan sahaja berfokus kepada bidang Pendidikan Moral malah boleh dilihat secara keseluruhan dari aspek bahasa dan agama. Menurut kajian daripada Nur Asiyah dan Abdul Ghofur (2019), mereka mendapati bahawa pembudayaan sikap kerohanian dan sikap sosial terhadap pembelajaran pelajaran Pendidikan Agama dan Pendidikan Moral di sekolah menengah Java, Indonesia di mana guru melaksanakan pembelajaran mengikut rancangan pelajaran, tetapi kadangkala menyesuaikan diri dengan situasi komuniti setempat dan keadaan bilik darjah. Hal ini terbukti bahawa pembangunan perspektif kerohanian dan sikap sosial tidak akan berjalan dengan baik tanpa kerjasama antara guru di unit akademik atau antara sekolah, ibu bapa dan komuniti. Kenyataan ini turut disokong oleh Sulastri Rini Rindrayani (2020) bahawa sukatan pelajaran, rancangan pengajaran, dan bahan yang dibuat oleh guru diterap dengan elemen Pendidikan Moral dalam perancangan hasil bagi mata pelajaran ekonomi di sekolah menengah. Pelaksanaan elemen Pendidikan Moral di sekolah menengah tersebut dijalankan melalui kurikulum dalam bilik darjah dan aktiviti ko-kurikulum seperti menyanyikan lagu kebangsaan sebelum kelas bermula, bacaan Surah Yassin, aktiviti literasi dan aktiviti sosial yang melibatkan masyarakat setempat. Di negara Jepun, guru merancang kelas Pendidikan Moral dan menentukan penilaian formatif melalui aktiviti PBK atau pembelajaran berasaskan pengalaman sebagai tapak untuk renungan dan pembelajaran yang membentuk tingkah laku pelajar. Reformasi pembaharuan kurikulum

ini dikatakan menyepadukan kandungan Pendidikan Moral dengan kehidupan pelajar melalui PBK (Bamkin, 2020).

2.9 Penerapan Pendidikan Moral melalui Pembelajaran Berasaskan Khidmat (PBK)

Dalam hal ini, PBK boleh memainkan peranan penting dalam pembentukan sahsiah individu. Apabila melihat penderitaan orang lain, kita akan belajar tentang kecukupan (*contentment*) dan kesyukuran; rasa kasih sayang dan belas kasihan serta memberi tanpa mengharapkan balasan. Ini akan memberi satu pengalaman sebenar tentang kegembiraan dan kebahagiaan. Dalam Kajian Annette, (2005) menyatakan kepentingan penanaman nilai sivik melalui penyertaan politik berfaedah untuk perkembangan pembentukan watak yang positif, ini kerana pengkaji mengkaji tentang PBK yang dikaitkan dengan Pendidikan Moral boleh membawa kepada kebajikan kewajipan sivik atau respon sosial.

Schaffer (2001) juga membuktikan bahawa badan perkhidmatan menyokong PBK untuk Pendidikan Moral telah didapati sebagai pendorong yang sangat baik dalam pembangunan watak dan merupakan salah satu kaedah paling berkesan untuk mengajar dan mempelajari Pendidikan Moral. Ini merangkumi pemupukan tabiat yang baik dan beradab, penerapan tanggungjawab, akauntabiliti dan *filial piety*, membina semangat berpasukan dan perpaduan, serta membangunkan ketabahan dan kecekalan dalaman bagi menghadapi cabaran dalam kehidupan. Selain itu, ini dapat memupuk disiplin diri, membantu mengelak dari tekanan rakan dan pengaruh negatif, serta menangani godaan dalam masyarakat moden dan materialistik.

Melalui aktiviti PBK, para pelajar akan bergaul dan memahami kepentingan perpaduan, kekuatan kebaikan yang kolektif, keharmonian, hormat menghormati dan bekerjasama. Ini semua merupakan ciri-ciri yang penting dalam membina masyarakat yang harmoni.

Dalam pembelajaran berkenaan pembangunan dan gaya hidup lestari, sukatan mata pelajaran juga perlu merangkumi bukan sahaja perjuangan mencapai kemerdekaan dan perlembagaan; malah perlu juga memasukkan hal global, hak asasi manusia, keserataan gender, penekanan tentang keamanan dan anti-keganasan, warganegara global dan pemahaman tentang kepelbagaian budaya dan sumbangan budaya kepada pembangunan lestari pada tahun 2030 seperti mana yang dinyatakan dalam Sasaran Pembangunan Lestari (Sasaran 4) oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations' Sustainable Development Goal 4*) (Webb, Holford, Hodge, Milana dan Waller, 2017). Isu-isu yang dinyatakan dalam sasaran Pembangunan Lestari juga diterjemahkan dalam kandungan KSSM Pendidikan Moral Tingkatan 4 dan 5 mengikut Bidang 5: Insan Bermoral, Bidang 6: Jati Diri Moral serta Bidang 7: Moral dan Kenegaraan (KPM, 2018).

Dalam kajian Yung, Yu, Leung dan Chun (2021), para pengkaji memperkukuhkan hujah bahawa pengalaman PBK ini membawa kepada pembinaan empati dan peningkatan pembangunan moral terutamanya empati kognitif lebih daripada empati afektif. Walau bagaimanapun, sebagai pengalaman yang tidak ternilai dalam tahun-tahun pembentukan pelajar ini, perjalanan PBK merentasi sempadan ini mungkin membuka jalan kepada perubahan halus atau nyata pada masa hadapan dalam kehidupan mereka melalui meluaskan ufuk mereka dan memberi pendedahan kepada budaya lain dari segi sosioekonomi, budaya, dan secara nasional untuk membentuk insan berakhlak mulia.

Di samping itu, Coquyt (2020) telah merumuskan keputusan projek bahawa pelajar kolej yang mengambil bahagian dalam projek PBK mendapat banyak faedah, termasuk kemahiran peribadi yang dipertingkatkan, motivasi untuk belajar, dan yang paling penting, peningkatan pembangunan moral. Beliau mengesyorkan kajian selanjutnya dalam bidang ini diperlukan untuk memaklumkan dasar dan amalan institusi pengajian tinggi

berhubung kaitan antara pembangunan moral dan pedagogi PBK. Bersama-sama kajian ini, digariskan bahawa kesan pedagogi PBK membawa perkembangan Pendidikan Moral kepada penekanan dalam menangani domain moral yang telah lama wujud di pengajian tinggi mahupun di peringkat sekolah.

Dalam konteks pendidikan di Malaysia, matlamat Pendidikan Moral adalah untuk membantu pelajar memupuk nilai universal dan kesopanan yang akan menjadikan mereka manusia yang lebih baik, dapat menjalani kehidupan yang baik dan ceria, dan pada masa yang sama mampu menjadi penyumbang positif kepada masyarakat. Menurut kajian Noor Banu Mahadir, Bee Piang Tan dan Zuraini Jamil @ Osman (2019), PBK ialah amalan pedagogi dan kaedah pembelajaran yang mengintegrasikan PBK dan akademik. Ia bertujuan untuk menggalakkan pemahaman yang lebih baik tentang kandungan kursus sambil membantu pelajar mengembangkan pengetahuan, kemahiran, dan kapasiti kognitif untuk menangani secara berkesan isu dan masalah sosial yang kompleks yang dihadapi oleh masyarakat. Hasrat inisiatif ini adalah untuk meningkatkan kualiti pengalaman PBK pelajar, yang dihipotesiskan untuk memberi kesan kepada pembangunan sahsiah, termasuk kecenderungan pelajar ke arah melakonkan tingkah laku prososial seperti altruisme, empati, penyayang dan tingkah laku beretika; penglibatan akademik pelajar, ketekunan, menghargai sekolah, dan keberkesanan; dan penglibatan sivik dan kewarganegaraan pelajar, termasuk pengiktirafan hak dan tanggungjawab warganegara dalam demokrasi dan tanggungjawab sosial.

Aspek-aspek ini juga dipelajari dan diterapkan dalam kandungan KSSM Pendidikan Moral di sekolah menengah. Kajian yang dikemukakan oleh Vijaya Malani Verasamy dan Vishalache Balakrishnan (2022) setakat ini menunjukkan ALPdP di menengah rendah mempunyai pendekatan sama dengan PBK membolehkan guru mengamalkan

nilai, memupuk kesedaran moral, memupuk kreativiti pelajar, meningkatkan kemahiran komunikasi dan memupuk minat pelajar dalam Pendidikan Moral sekiranya diberi bimbingan yang betul terutamanya semasa Pandemik Covid-19. Dengan nada yang sama, Norzihani Saharuddin dan Nur Surayyah Madhubala Abdullah (2017) juga mengenal pasti bahawa guru pelatih Pendidikan Moral memperoleh banyak manfaat melalui pengalaman kursus khidmat komuniti yang dilakukan terutama dalam meningkatkan ciri altruisme untuk berkhidmat secara sukarela kerana melihat ia sebagai tanggungjawab; bukan kepada diri sendiri tetapi terhadap masyarakat. Aspek khidmat komuniti dalam memudah cara pemikiran moral guru pelatih Pendidikan Moral ini adalah selari dengan reka bentuk PBK.

Semua golongan pendidik harus mempunyai aspirasi yang sama dan mendidik dengan teladan yang baik (*teaching by example*) melalui pertuturan dan perbuatan, serta mewujudkan dan melestarikan suasana pembelajaran yang kondusif di sekolah. Adalah penting bagi bakal golongan pendidik sama ada yang sedang berkhidmat mahupun bakal berkhidmat kelak dilatih dengan strategi PdP Pendidikan Moral secara menyeluruh ini. Charanjit Kaur, Tarsame Singh, Eng Tek Ong, Nadarajan Thambu, Mohd Zailani Mohd Yusoff, Sasigaran Moneyam dan Nadiah Yan Abdullah (2020) menyatakan bahawa strategi PdP perlu menggabungkan pembelajaran abad ke-21 termasuk mendapatkan penglibatan guru pra perkhidmatan melalui penggunaan teknologi dan sumber multimedia dalam pengajaran Pendidikan Moral. Di samping itu, guru juga boleh menggabungkan PBK sebagai satu platform yang baik bagi membina perpaduan melalui semangat kemanusiaan dan persahabatan (*camaraderie*). Kajian daripada Noor Banu Mahadir Naidu (2017) juga merumuskan bahawa PBK boleh digalakkan sebagai mekanisme untuk menggalakkan interaksi merentasi sempadan dan pemahaman yang lebih mendalam tentang orang lain. Penglibatan pelajar dalam pembelajaran perkhidmatan membolehkan mereka bukan

sahaja mengembangkan diri mereka pada tahap peribadi, tetapi juga menyumbang kepada komuniti mereka sebagai warganegara.

Kepelbagaian budaya adalah kekuatan bagi rakyat Malaysia. Oleh itu, semangat cintakan perpaduan adalah elemen penting dalam mendokong masyarakat yang harmoni. Sementara itu, penilaian karakter menjadi semakin penting dalam kebolehpasaran seseorang pelajar yang dihasratkan dalam KSSM Pendidikan Moral. (KPM, 2018). Menurut Institut Penyelidikan Khazanah dalam penerbitan "*The School -To-Work Transition of Young Malaysian*" (2018), dinyatakan bahawa "Para majikan semakin mementingkan kemahiran insaniah (*soft skills*) termasuklah menghayati etika kerja, menguasai kemahiran berkomunikasi, berfikir secara analitik dan kreatif, mempunyai kemahiran menyelesaikan masalah, bekerjasama, bersifat positif dan menerima kritikan dengan terbuka, serta mampu menangani tekanan kerja. (Lin Lean Lim, Junaidi Mansor, Mohd Amirul Rafiq Abu Rahim, Nur Thuraya Sazali and Mohd Kamal Mohd Izhar, 2018). Selama ini, kaedah tradisional pembelajaran berasaskan arahan sering dikecam kerana telah memenuhi sebahagian objektif pendidikan kerana sebab pemerolehan pengetahuan, ia adalah konteks khusus dan mempunyai kandungan secara teoretikal sahaja (Mishal et al., 2021). Maka, kandungan mata pelajaran Pendidikan Moral perlu dilihat semula dengan menyepadukan PBK yang selaras dengan "Pengalaman pendidikan berasaskan kurikulum dan memberi kredit di mana pelajar" mengambil bahagian dalam aktiviti PBK yang teratur dan dirancang.

Secara kolektifnya, persamaan penerapan Pendidikan Moral melalui PBK di luar negara dan dalam negara adalah berhasrat untuk membentuk insan yang memiliki akademik berprestij tinggi dan pembentukan insan bermoral yang memberi khidmat serta sumbangan bakti kepada komuniti. Tidak seperti pelaksanaan pembelajaran ini di negara

kita, kebanyakan hasil kajian pengkaji di luar negara menekankan kepentingan pembelajaran ini dengan memberi bimbingan yang sistematik semasa merancang pedagogi PBK berfokuskan pembangunan Moral. Sebaliknya, PBK hanya dilaksanakan di peringkat sekolah menengah rendah dalam mata pelajaran Pendidikan Moral bukannya keseluruhannya.

2.10 Penerapan Nilai Murni Melalui Pembelajaran Berasaskan Khidmat (PBK)

PBK ialah pendekatan pendidikan yang menggabungkan pembelajaran akademik dengan penerapan amalan khidmat masyarakat. Melalui PBK, pelajar bukan sahaja mendapat pengetahuan dan kemahiran akademik, malah berpeluang menyumbang dan memberi manfaat kepada masyarakat. Walaupun PBK dapat membentuk dan memperkaya nilai-nilai pelajar, seperti kepedulian sosial, empati, dan tanggungjawab, nilai-nilai ini tidak selalu dapat dipupuk secara langsung melalui BPK. Nilai-nilai murni seperti kejujuran, integriti, kejujuran dan keadilan lebih dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti Pendidikan Moral, persekitaran keluarga, pengalaman hidup dan nilai yang diterapkan oleh individu itu sendiri.

Justeru, Keadilan sosial juga merupakan salah satu nilai yang dapat diperkukuhkan melalui PBK. Pelajar yang terlibat dalam projek PBK dapat mengenal pasti dan mengatasi isu-isu ketidakadilan sosial. Mereka mempelajari kepentingan keadilan, kesaksamaan, dan memperjuangkan hak-hak golongan terpinggir dalam masyarakat. Hal ini mempunyai persamaan dengan dapatan Airen Surayya Khairu Anuar et al. (2021) menunjukkan bahawa sensitiviti moral membantu pelajar membuat keputusan moral yang rasional dan betul dengan menunjukkan perasaan peduli tanpa mengira kaum, meletakkan nilai moral sebagai panduan, dan mengurangkan sikap berat sebelah atau prejudis dalam membuat keputusan. Implikasi kajian ini menekankan kepentingan sensitiviti moral dalam interaksi

pelbagai budaya, dan semakin meluas interaksi budaya, semakin kerap sensitiviti moral boleh diterapkan. Sensitiviti moral tidak terhad kepada bidang moral semata-mata tetapi boleh dilihat secara menyeluruh dalam aspek bahasa dan agama.

Fenomena ini menyedarkan kita bahawa PBK boleh menjadi cara yang berkesan untuk mengukuhkan nilai-nilai murni yang sedia ada dalam diri pelajar. Melalui pengalaman berinteraksi dengan masyarakat dan menghadapi situasi kehidupan sebenar, pelajar dapat melihat nilai-nilai ini dalam konteks praktikal dan membangunkan pemahaman yang lebih mendalam tentang kepentingan nilai-nilai ini dalam kehidupan harian. Montesi, Parra Valero, Ovalle Perandones dan Sacristán Sánchez (2022) telah mengenal pasti pelajar bekerjasama dengan dua Pusat Warga Emas yang menunjukkan hasil yang positif daripada pembelajaran pengalaman bagi pelajar. Pelajar menunjukkan kemajuan dalam autonomi, kemahiran profesional, empati, nilai-nilai kewarganegaraan, dan mengatasi prasangka dan stereotaip mereka sendiri. Kajian kes ini menunjukkan kepentingan mempertimbangkan aspek tingkah laku dan mempromosikan strategi komunikasi yang berkesan untuk pelaksanaan projek PBK yang berjaya.

Selain itu, melalui refleksi dan perbincangan terarah, guru atau fasilitator boleh membantu pelajar menghubungkan pengalaman perkhidmatan mereka dengan nilai murni yang relevan. Perbincangan tentang tanggungjawab, perpaduan, atau keadilan dalam konteks aktiviti perkhidmatan boleh membantu pelajar memahami bagaimana nilai ini boleh diamalkan. Memang tidak dapat dinafikan bahawa nilai-nilai murni dapat diperkukuhkan melalui PBK. Pelajar yang terlibat dalam aktiviti PBK cenderung untuk mengembangkan rasa tanggungjawab terhadap keperluan komuniti dan masyarakat. Mereka menjadi lebih peka terhadap isu-isu sosial dan aktif dalam menangani masalah-masalah tersebut. Dengan memperkukuhkan hujah ini, Miftachul Huda, Kamarul

Shukri Mat Teh, Nasrul Hisyam Nor Muhamad dan Badlihisam Mohd Nasir (2018) telah menunjukkan bahawa kepimpinan berdasarkan tanggungjawab sivik terutamanya dilihat sebagai kaedah menyeluruh dalam menggabungkan aspek individu dan sosial dalam PBK. Ia bertujuan untuk memberikan wawasan yang meningkatkan kesedaran peribadi dan sosial untuk terlibat dalam penglibatan komuniti, dengan tujuan menjadi warganegara yang bertanggungjawab.

Sejajar dengan itu, nilai menyayangi dan menghargai alam sekitar juga boleh dipupuk melalui PBK. Kajian oleh Gómez-Villarino, García dan Santiago (2021), menunjukkan bahawa pelajar yang terlibat dalam projek PBK cenderung untuk mengembangkan tanggungjawab terhadap alam sekitar. Mereka belajar tentang amalan lestari, pemuliharaan dan melindungi sumber-sumber alam yang menunjukkan komitmen terhadap penjagaan alam sekitar. Kajian ini menekankan manfaat PBK dalam projek perlindungan alam sekitar. Ia meningkatkan kesedaran sosial dan alam sekitar pelajar sambil mengembangkan pelbagai kemahiran peribadi. Prestasi pelajar dinilai melalui soal selidik selepas aktiviti, menilai keupayaan pembelajaran dari segi pengetahuan, kemahiran, sikap, dan nilai pelajar. Pengalaman ini terbukti memberi manfaat kepada pelajar, membolehkan mereka memperoleh kompetensi profesional semasa melakukan aktiviti yang bermakna.

Bukan itu sahaja, PBK juga membantu memupuk empati dan belas kasihan di kalangan pelajar. Pengalaman interaksi dengan individu yang terdiri daripada latar belakang yang berbeza melalui projek PBK memberikan peluang kepada pelajar untuk memahami keperluan orang lain. Hal ini membantu meningkatkan rasa empati, belas kasihan, dan pemahaman yang lebih mendalam terhadap cabaran yang dihadapi oleh individu lain. Seperti yang dinyatakan oleh Caspersz dan Olaru (2017), pemahaman nilai murni yang

diharapkan oleh pelajar dalam pembelajaran transformasi dan pembelajaran untuk membawa perubahan sosial melalui PBK dengan mengkonseptualisasikan dan menyediakan pemahaman berasaskan bukti tentang nilai ini. Dalam kajian ini, mereka telah mendapati bahawa pelajar mengaitkan nilai murni melalui PBK dengan pembelajaran tentang pengetahuan atau minat untuk membawa perubahan sosial. Secara khususnya, penyelidikan ini memberi penerangan tentang 'kemahiran' yang diharapkan dapat dikembangkan oleh pelajar melalui PBK. Ini termasuk kemahiran praktikal seperti kemahiran organisasi dan kemahiran tempat kerja, kemahiran interpersonal agar memupuk tingkah laku seperti kepercayaan kepada orang lain.

Projek PBK yang melibatkan kerja berpasukan memupuk nilai kerjasama dan kolaborasi di kalangan pelajar. Mereka belajar untuk bekerjasama, memanfaatkan kelebihan individu, berkomunikasi secara efektif, dan menyelesaikan konflik. Ini membantu mereka memperoleh kemahiran interpersonal yang berharga. Pertumbuhan peribadi dan muhasabah diri juga dipupuk melalui PBK. Pelajar terlibat dalam muhasabah diri melalui PBK, menilai tindakan, motivasi, dan impak yang mereka miliki terhadap orang lain. Proses ini membantu memupuk pertumbuhan peribadi, kesedaran diri, dan rasa tujuan dalam hidup. Pandangan ini disokong oleh Lund dan Lee (2018) yang menyatakan bahawa projek PBK yang dimulakan komuniti dalam program pendidikan guru, mereka telah bekerjasama bersama-sama dengan agensi komuniti yang berkhidmat untuk kanak-kanak dan pendatang asing remaja, penyelidik fakulti untuk pembelajaran melibatkan komuniti. Penemuan ini menunjukkan manfaat kerjasama daripada pendekatan berasaskan keadilan sosial ini dalam meningkatkan kesedaran diri, menghargai kekuatan kanak-kanak dan pendatang asing remaja, dan peningkatan perasaan rendah diri budaya dalam kalangan guru pra-perkhidmatan.

Kesimpulannya, walaupun pembelajaran khidmat tidak langsung memupuk nilai murni, pendekatan ini boleh menjadi cara yang berkesan untuk mengukuhkan dan menghubungkan nilai tersebut dengan pengalaman sebenar pelajar. Melalui PBK, pelajar berpeluang untuk belajar secara langsung melalui pengalaman secara *hands-on* membantu komuniti atau melakukan projek yang memberi manfaat kepada orang lain. Walau bagaimanapun, adalah penting untuk menyedari bahawa walaupun PBK boleh menjadi platform yang baik untuk menerapkan nilai murni, pelaksanaannya mesti diselia dan dibimbing dengan berkesan oleh pihak sekolah. Organisasi yang baik, refleksi berstruktur, dan objektif yang jelas adalah satu panduan untuk memastikan pelajar menerima faedah pembelajaran yang optimum sambil tetap mengutamakan keselamatan dan kepentingan semua pihak yang terlibat.

2.11 Teori Dewey

Pada awal abad ke-20, ahli falsafah pendidikan John Dewey, menyatakan elemen PBK dan keperluan untuk hubungan individu dengan masyarakat melalui pembelajaran melalui pengalaman. Dewey percaya "pembaziran besar" dalam pendidikan ialah pembelajaran tidak berkaitan dengan masyarakat sekeliling (Dewey, 1997). Kemudian, Dewey menyatakan bahawa sekolah dalam masyarakat demokratik itu sendiri harus menjadi satu institusi demokrasi, kerana ia berkait rapat dengan masyarakat. Oleh yang demikian, perkhidmatan dan penyertaan aktiviti kewarganegaraan di sekolah dan komuniti mewujudkan perkaitan rapat antara peserta dan persekitaran, di mana pelajar dapat belajar melalui transaksi perhubungan (Dewey, [1938] 1951). Dewey (1938) menyifatkan pendidikan progresif sebagai "hasil dapatan terhadap ketidakpuasan hati dengan pendidikan tradisional" yang menentukan piawaian dewasa, subjek dan metodologi.

Dewey percaya bahawa pendidikan tradisional seperti yang diterangkan tadi, adalah di luar skop pelajar di sekolah. Pendidikan progresif seperti yang diterangkan oleh Dewey harus merangkumi penglibatan sosial pengalaman pembelajaran yang sesuai dengan perkembangan kanak-kanak (Dewey, 1938). Kenyataan ini disokong oleh dapatan kajian Gao dan Wang, (2021), "Prinsip Asas" dalam pendidikan moral dengan mempertimbangkan semula teori pendidikan moral Dewey, yang mempunyai pengaruh yang mendalam terhadap teori dan amalan pendidikan cina dalam perkembangan pendidikan kanak-kanak.

Teori ini dipilih dalam kajian ini sejajar dengan matlamat kajian yang ingin mengetahui reka bentuk kurikulum pedagogi PBK dapat membantu guru Pendidikan Moral sekolah menengah menjalankan aktiviti di luar bilik darjah. Teori Dewey relevan dan terbuka untuk para pendidik serta menawarkan PdP *evergreen* dalam meningkatkan amalan kontemporari di sekolah. Dalam abad ke-21 ini, Teori Dewey masih dipakai di negara barat. Hal ini telah dibuktikan oleh Williams (2017) menegaskan teori ini masih digunakan di Amerika Syarikat. Pihak sekolah dan aktiviti bilik darjah ini masih memberi penekanan kepada kepentingan untuk membina hubungan dengan komuniti secara kukuh, ia dapat membangunkan tahap yang lebih tinggi dalam kemahiran berfikir dengan mengaplikasikan dalam kehidupan sebenar, dan merancang aktiviti mengikut minat dan kesesuaian pelajar.

Pandangan ini turut disokong oleh Hunkins dan Ornstein (2016) yang menunjukkan bahawa teori Dewey menegaskan bahawa nilai sosial dan moral sepatutnya disepadukan "di mana kepentingan sosial mereka direalisasikan" dan mereka harus diberi pendedahan kepentingan serta membangunkan wawasan moral." Dengan kata lain, Teori Dewey menekankan kepentingan mengintegrasikan kepentingan sosial dan moral dengan proses

pendidikan. Sekolah harus memainkan peranan penting dalam membentuk pengalaman sosial dan keputusan yang berkaitan dengan moral, seperti yang dijelaskan oleh Dewey. Beliau menggunakan deskriptor seperti watak, keadaan, dan persekitaran untuk menggambarkan moral dan organisasi subjek.

2.12 Teori Kolb

Kolb (1984) adalah teori pembelajaran berasaskan pengalaman sebagai proses yang dicipta melalui transformasi yang dilalui seseorang dalam pengalaman yang berbeza. Dalam proses pembelajaran ini, seseorang itu mengalami penglibatan aktif sama ada pada peringkat intrapersonal atau interpersonal. Pengalaman ini adalah inti pati asas dalam mana-mana teori pembelajaran pengalaman. Pembelajaran ialah pengalaman yang mempunyai hubung kait dengan domain pengetahuan, kemahiran dan nilai kini tertanam dalam teknologi dan pembangunan yang diaplikasikan dalam PBK.

Kolb (1984) menyatakan bahawa dalam proses pembelajaran, seseorang individu akan melalui empat peringkat kitaran pembelajaran yang saling berkaitan antara satu sama lain dan saling bantu membantu bagi mencapai objektif pembelajaran. Sharlanova (2004) telah merumuskan empat peringkat kitaran pembelajaran dalam Rajah 2.4 adalah seperti berikut:

i. Pengalaman Konkrit: mempunyai pengalaman [perasaan]

Pengalaman konkrit adalah titik permulaan kitaran proses pembelajaran Kolb. Ini adalah sama ada ia boleh menjadi pengalaman baharu sepenuhnya atau versi rekaan semula bagi pengalaman sedia ada. Setiap pelajar perlu mengambil bahagian dalam aktiviti atau tugas sebagai sebahagian daripada pengalaman konkrit. Kolb percaya bahawa penglibatan adalah kunci kepada pembelajaran.

Mempelajarinya atau menontonnya dalam tindakan masih tidak mencukupi untuk pelajar. Seseorang pelajar mesti melibatkan diri secara aktif dalam proses pembelajaran untuk memperoleh pengetahuan baru.

ii. Pemerhatian Reflektif: refleksi pengalaman [memerhati]

Selepas melalui pengalaman konkrit, pelajar mengambil sedikit masa untuk merenung pengalaman itu. Dalam peringkat proses pembelajaran ini, pelajar dapat bertanya dan membincangkan pengalaman mereka dengan orang lain. Semasa peringkat proses pembelajaran ini, komunikasi adalah penting untuk mengenal pasti sebarang percanggahan antara pemahaman pelajar dan pengalaman itu sendiri. Selain itu, perbendaharaan kata yang baik membolehkan semakan menyeluruh tentang peristiwa yang berlaku.

iii. Konseptual Abstrak: belajar daripada pengalaman [berfikir]


Seterusnya, adalah perlu untuk memahami peristiwa ini. Melalui refleksi tentang pengetahuan sedia ada, pelajar menggunakan idea yang mereka biasa, atau membincangkan kemungkinan teori dengan rakan sebaya untuk membuat kesimpulan daripada pengalaman. Apabila pelajar mula mengklasifikasikan konsep dan membentuk kesimpulan tentang peristiwa yang berlaku, mereka beralih daripada pemerhatian reflektif kepada konsep abstrak. Pengalaman itu ditafsir dan dibandingkan dengan pemahaman semasa mereka tentang konsep tersebut. Ia tidak perlu untuk konsep menjadi "baharu"; pelajar boleh menganalisis maklumat baharu dan mengubah suai kesimpulan mereka berdasarkan maklumat sedia ada.

iv. Eksperimentasi Aktif: mencuba apa yang telah dipelajari [melakukan]

Peringkat dalam kitaran ini adalah peringkat ujian. Dalam pelajaran ini, pelajar akan kembali mengambil bahagian dalam tugas dengan bermatlamat untuk mengambil kira kesimpulan mereka kepada pengalaman baharu. Dalam peringkat ini kemungkinan bagi mereka untuk membuat ramalan, menganalisis tugas, dan membuat perancangan untuk masa depan berdasarkan pengetahuan yang diperoleh. Dengan membenarkan pelajar menggunakan pengetahuan mereka dan menunjukkan bagaimana ia berkaitan dengan kehidupan mereka untuk memastikan maklumat itu dikekalkan pada masa hadapan. Memandangkan teori pembelajaran Kolb adalah kitaran, seseorang boleh memasuki proses pada bila-bila masa sahaja. Jika ingin mencapai pembelajaran yang berkesan, kitaran itu perlu diselesaikan secara keseluruhannya. Hubungan timbal balik antara setiap peringkat dan semua peringkat perlu diselesaikan agar pengetahuan baharu dapat dikembangkan.

Rajah 2.4:

Kitaran Pembelajaran Kolb



Diadaptasi daripada Sharlanova (2004)

Kajian berkaitan manfaat Teori Kolb sering kali dikaji oleh pengkaji-pengkaji lepas. Antaranya Chiu (2019) menjalankan kajian tentang pendekatan pedagogi yang inovatif untuk melaksanakan pembelajaran berasaskan pengalaman dengan penggunaan ICT

dalam kursus pendidikan am yang ditawarkan di universiti di Hong Kong dan telah berjaya dilaksanakan selama tiga tahun dalam persekitaran bilik darjah untuk meningkatkan motivasi pembelajaran dan menggabungkan PBK. Maimoona Salam et al. (2019) melalui kajian yang dilakukan, menyokong bahawa penggunaan teori pembelajaran berasaskan pengalaman dengan mengadaptasi tiga komponen utama rangka kerja iaitu mengenal pasti pelaksanaan PBK berpandukan teori pembelajaran pengalaman Kolb (1984); lapisan sokongan teknologi dan corak penglibatan pihak berkepentingan dalam PBK yang dicadangkan oleh pengkaji dapat menentukan integrasi teknologi yang berkesan dalam PBK.

2.13 Model Taba

Pada tahun 1967, Hilda Taba meneroka ilmu lanjut daripada model Tyler dengan menekankan peranan guru dalam pembangunan kurikulum. Tidak seperti dinyatakan oleh Tyler, Taba bermula dari bawah sebagai pendekatan akar umbi (Costa dan Loveall, 2002). Melalui pendekatan tingkah laku, Taba menggariskan pelan langkah demi langkah untuk membina kurikulum berdasarkan matlamat dan objektif bilik darjah. Tambahan pula, Taba membangunkan kaedah untuk menerangkan kepada pelajar apa yang mereka perlu pelajari (Costa dan Loveall, 2002). Menurut Taba (1962), pembangunan kurikulum: teori dan amalan, terdapat susunan yang pasti di mana kurikulum harus diwujudkan, dan guru mesti memainkan peranan utama dalam penciptaannya; ini dirujuk sebagai pendekatan akar umbi. Model Tyler sama dengan model Taba, tetapi Taba menekankan kepentingan guru dalam pembangunan kurikulum. Middagh dan Perlstein (2005) percaya bahawa objektif pembelajaran umum harus disusun mengikut kurikulum yang memudahkan pelajar menemui prinsip.

Model Taba sesuai digunakan dalam mereka bentuk kurikulum pedagogi PBK untuk Pendidikan Moral di sekolah menengah. Ia memberi tumpuan kepada idea bahawa pengamal semula jadi harus membangunkan kurikulum dan bukannya mengenakan tahap yang lebih tinggi. Taba menyokong kurikulum peringkat mikro, di mana guru bermula dengan mereka bentuk unit pengajaran pembelajaran tertentu dan kemudian beralih kepada reka bentuk yang lebih luas. Ini juga telah diperhatikan oleh Ornstein dan Hunkins (2016) bahawa Model Taba memperkenalkan tujuh langkah paling penting untuk menerangkan "pendekatan akar umbi kepada pembangunan kurikulum":

Langkah-langkah berikut akan menggunakan Model Taba untuk reka bentuk kurikulum (Taba, 1962): (1) Diagnosis keperluan pelajar, (2) Rumusan objektif, (3) Pemilihan kandungan, (4) Organisasi kandungan, (5) Pemilihan pengalaman pembelajaran (6) Organisasi aktiviti pembelajaran, dan (7) Penilaian. Justeru, bagi Taba, diagnosis keperluan adalah titik permulaan pembangunan kurikulum, dan kepentingannya adalah seperti yang dikatakan oleh Taba (1962, hlm. 231):

“Diagnosis adalah bahagian penting dalam pembangunan kurikulum dan penyemakan kurikulum. Untuk menyelaraskan keperluan kurikulum dan masa berdasarkan keperluan pelajar, membantu menentukan matlamat yang harus dititikberatkan, diagnostik harus menjadi bahagian yang berterusan dalam kurikulum dan arahan. Model ini sesuai dengan pelbagai latar pelbagai jenis pelajar, memperkenalkan bahan baharu atau fokus baharu, dan mempunyai keperluan berterusan, pelarasan ini tidak seharusnya dibuat secara terburu-buru, tetapi harus berdasarkan perkara yang pelajar patut tahu dan boleh faham, dan apakah kemahiran yang sepatutnya mereka miliki., atau ujian diagnostik muktamad tentang prosedur psikologi yang perlu dikuasai.”

Secara keseluruhannya, kajian ini akan melaksanakan empat komponen ini: objektif pembelajaran, kandungan pembelajaran, strategi pengajaran, dan penilaian pembelajaran. Komponen penyediaan hendaklah memastikan reka bentuk dijalankan melalui PBK untuk Pendidikan Moral. Seterusnya, keperluan untuk reka bentuk PBK membolehkan guru dan pelajar menjalani pembelajaran dengan memperoleh hasil daripada pengalaman dalam kehidupan harian. Seterusnya, pelajar juga akan melaksanakan PBK untuk melengkapkan keperluan kemahiran sebenar dengan mengamalkan sahsiah yang baik. Akhir sekali, kurikulum Pendidikan Moral perlu dinilai dengan melihat perkembangan prestasi dan kebolehan mencapai hasil pembelajaran yang disasarkan.

2.14 Kajian Lepas Pembelajaran Berasaskan Khidmat (PBK)

Sejak beberapa dekad yang lalu, PBK telah digunakan secara meluas dalam perkhidmatan sosial kurikulum untuk menggalakkan perubahan positif dalam pengetahuan pelajar, pembangunan personaliti diri, kemahiran kepimpinan, dan semangat motivasi untuk melibatkan diri dalam aktiviti sosial (Surr, Gates, Irving, Oyebode, Smith, Parveen, dan Dennison, 2017; Corcoran, Cheung, Kim dan Xie, 2018). Pendekatan ini juga menitikberatkan pendidikan di luar bilik darjah dan menyediakan satu ruangan untuk meningkatkan pengalaman dalam kalangan pelajar supaya boleh berkomunikasi dengan penglibatan populasi yang terdiri daripada pelbagai latar belakang dan etika (Gardner dan Emory, 2018; Herrera-Sánchez, Rueda-Méndez, dan Medina-Anzano, 2019).

Stewart dan Wubbena (2014) telah membangunkan rangka kerja PBK secara empat peringkat berdasarkan analisis kajian mereka iaitu 1) perancangan dan persediaan, 2) tindakan, 3) refleksi dan demonstrasi, dan 4) penilaian. PBK boleh dimasukkan ke dalam kurikulum Fakulti perubahan dengan menggunakan rangka kerja yang dibentangkan di Universiti Amerika Syarikat. Manfaat potensi kurikulum PBK dalam pendidikan

perubatan adalah berguna untuk fakulti, pelajar, ahli komuniti dan perkongsian ilmu antara komuniti universiti sekiranya mempunyai satu panduan yang lengkap dalam perancangan pedagogi PBK. Seperti yang diperkatakan oleh Kwesiga, dan Zoogah (2023) telah menekankan kepentingan untuk memupuk pemimpin yang mempunyai wawasan global, tingkah laku beretika, dan belas kasihan dalam pengajian tinggi melalui program PBK. Beliau menyatakan bahawa peranan konstruk tingkah laku positif seperti hubungan kasih sayang, kepimpinan secara beretika, dan sokongan penyelia dalam membentuk persepsi pelajar tentang faedah PBK. Selain itu, beliau juga mendedahkan perbezaan budaya antara pelajar Amerika Syarikat dan Jerman dalam penilaian mereka terhadap program tersebut. Secara keseluruhan, penemuan ini menekankan potensi PBK untuk menyediakan pelajar menghadapi cabaran dunia yang berubah dan menyumbang kepada impak masyarakat.

Kenyataan turut dinyatakan oleh Mishal et al. (2021) bahawa pedagogi PBK bertujuan memperkasakan pelajar untuk menjadi warganegara dengan mendidik mereka tentang tanggungjawab sebagai warganegara. Kajian mereka telah dilaporkan bahawa pelajar dapat memupuk tanggungjawab sosial dan penglibatan sivik yang lebih bermakna dengan menggunakan kaedah PBK. Pengalaman PBK telah terbukti secara empirik mempengaruhi keupayaan untuk bekerjasama dengan orang lain, serta mempunyai kemahiran berkomunikasi, kepimpinan dan penyelesaian masalah. Ia juga berfungsi sebagai pedagogi yang memberi kesan kepada pembelajaran akademik pelajar. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya memberi tumpuan kepada aspek kuantitatif PBK, tetapi tidak meneroka aspek kualitatif PBK. Perspektif yang menyeluruh diperlukan untuk memahami kesan PBK dalam domain kerjaya.

Kajian yang dijalankan oleh Xavier dan Jones (2021) telah mengkaji cabaran dan faedah yang berkaitan dengan penggunaan PBK dalam bilik darjah sebagai strategi pedagogi merentasi disiplin ilmu. Dalam kajian ini, cabaran telah dirangka dari perspektif fakulti, dan faedah diukur dari perspektif pelajar sarjana muda. Kajian ini mengisi jurang dalam literatur dengan mengkaji kedua-dua halangan dan faedah yang dilihat oleh pelajar dalam program siswazah. Keputusan mereka telah menunjukkan bahawa persepsi tentang faedah dan halangan adalah berbeza dipengaruhi oleh tingkah laku pelajar perubatan, program sarjana di Universiti Alabama, Birmingham selepas mereka mengambil bahagian dalam aktiviti PBK. Mereka mencadangkan bahawa memasukkan kursus pengalaman dalam PBK pada peringkat awal sebagai syarat pembelajaran kurikulum pelajar. Pengalaman PBK ini membolehkan pelajar memahami prosesnya dengan lebih baik, termasuk perkara yang diperlukan daripada mereka belajar secara teori di bilik kuliah.

Zhu et al. (2022) telah menjalankan kajian sistematik untuk mensintesis kaedah kualitatif mengenai pengalaman pelajar kejururawatan dengan PBK. Enam topik berikut telah dikenal pasti berdasarkan 39 kajian yang disintesis iaitu penyesuaian dan peralihan emosi, pengetahuan dan pembangunan kemahiran diterjemahkan, kepimpinan dan kerjasama dalam pasukan pelbagai disiplin, sensitiviti budaya, peranan kejururawatan dan pembangunan profesional, penilaian dan cadangan keseluruhan. Cadangan dalam kajian ialah pelajar kejururawatan harus diperkasakan dengan membangunkan keyakinan diri berfokuskan kebolehan dan identiti kepimpinan mereka sebelum mendaftar dalam program PBK. Pensyarah harus menyediakan ruang yang mencukupi untuk pelajar semasa PBK dijalankan dan mengelak daripada menjejaskan keyakinan diri mereka khususnya kemahiran memimpin bagi setiap pasukan masing-masing. Pihak universiti dan komuniti patut mengekalkan hubungan jangka masa panjang agar pelajar dapat

bekerja dengan lancar dalam komuniti serta program ini dapat dikekalkan dalam jangka masa panjang.

Menurut kajian Veyvoda dan Van Cleave (2020), pembelajaran melibatkan komuniti atau PBK masih merupakan komponen penting dalam pendidikan liberal, sama ada maya, hibrid atau secara peribadi semasa seluruh dunia dilanda Pandemic Covid-19. Pelajar boleh memperoleh pemahaman yang lebih baik tentang ketidaksamaan sosial, jurang kesihatan, dan membina hubungan positif dalam komuniti mereka dengan mempraktikkan kemahiran klinikal, membangunkan sensitiviti budaya, dan mengembangkan pengetahuan silang budaya. Pedagogi PBK ialah cara yang baik untuk fakulti di universiti mengekalkan nilai murni sambil memperkasakan kemahiran klinikal dalam pelajar universiti dan membangunkan penglibatan sivik dalam komuniti. Namun begitu, Pendidikan dalam talian untuk PBK juga memberikan kekangan tertentu iaitu interaksi dan perhubungan pelajar yang terhad, semangat kekitaan kurang jelas, kerana masih tidak mengenali oleh pensyarah fakulti atau rakan sebaya.

Choi dan Kim (2023) menyiasat keberkesanan PBK dalam pendidikan tinggi di seluruh negara Asia, dengan tumpuan pada konteks pendidikan unik di Korea. Melalui temu bual secara mendalam dengan pelajar prasiswazah yang mengambil bahagian dalam program PBK kokurikulum, kajian ini mengenal pasti tujuh pengalaman penting yang meningkatkan pembelajaran dan refleksi pelajar. Pengalaman ini termasuk memahami keperluan sebenar penerima, reka bentuk projek secara bebas, menyelesaikan masalah dunia sebenar, bekerjasama dengan individu yang pelbagai, memikul tanggungjawab peranan tertentu, mengurus emosi yang tidak selesa, dan merenung minat dan kebolehan peribadi. Kajian ini mendedahkan bahawa pelajar boleh mengembangkan pembelajaran mereka melangkaui pembelajaran formal dengan mengaitkannya dengan kursus

akademik formal dan melibatkan diri dalam aktiviti baharu di kampus dan di luar kampus. Penemuan ini menyumbang kepada pemahaman global tentang PBK dan memberikan pandangan praktikal kepada penggubal dasar dan pendidik dalam pendidikan tinggi semasa mereka membentuk dan menambah baik program PBK.

PBK juga dilaksanakan di sekolah rendah dan menengah di luar negara. Kajian dijalankan oleh Hani'atul Hidayah et al. (2021) mendapati bahawa program PBK di Sekolah Menengah Agama Islam Tinggi (SMAIT NH) di Sukoharjo, Jawa tengah, Indonesia merupakan pendidikan bersepadu yang bukan sahaja menitikberatkan aspek pencapaian ilmu tetapi juga membentuk sikap dan kemahiran yang diperlukan oleh pelajar. Pelajar secara langsung mengaplikasikan pembelajaran dengan melakukan dalam setiap aktiviti pembelajaran perkhidmatan dalam komuniti. Untuk meningkatkan kemahiran sosial pelajar, program PBK telah dibangunkan di SMAIT NH di mana pelajar diajar kemahiran sosial dalam konteks kemahiran ikhtiar hidup, agama perayaan, pendidikan dan persekitaran mereka. Semasa program ini dijalankan, pelajar diarahkan untuk mengambil bahagian secara aktif dalam mana-mana atau semua aktiviti kemasyarakatan. Setiap pelajar berpeluang menghulurkan bantuan dan perkhidmatan kepada masyarakat serta mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang telah mereka peroleh di sekolah dalam situasi kehidupan sebenar. Walau bagaimana pun, program ini yang dilaksanakan di SMAIT NH kurang jelas dari aspek penerangan pedagogi PBK di SMAIT NH. Ini adalah kerana program PBK hanya dilakukan di sekolah formal tetapi masih belum dilaksanakan di sekolah tidak formal. Maka, mereka mencadangkan satu kajian tentang persepsi masyarakat terhadap aktiviti PBK, perbandingan beberapa program PBK di sekolah aliran yang berbeza dan menyemak semula jurang penilaian program PBK yang sedia ada.

Dunbar dan Yadav (2022) turut mengkaji pengajaran yang menggunakan pedagogi berpusatkan pelajar dalam program PBK semasa musim panas dan ia amat mempengaruhi amalan dan kepercayaan pengajaran semasa tahun persekolahan di Sekolah Amerika Syarikat. Pedagogi berpusatkan pelajar seperti pembelajaran berasaskan projek dan teknik penyelesaian masalah serta PBK menunjukkan meningkatkan pencapaian dan kemahiran pelajar, tetapi kurikulum tersebut jarang digubal dalam bilik darjah K-12 yang bermula dari tadika sehingga sekolah menengah. Kajian ini menunjukkan bahawa guru memerlukan peluang untuk "mencuba" pembelajaran berpusatkan pelajar sebelum mereka yakin dapat melaksanakan amalan ini dalam kurikulum yang berpusatkan tradisional. Program PBK dalam konteks luar sekolah memberi peluang kepada guru untuk mempraktikkan peralihan kawalan pembelajaran kepada pelajar dan mendapat sokongan daripada rakan sebaya. Kajian ini mempunyai implikasi untuk menyokong guru dalam perkembangan profesional mereka. PBK telah terbukti memberi kesan positif terhadap pencapaian dan motivasi pelajar. Program ini memberi peluang kepada guru menjalankan eksperimen secara profesional agar membantu mereka mengalihkan kepercayaan mereka tentang nilai PBK serta membangunkan kemahiran sosial untuk mengalihkan kurikulum ke arah pembelajaran berpusatkan pelajar. Zahedi, Jaffer, Bryant dan Bada (2023) juga membuktikan bahawa sekolah ABC di India bertujuan untuk mengatasi cabaran penglibatan sivik pelajar yang terhad disebabkan oleh kurikulum K-12 yang rumit dan penekanan yang kuat terhadap peperiksaan yang berdaya saing. Ekoran daripada itu, sekolah melaksanakan program PBK rintis di sekolah menengah untuk menilai kesannya terhadap pelajar dan kebajikan masyarakat. Analisis data daripada soal selidik, kumpulan fokus dan temu bual telah menunjukkan hasil yang berpotensi positif, menunjukkan peningkatan penglibatan sivik dalam kalangan pelajar dan peningkatan kesejahteraan komuniti yang dilayani.

Menurut Thabet (2018), kajian beliau adalah untuk mewujudkan dasar pendidikan yang berkaitan dengan PBK sebagai pedagogi pendidikan yang sah untuk diterima pakai di sekolah-sekolah di Dubai, Emiriah Arab Bersatu. Dapatan kajian ini telah mendedahkan bahawa sekolah telah menerapkan elemen penting dalam PBK. Para peserta yang terlibat dalam program PBK antaranya mempamerkan tanggungjawab sosial atau kesedaran komuniti yang lebih tinggi, mempamerkan kerja berpasukan, menunjukkan komitmen kepada komuniti, mempunyai sifat harga diri, dan kepuasan diri serta keupayaan mereka untuk menyelesaikan tugas mereka. Di samping itu, Thabet (2018) mendapati bahawa terdapat limitasi dalam kajian ini, bebanan tugas guru menyebabkan mereka mengalami kesukaran untuk mengintegrasikan khidmat masyarakat dengan objektif kurikulum, kadar keciciran dan guru yang menarik diri daripada aktiviti. Guru juga menghadapi masalah apabila menerima kelewatan maklum balas daripada agensi sosial dan kurangnya kerjasama dan sokongan daripada penyelaras jabatan mata pelajaran. Kekurangan maklumat mengenai agensi sosial, institusi, organisasi kerajaan, sifat peranan dan tanggungjawab agensi tersebut malahan penglibatan pelajar kurang memberangsangkan menjadi halangan utama dalam menjayakan program PBK. Kenyataan ini turut dinyatakan oleh hasil kajian Vijaya Malani Verasamy dan Vishalache Balakrishnan (2020) adalah seperti tiada sebarang peruntukan kewangan dan infrastruktur disediakan oleh pihak berkepentingan, kurangnya kerjasama dan sokongan daripada agensi luar, isu pengurusan masa, guru dan pelajar kurang diberi pendedahan tentang pelaksanaan ALPdP dalam mata pelajaran Pendidikan Moral di Malaysia.

Ditinjau dari sudut ini, Light, Altstadt, Sanchez-Txabarri, Bernstein dan McMahan (2023). telah meneliti hasil kajian yang positif mengenai pengalaman PBK, terutamanya *Honors Afterschool Clubs* bertujuan untuk memberi peluang pelajar kolej terlibat dalam program komuniti setempat dan sekolah. Penemuan ini menyerlahkan faedah akademik,

sosial dan emosi untuk pelajar kolej, menunjukkan rancangan untuk meneruskan dan berpotensi mengembangkan program PBK. Penemuan awal menunjukkan bahawa di luar menangani keperluan komuniti, peserta dalam kelab selepas program sekolah telah meningkatkan efikasi diri, kemahiran interpersonal, dan keyakinan kerjaya. Kajian ini mencadangkan bahawa *Honors Afterschool Clubs* berfungsi sebagai amalan berimpak tinggi, mempengaruhi kemahiran pelajar, pemahaman masyarakat, perspektif tentang ekuiti dan kepelbagaian, dan memberi kesan positif kepada kesihatan mental melalui PBK. Program perintis itu menekankan kepentingan institusi pengajian tinggi bekerjasama dengan komuniti setempat dan sekolah untuk menangani permintaan untuk program selepas sekolah dan musim panas yang berpanjangan.

Begitu juga dengan Okumu dan Abuya (2023) yang mendapati bahawa kesan pemantauan dan penilaian, penglibatan pihak berkepentingan, dan pelaksanaan projek PBK di sekolah menengah awam di Teluk Homa, Kenya, menggunakan model CIPP. Hasil kajian menunjukkan model CIPP memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pelaksanaan projek. Pemantauan konteks, pemantauan input, dan penilaian proses dan produk memainkan peranan yang berbeza dalam kejayaan projek, dengan penyertaan pihak berkepentingan dikenal pasti sebagai faktor penting yang memberi sumbangan besar kepada kejayaan inisiatif PBK. Kesimpulannya, model CIPP boleh digunakan dengan berkesan dalam memantau dan menilai projek PBK di sekolah menengah awam, dan disyorkan untuk disepadukan sebagai rangka kerja strategik dalam konteks pendidikan. Ini boleh membantu meningkatkan keberkesanan program, memberikan hasil yang positif untuk pelajar dan pihak berkepentingan yang berminat yang terlibat.

Dalam konteks di Malaysia, menurut kajian Norain Azlan Najah Nadiah Amran dan Hamdi Ishak (2020) menyatakan bahawa elemen utama yang perlu ada dalam PBK adalah

seperti berikut (1) Definisi dan matlamat pembelajaran melalui PBK (2) Pendekatan pelaksanaan pembelajaran melalui PBK (3) Keterlibatan bersama masyarakat atau agensi dalam aktiviti PBK semasa pelajar berada di lapangan (4) Impak pelaksanaan PBK iaitu penilaian dan keberhasilan yang diukur mengenal pasti kesan PBK atas pelajar, pensyarah/guru pembimbing, institusi pendidikan dan masyarakat/agensi terlibat.

Elemen utama ini dalam pelaksanaan PBK turut dirangka dalam terbitan *SULAM Playbook* yang berfokuskan kepada pelajar pengajian tinggi di Malaysia. Semua pelajar pengajian tinggi diwajibkan menjalankan program PBK selama 20 jam minimum sepanjang semester dengan mendapatkan kerjasama daripada komuniti setempat, agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan (KPM, 2019). Elemen utama adalah seperti berikut:

- i. Mengaplikasikan pengetahuan disiplin dalam situasi kehidupan sebenar melalui PBK.
- ii. Menunjukkan kemahiran dan pengetahuan dipelajari dalam menyelesaikan masalah dalam kehidupan sebenar melalui PBK.
- iii. Meningkatkan keupayaan untuk melibatkan diri dalam PBK.
- iv. Memupuk nilai keyakinan diri, kebolehan kawalan diri; kemahiran sosial dan beretika; kemahiran menyelesaikan masalah, pemikiran kritis yang kompleks dan komitmen kepada profesionalisme di tempat kerja pada masa hadapan.
- v. Perkembangan interpersonal, terutamanya keupayaan untuk bekerja dengan baik dengan orang lain, interaktif komunikasi; perhubungan dan kemahiran bekerjasama dalam mengurus perhubungan dalam pasukan dan dalam organisasi.
- vi. Membangunkan kepimpinan dan kerja berpasukan kemahiran yang diperlukan.
- vii. Hubungan dengan professional dalam disiplin dan komuniti ahli untuk pembelajaran.

- viii. Penilaian kritikal dan pemahaman berasaskan disiplin pengetahuan/kemahiran melalui PBK.

Dalam konteks pengajian tinggi di Malaysia, institusi perlu menyediakan pendidikan kepimpinan yang komprehensif melalui Perkhidmatan Pembelajaran Malaysia - Universiti untuk Masyarakat (SULAM) yang menggabungkan teori, pengalaman dunia nyata, dan refleksi. Kerjasama antara hal ehwal pelajar dan hal ehwal akademik adalah penting. Pendekatan ini disokong oleh rangkaian pendidikan kepimpinan, prinsip pembelajaran pengalaman, dan refleksi. PBK mengintegrasikan pengalaman dunia nyata ke dalam kurikulum, menekankan aplikasi pengetahuan dalam masyarakat. Secara ringkasnya, kemasukan kurikulum SULAM telah terbukti bermanfaat dan memberi impak positif kepada personaliti dan kemahiran sosial penerima. Walaupun mengiktiraf keberkesanan kursus, usaha berterusan diperlukan untuk memperhalus kemahiran komunikasi lisan dan bertulis. Maklum balas responden menekankan kepentingan aplikasi praktikal kemahiran, mengekalkan keperluan untuk penekanan berterusan sepanjang perjalanan akademik. Oleh itu, kefahaman keperluan masyarakat adalah penting sebelum mengatasi cabaran pada masa kelak. (Intan Maizura Abd Rashid, Mohd Rasdi Zaini, Muhammad Fairuz Jamil, Amizatul Hawariah Awang, Mastura Roni, Akmal Adanan dan Syahril Iman Faisal, 2023)

Namun begitu, Norhafezah Yusof et al. (2020) mengenal pasti kekurangan autonomi kognitif yang serius dalam pelaksanaan PBK. Semua ini merupakan cabaran penting dan faedah PBK untuk negara. Infrastruktur juga amat diperlukan dalam PBK yang berkesan kerana ia akan memudahkan pembelajaran melalui perubahan persekitaran dengan aktiviti yang berbeza dan berserta refleksi untuk menilai hasil dan kemudahan untuk pembangunan. Sebagai contoh, perpustakaan boleh menjadi sumber penting untuk

pembelajaran sendiri yang berkesan. Pembelajaran sendiri juga merupakan aspek penting dalam PBK kerana ia menekankan pengalaman seseorang individu. Penyediaan perkhidmatan perpustakaan yang bersesuaian untuk pembelajaran sendiri lebih berkesan untuk meningkatkan lagi pengalaman pembelajaran. Seseorang individu adalah menyumbang bakti untuk negara dengan adanya penyertaan situasi semasa dalam PBK di negara ini. Kajian ini tidak menilai peranan perkhidmatan perpustakaan sebagai sumber penting untuk PBK adalah jurang yang ketara dalam kajian.

Kajian Nurul Ashikin, Hanum, Amir Farhan, Moh Faiz, Saharifah Dara Naqiyah, Rosniza dan Hasnah (2021) juga telah menunjukkan bahawa struktur yang sesuai adalah penting untuk melaksanakan potensi tertinggi PBK. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa negara kurang melaksanakan struktur yang sesuai untuk PBK dan itu menjadi penghalang penting bagi organisasi untuk melaksanakan potensi tertinggi PBK. Pelaksanaan struktur yang sesuai sangat diperlukan kerana ia menggabungkan penyediaan aktiviti dan refleksi yang berbeza dalam kitaran untuk pembelajaran dan penilaian yang berkesan untuk memudahkan pembelajaran selanjutnya. Penilaian hasil pembelajaran adalah sangat penting bagi pelajar untuk mengenal pasti perkembangan mereka dalam hal ini. PBK mempunyai potensi besar untuk mengenal pasti bidang yang diminati pelajar dan memudahkan perkembangan pendidikan. mereka.

Selaras dengan Maimoona Salam et al. (2019) ini mengulas bahawa objektif utama universiti di Malaysia adalah untuk melahirkan graduan yang dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan yang berbeza dengan menggunakan pendekatan PBK secara temu duga supaya mereka dapat menghadapi dan melaksanakan prestasi yang berkesan dalam dunia kerjaya secara profesional. Melalui kajian ini, analisis yang berkesan dapat mengenal pasti beberapa isu yang menjadi penghalang kepada universiti untuk mencapai

objektif yang diinginkan seperti kekangan kewangan dan isu dalam pengurusan masa. Beberapa strategi disyorkan dalam pelaksanaan PBK yang berkesan antaranya adalah pengurusan yang sistematik penting bagi negara untuk mencapai optimum tertinggi dalam PBK. Walaupun kajian ini banyak memberi tumpuan kepada pendekatan pengurusan, peranan pendidik dalam menghasilkan pendidikan berkesan melalui PBK adalah jurang yang ketara dalam kajian ini.

Sebaliknya Zainudin Hasan, Naldo Janius, Noor Azean Atan dan Mirna Danianti Idris (2018) berpendapat bahawa pelaksanaan teknologi juga memainkan peranan penting dalam operasi PBK yang berkesan. Operasi PBK yang berkesan dengan mengambil kira keperluan teknologi dapat mengekalkan teknik yang sesuai dalam penggunaan aktiviti yang berbeza dan refleksi. Teknologi mempunyai keberkesanan yang lebih tinggi dalam pengendalian PBK yang sesuai untuk menerajui pendidikan pengalaman yang berkesan kerana teknologi mempunyai keberkesanan yang tinggi untuk meningkatkan pengalaman pembelajaran individu, pelaksanaan teknologi yang sesuai boleh menjadi langkah utama untuk meningkatkan keberkesanan pengalaman pembelajaran. PBK yang berkesan akan memberi manfaat bagi negara untuk mengurangkan cabaran di kalangan graduan dan meningkatkan kecekapannya dalam membangunkan graduan yang berkemahiran dan berpengetahuan yang bersedia untuk tujuan pekerjaan pada masa akan datang.

Dalam konteks ini, Valerie Bukas Marcus, et al. (2019) berpendapat bahawa e-PBK juga merupakan aspek penting dalam PBK yang menggunakan internet untuk memudahkan PBK dalam talian. Kajian ini telah mengenal pasti bahawa pelaksanaan kedua-dua pembelajaran bersemuka dan pendidikan dalam talian menggabungkan semua faktor PBK elektronik dengan penekanan kepada pendidikan yang berkesan. Walaupun kajian ini banyak menumpukan kepada keberkesanan e-PBK untuk membangunkan kemahiran

profesional, keperluan untuk membangunkan struktur yang sesuai untuk e-PBK berdasarkan keperluan pelajar adalah jurang yang ketara dalam kajian ini. PBK adalah keperluan penting di Malaysia untuk pertumbuhan pelajar dan juga untuk mencapai matlamat yang lebih tinggi dalam platform global. Memandangkan PBK akan meningkatkan prestasi akademik, ia juga penting untuk membangunkan strategi perniagaan yang sesuai.

Kajian Najah Nadiah Amran dan Hamdi Ishak (2017) menghujahkan bahawa PBK mempunyai impak yang menyeluruh kepada pelajar, termasuk perubahan positif kepada kesejahteraan intelek dan emosi, pembinaan sahsiah dan perkembangan rohani mereka. Dalam kajian ini berdasarkan refleksi responden, kajian ini mengupas pengalaman tiga pelajar dari Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang menjalankan program PBK kepada Orang Kurang Upaya (OKU) melalui latihan amali industri di salah sebuah agensi sosial di Selangor. Mereka telah merancang teknik atau kaedah Kursus Akhlak dalam Al-Ouran dan Al-Sunnah yang bersesuaian untuk diterjemahkan kepada OKU bagi setiap kategori. Berdasarkan dapatan kajian ini, pelajar telah mengalami perubahan positif dari segi kesejahteraan emosi, pemikiran logik, pembangunan sahsiah, dan pencapaian rohani selepas mereka menamatkan program PBK. Ini juga membuktikan bahawa impak PBK sangat besar kepada diri pelajar kerana ia membawa perubahan baik dari segi aplikasi ilmu, pemikiran baru, penyelesaian masalah, pemupukan nilai-nilai sosial seperti nilai empati dan tanggungjawab sosial.

Dalam bidang Pendidikan di Malaysia, PBK sebenarnya kurang diberi perhatian dan dititikberatkan melalui mata pelajaran di sekolah. Hairul Faiezi Lokman, et al. (2022) dalam kajiannya yang bertajuk “Pembentukan Penghayatan Nilai Melalui Pengintegrasian Kerja Amal Pendidikan Moral dengan Aplikasi Media Sosial” telah

menunjukkan bahawa pelajar yang terlibat KBSM kerja kursus Pendidikan Moral dalam kertas SPM 1225/2 dapat mengaplikasikan domain moral iaitu penaakulan moral, emosi moral dan Perlakuan moral dengan mengintegrasikan media sosial selari dengan kehendak kemahiran abad ke-21. Kerja amal Pendidikan Moral digunakan sebagai medium untuk menilai keberkesanan kajian tindakan di sekolah. Kajian ini telah menunjukkan beberapa implikasi penting, khususnya kepada pelajar, terhadap pelaksanaan kerja amal Pendidikan Moral dan kurikulum Pendidikan Moral di Malaysia. Hasil daripada integrasi media sosial, pelajar dapat menyelesaikan tugas yang biasanya akan dicapai melalui cara konvensional untuk menyediakan dan menulis laporan. Pelajar dapat meningkatkan elemen motivasi dalam melaksanakan tugas mereka, mewujudkan elemen penghargaan, meningkatkan kemahiran interaksi dan komunikasi, penghayatan nilai moral serta membangunkan kemahiran pembelajaran abad ke-21 melalui penggunaan media sosial. Namun begitu, Kerja Kursus Pendidikan Moral telah dimansuhkan selepas penggubalan KSSM mulai 2017 dengan menggantikan format instrumen peperiksaan SPM yang berbentuk ujian bertulis iaitu subjektif respons terhadap, subjektif respons terbuka dan subjektif berstruktur (KPM, 2020) yang semata-mata menguji dan menekankan penaakulan moral secara teori bukannya menggalakkan pelajar memupuk emosi moral dan perlakuan melalui aktiviti kerja sosial.

Projek kerja Amali Kewarganegaraan (PBK) telah diperkenalkan sebagai sebahagian daripada Dasar kurikulum Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan (PSK) pada tahun 2005. Komponen PBK dalam kurikulum dianggap sebagai salah satu komponen kerja amali yang memberi manfaat kepada komuniti, sekolah atau luar sekolah yang dilaksanakan di luar waktu persekolahan sekurang-kurangnya 10 jam setahun. Komponen amali bagi KBSR adalah Projek Kewarganegaraan, manakala, kerja amali bagi KBSM adalah Khidmat Masyarakat seperti yang dicadangkan dalam sukatan pelajaran PSK

(2004) yang dapat menyumbang ke arah kesejahteraan keluarga, sekolah dan masyarakat dan untuk memupuk semangat patriotisme, penyayang dan memupuk rasa tanggungjawab terhadap keluarga, sekolah dan masyarakat. (Noor Banu Mahadir et al. 2019). Penilaian dalam mata pelajaran PSK ialah Penilaian Kendalian Sekolah (PKS) yang dilaksanakan secara menyeluruh dan berterusan dari segi pengetahuan, kemahiran dan nilai sivik dan kewarganegaraan. Ia dikendalikan oleh guru secara bersistematik iaitu merancang, mengurus, merekod, melapor dan membuat tindakan susulan. Walau bagaimanapun, dalam pengenalan PPPM 2013-2015, Pendidikan Sivik tidak lagi diajar sebagai mata pelajaran khusus tetapi disepadukan melalui berapa mata pelajaran lain seperti Pendidikan Islam, Pendidikan Moral dan Sejarah dalam kurikulum sekarang (KPM, 2013). Secara tidak langsung, Projek Amali kewarganegaraan dalam PSK telah dimansuhkan walaupun projek ini ialah amalan pedagogi atau kaedah pembelajaran yang mengintegrasikan pembelajaran perkhidmatan dan kandungan kurikulum.

2.15 Rumusan

Bab seterusnya akan membincangkan metodologi kajian iaitu tatacara yang akan digunakan oleh pengkaji untuk menjalankan kajian bagi menjawab soalan dan objektif kajian.

BAB 3

METODOLOGI

3.1 Pengenalan

Bab ini akan menerangkan mengenai pengenalan, reka bentuk kajian, aplikasi kaedah *fuzzy delphi*, lokasi kajian, persampelan kajian, kriteria pemilihan pakar, kajian rintis, kesahan dan kebolehpercayaan, prosedur pengumpulan data, instrumen kajian, prosedur kajian, prosedur analisis data dan rumusan.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Dalam dunia penyelidikan, bidang sastera yang telah menjangkau sehingga empat dekad mengandungi banyak contoh penyelidikan dalam reka bentuk dan pembangunan. Orientasi penyelidikan ini telah menarik minat para pengkaji kerana faedahnya memberi satu era baharu dalam dunia penyelidikan. Maka dengan sebab itulah kaedah penyelidikan reka bentuk dan pembangunan terus berkembang sehingga masa kini.

Pendekatan penyelidikan reka bentuk adalah satu konsep penyelidikan yang membangunkan satu kajian pembangunan secara teratur dan sistematik. Tujuan kajian ini adalah untuk mereka bentuk PBK untuk Pendidikan Moral supaya dapat mengenal pasti objektif pembelajaran yang diperlukan, kandungan dan strategi pembelajaran yang diharapkan serta jenis penilaian yang akan diperlukan untuk PBK dalam kurikulum Pendidikan Moral di sekolah menengah.

Dalam kajian ini, adalah perkara biasa bagi pengkaji untuk menggunakan pendekatan kaedah campuran yang menggabungkan kedua-dua metodologi kualitatif dan kuantitatif (Richey dan Klein, 2014). Kajian ini akan menggunakan Aplikasi *Fuzzy Delphi*. Rasional pengkaji menggunakan teknik ini bersandarkan hujah Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Saedah Siraj, Zaharah Hussin, Nurulrabihah Mat Noh dan Ahmad Ariffin Sapar (2017) yang mengatakan bahawa Aplikasi *Fuzzy Delphi* mampu digunakan bagi mendapatkan konsensus pakar dalam sesuatu permasalahan. Pada mulanya, temu bual ringkas akan dijalankan dengan konsensus pakar yang dikenal pasti dan kemudiannya, soal selidik akan dibangunkan agar mendapatkan daripada konsensus pakar lain untuk mendapatkan kata sepakat tentang reka bentuk PBK dalam Pendidikan Moral sekolah menengah.

3.3 Aplikasi Kaedah *Fuzzy Delphi*

Aplikasi *Fuzzy Delphi* (FDM) yang digubal daripada kaedah Delphi tradisional bagi mendapatkan data berdasarkan kumpulan pakar dalam bidang yang dikaji di mana kaedah ini telah diterima secara meluas (Zarina Eshak dan Azizah Zain, 2020). Kaedah ini juga dikenali sebagai pendekatan konsensus. Kaedah ini ialah kaedah yang diperolehi daripada kaedah *Delphi* klasik yang telah diubah suai. Melalui kaedah ini, pakar yang dipilih adalah terdiri daripada pakar yang mempunyai latar belakang dalam isu yang dikaji (Khairul Azhar Jamaludin, Norlidah Alias, Dorothy DeWitt dan Abdul Rasid Razzaq, 2019). Seperti yang dijelaskan oleh Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Saedah Siraj, Farazila Yusof, Nurulrabihah Mat Noh, Zaharah Hussin dan Ahmad Ariffin Sapar (2016), Aplikasi *Fuzzy Delphi* menggabungkan teori *Fuzzy* dengan Kaedah *Delphi* Konvensional untuk menghasilkan penyelesaian yang optimum. Teknik ini dibangunkan untuk menghapuskan kekaburan (*Fuzzy*) dalam konsensus panel yang digunakan dalam Kaedah *Delphi* serta mengurangkan masa penyiasatan yang terlibat. Terdapat beberapa kajian yang menunjukkan bahawa Teknik *Fuzzy Delphi* merupakan kaedah yang berkesan untuk

mendapatkan inferens yang sah dan boleh dipercayai daripada data kualitatif (Bui, Tsai, Tseng, dan Mohd Helmi Ali, 2020).

Menurut Ocampo, Ebisa, Ombe dan Geen Escoto (2018), bilangan pakar dalam kajian tidak perlu ramai kerana tidak terdapat hubungan yang kuat antara bilangan pakar dengan kualiti keputusan yang boleh dihasilkan daripada perbincangan kumpulan. Selain itu pakar yang dipilih perlu ada latar belakang atau pengalaman dalam bidang yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan, pemilihan ini dapat menyokong pendapat mereka kepada keperluan kajian serta dapat menyemak semula penghakiman awal mereka untuk mencapai konsensus dalam kalangan pakar (Pill, 1971). Oleh itu, pembinaan soal selidik pakar perlu dijalankan melalui beberapa kaedah seperti temu bual, perbincangan, pembinaan melalui analisis dokumen dan kajian literatur serta instrumen kajian lepas (Arasinah Kamis, Amarumi Alwi dan Bushra Limuna Ismail, 2021)

Aplikasi *Fuzzy Delphi* biasanya dianalisis dengan menggunakan perisian *Microsoft Excel* mengikut langkah-langkah yang dicadangkan oleh Mohd Ridhuan Mohd Jamil dan Nurulrabihah Mat Noh (2021). Langkah-langkah itu adalah seperti berikut:

Langkah 1: Proses ini melibatkan penukaran semua skala pemboleh ubah linguistik kepada penomboran segi tiga *Fuzzy (Triangular Fuzzy Numbers)*. *Triangular Fuzzy Number* adalah diwakili oleh nilai m_1 , m_2 , dan m_3 . Nilai m_1 mewakili nilai minimum, nilai m_2 mewakili nilai paling munasabah dan nilai m_3 adalah merujuk kepada nilai maksimum. Seterusnya, *Triangular Fuzzy Number* digunakan untuk menghasilkan skala *Fuzzy* yang menggunakan skala *Likert* bagi tujuan menterjemahkan pemboleh ubah linguistik kepada nombor *Fuzzy* (Jamilah Mohd Basir, Azizah Zain dan Siti Hartini Azmi

,2021; Ekawati Marlina, Achmad Nizar Hidayanto dan Betty Purwandari, 2022). Andaikan bahawa pakar K dijemput untuk menentukan kepentingan bagi kriteria penilaian terhadap pemboleh ubah yang akan diukur dengan menggunakan pemboleh ubah linguistik (Jadual 3.1).

Jadual 3.1:

Skala Fuzzy -5 Skala


Pemboleh Ubah Linguistik	Skala Likert
Sangat setuju	(0.6, 0.8, 1.0)
Setuju	(0.4, 0.6, 0.8)
Kurang Setuju	(0.2, 0.4, 0.6)
Tidak setuju	(0.0, 0.2, 0.4)
Sangat Tidak Setuju	(0.0, 0.0, 0.2)

Diadaptasi daripada Mohd Ridhuan Mohd Jamil dan Nurulrabihah Mat Noh (2021)

Bilangan tahap bagi skala *Fuzzy* adalah dalam bilangan ganjil. Lebih tinggi skala *Fuzzy*, lebih tepat data yang diperoleh. Rajah 3.1 menunjukkan graf segi tiga min melawan nilai Triangular iaitu ketiga-tiga nilai dalam *Triangular Fuzzy Number*.

Rajah 3.1:

Graf Segi Tiga Min Melawan Triangular



Diadaptasi daripada Mohd Ridhuan Mohd Jamil dan Nurulrabihah Mat Noh (2021)

Rajah 3.1 menunjukkan graf segi tiga min melawan Triangular dengan m_1 =nilai minimum, m_2 =nilai sederhana, dan m_3 =nilai maksimum. Data skala Likert yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan program *Microsoft Excel*. Semua data akan ditukarkan ke dalam bentuk *Triangular Fuzzy Number*.

Langkah 2: Menganalisis data. Analisis data adalah berdasarkan penomboran *Triangular Fuzzy Numbers* yang bertujuan mendapatkan nilai *Threshold* (d). Menurut Mohd Ridhuan Mohd Jamil dan Nurulrabihah Mat Noh (2021). proses mengenal pasti nilai *Threshold* (d) adalah amat penting bagi mendapat tingkat kesepakatan dalam kalangan pakar. Bagi tujuan mendapatkan kesepakatan pakar untuk setiap item, syarat pertama yang perlu dipatuhi ialah nilai *Threshold* (d) adalah tidak melebihi atau sama dengan 0.2, maka ianya dikira sebagai kesepakatan pakar telah dicapai (Mohd Ridhuan Mohd Jamil dan Nurulrabihah Mat Noh 2021). Penggunaan kaedah *vertex* dijalankan untuk mengira jarak antara purata rij. Jarak bagi setiap nombor Fuzzy $m=(m_1, m_2, m_3)$ dan $n=(m_1, m_2, m_3)$ dikira dengan menggunakan rumus berikut:

$$d(m,n) = \sqrt{\frac{1}{3}[(m_1 - n_1)^2 + (m_2 - n_2)^2 + (m_3 - n_3)^2]}$$

Langkah 3: Penentuan nilai peratus kesepakatan pakar. Syarat kedua bagi menentukan nilai peratus kesepakatan pakar ialah keseluruhan kesepakatan (*group consensus*) harus melebihi 75.0% untuk setiap item. Jika tidak, pusingan kedua perlu dilaksanakan semula (Mohd Ridhuan Mohd Jamil dan Nurulrabihah Mat Noh 2021).

Langkah 4: Penganalisan data menggunakan purata nombor *Fuzzy @* tindak balas purata (*Defuzzification Process*). Proses penganalisan ini adalah bertujuan mendapatkan nilai skor *Fuzzy* (A). Syarat ketiga yang perlu dipatuhi, untuk mendapatkan nilai skor

Fuzzy (A), mesti melebihi atau sama dengan nilai median (nilai α -cut) iaitu 0.5 (Arasinh Kamis at el. 2021). Ini menunjukkan elemen tersebut diterima oleh kesepakatan pakar. Antara fungsi lain nilai skor *Fuzzy* (A) adalah boleh digunakan sebagai penentu kedudukan dan keutamaan sesuatu elemen mengikut pandangan kesepakatan pakar. Rumus yang terlibat dalam mendapat nilai skor *Fuzzy* (A) adalah seperti berikut.

- i. $A_{max} = 1/3 * (a_1 + a_m + a_2)$
- ii. $A_{max} = 1/4 * (a_1 + 2a_m + a_2)$
- iii. $A_{max} = 1/6 * (a_1 + 4a_m + a_2)$

Nilai α -cut = nilai median bagi '0' dan '1', iaitu α -cut = $(0+1)/2 = 0.5$. Sekiranya nilai A terhasil kurang dari nilai α -cut = 0.5, item akan ditolak kerana ia tidak menunjukkan kesepakatan pakar. Menurut Arasinh Kamis at el. 2021, nilai α -cut perlu melebihi 0.5. Selanjutnya proses menentukan kedudukan dan keutamaan item boleh dilakukan di mana nilai skor *fuzzy* (A) paling tinggi dianggap berada pada kedudukan pertama.

3.4 Lokasi Kajian

Untuk mengkaji sesuatu masalah, seseorang perlu memperoleh persetujuan atau kebenaran untuk mengakses tapak atau lokasi yang berkaitan, dengan tujuan untuk berinteraksi dengan individu atau sekumpulan individu (Creswell dan Creswell, 2018). Dalam kajian ini, lokasi kajian dipilih dengan mengambil kira objektif kajian iaitu mengenal pasti reka bentuk PBK untuk Pendidikan Moral di Sekolah Menengah. Oleh itu, lokasi Universiti Awam (UA), Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) di KPM, IPG dan sekolah menengah adalah pilihan yang sesuai. Pemilihan lokasi kajian dan peserta kajian ini juga selaras dengan reka bentuk kajian untuk menentukan kesesuaian item yang dapat digunakan oleh guru Pendidikan Moral sebagai garis panduan PdP.

Dalam kajian ini, dua buah universiti awam dari negeri Perak dan Kuala Lumpur telah dipilih. Kedua-dua universiti awam ini mempunyai pensyarah yang telah dilantik sebagai penyelar PBK di universiti dan mempunyai pengalaman dalam merancang PBK bersama-sama dengan pelajar universiti. Selain itu, sebuah IPG di Kuala Lumpur juga dipilih untuk menjalankan kajian ini. Ini kerana dua orang pensyarah IPG yang dipilih adalah penggubal kurikulum Pendidikan Moral, penggubal kandungan ALPdP, dan pernah bertugas sebagai Ketua Unit Penyelidikan Dan Pentaksiran Bilik Darjah di BPK, KPM.

Selain itu, pengkaji juga memilih lokasi kajian di BPK, KPM. Pemilihan lokasi ini berdasarkan beberapa faktor, termasuk pegawai dari Sektor Sains Sosial yang mempunyai pengalaman dalam penggubalan kurikulum Sejarah, Pendidikan Moral dan Geografi, terutamanya dalam perancangan aktiviti di luar bilik darjah seperti kajian kes, ALPdP, dan Kajian Lapangan. Tambahan pula, lima buah sekolah menengah dari negeri Selangor dan Kuala Lumpur dipilih berdasarkan keperluan dan kepakaran guru Pendidikan Moral yang berpengalaman terlibat secara aktif dalam kerja kursus KBSM, ALPdP KSSM, dan pemeriksa SPM.

Sebelum menjalankan kajian, pengesahan dan kelulusan yang diperlukan telah diperolehi melalui permohonan Sistem Permohonan Penyelidikan Pendidikan versi 2.0 (eRAS 2.0) dan permohonan surat kebenaran dari UA, Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), JPN Selangor, dan JPN Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Pengkaji dapat menjalankan kajian secara rasmi ke lokasi kajian untuk mengenal pasti persekitaran, menilai kebolehlaksanaan, dan menjalin kerjasama atau perkongsian dengan pihak berkepentingan yang diperlukan.

Untuk memastikan kualiti dan ketepatan data, protokol standard akan dipatuhi semasa pengumpulan data dengan mengikuti soal selidik yang telah disemak oleh pakar penilai dan penyelia. Pengkaji telah menerima pandangan dan cadangan pakar penilai dalam teknik dan prosedur pengumpulan data sebelum memulakan pentadbiran soal selidik. Pertimbangan etika juga telah diambil kira sepanjang proses penyiasatan. Persetujuan termaklum telah diperoleh daripada 15 orang pakar penilai. Kerahsiaan dan privasi pakar penilai dikekalkan, dan semua data telah diubah kepada bentuk yang tidak boleh dikenal pasti dan disimpan dengan selamat.

3.5 Persampelan Kajian

Prosedur pensampelan satu peringkat adalah apabila pengkaji mempunyai akses kepada senarai nama dalam populasi dan boleh melakukan persampelan terus terhadap individu-individu (atau elemen lain). Dalam prosedur pelbagai peringkat atau berkelompok, pengkaji terlebih dahulu mengenal pasti kumpulan-kumpulan (kelompok atau organisasi), mendapatkan senarai nama individu dalam kumpulan tersebut, dan kemudian menjalankan persampelan di dalamnya (Creswell dan Creswell, 2018). Dalam kajian ini, pemilihan pakar dilakukan dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan, iaitu dengan memberi keutamaan kepada individu yang memiliki kepakaran dalam pelbagai bidang yang berkaitan. Seramai 15 orang pakar telah dipilih untuk menyertai kajian ini. Pemilihan dilakukan berdasarkan kepakaran mereka dalam bidang pendidikan dan pengalaman dalam PBK di kawasan Zon Tengah, iaitu Perak, Selangor, Kuala Lumpur, dan Putrajaya.

Pemilihan pakar di Zon Tengah adalah kerana kebanyakan daripada mereka adalah penggubal kurikulum dan penilai buku teks yang berkaitan dengan aktiviti khidmat masyarakat. Selain itu, pemilihan di kawasan ini juga berdasarkan ketersediaan masa

yang mencukupi dan bersesuaian bagi mereka untuk turut serta dalam kajian ini. Hal ini penting bagi memastikan pakar yang terlibat dapat memberikan pandangan dan maklum balas yang tepat dalam konteks kajian yang dijalankan.

Dalam kajian ini, pakar-pakar yang dipilih merangkumi pensyarah universiti, pensyarah dari IPG, dan pegawai pendidikan yang terlibat dalam aktiviti khidmat masyarakat. Selain itu, turut terdapat guru pakar Pendidikan Moral yang turut dipilih secara sukarela untuk menyertai kajian ini.

Pemilihan pakar-pakar ini adalah penting untuk memastikan kajian ini memperoleh maklumat yang tepat dan komprehensif mengenai objektif, kandungan, strategi dan penilaian PBK. Dengan melibatkan pakar-pakar yang memiliki kepakaran dan pengalaman dalam bidang pendidikan dan PBK, diharapkan kajian ini dapat memberikan panduan dan cadangan yang berguna bagi pembangunan komuniti dan Pendidikan Moral sekolah menengah.

3.6 Kriteria Pemilihan Pakar

Dalam Aplikasi *Fuzzy Delphi*, unsur pemilihan pakar menjadi antara aspek penting yang perlu diberi perhatian supaya mengenal pasti kumpulan pakar yang dikenal pasti telah bersedia sedia untuk menyumbang idea, mengkritik dan menambah baik kandungan item yang ditentukan oleh pengkaji. Menurut Skulmoski, Hartman, dan Krahn (2007) telah menyenaraikan beberapa kriteria pakar yang perlu diambil kira oleh pengkaji sebelum pemilihan pakar dibuat, iaitu:

- i. Pengalaman dan kepakaran terhadap isu yang dikaji.
- ii. Kapasiti peribadi dan secara suka rela untuk menyertai kajian ini.

- iii. Mempunyai masa yang mencukupi dan bersesuaian untuk menyertai dalam kajian delphi.
- iv. Mempunyai kemahiran komunikasi yang efektif.

Oleh itu, kriteria yang digunakan untuk memilih pakar dalam bidang pendidikan adalah berdasarkan tempoh pengalaman bekerja, iaitu pengalaman pakar, pengiktirafan sebagai pakar, anugerah yang diterima pakar, dan pencapaian pelajar yang dididik dan penanda aras prestasi, seperti yang dinyatakan oleh Ramlan Mustapha dan Ghazali Darusalam (2018).

Maklumat pakar yang dikumpul oleh pengkaji adalah seperti jantina, tahap pendidikan, pengalaman, jawatan dan bidang kepakaran. Pakar-pakar dicadangkan dalam kajian ini mempunyai pengalaman selama lima hingga sepuluh tahun dan pernah terlibat secara langsung dalam PBK dalam sekolah menengah dan komuniti setempat. Pakar ini berkemahiran menterjemahkan strategi PdP yang menghubungkan kurikulum akademik dengan penyelesaian masalah komuniti. Pakar-pakar tersebut juga pernah menjalankan kajian penyelidikan dan membentangkan kertas persidangan tentang PBK di dalam dan luar negara. Menurut Creswell dan Creswell (2017), pakar yang telah berkhidmat antara lima hingga sepuluh tahun boleh dikategorikan sebagai pakar dalam sesuatu bidang. Jadual 3.4 akan menunjukkan jawatan dan kriteria kepakaran yang terlibat dalam kajian ini.

Jadual 3.2:

Jawatan dan kriteria kepakaran yang terlibat dalam kajian

Jawatan	Kriteria Kepakaran (Pengalaman)	Jumlah
Pensyarah Universiti	Terlibat dalam PBK sekurang-kurangnya 5 tahun	4
Pensyarah Institut Pendidikan Guru (IPG)	Terlibat dalam PBK sekurang-kurangnya 5 tahun	2
Pegawai Pendidikan	Terlibat dalam PBK sekurang-kurangnya 5 tahun	4
Ketua Panitia Pendidikan Moral /Guru Pakar	Terlibat dalam PBK sekurang-kurangnya 5 tahun	5

Sebelum mendapatkan pandangan pakar, sorotan literatur dan beberapa dokumen telah disemak secara kritis untuk mendapatkan komponen utama untuk mereka bentuk PBK untuk mata pelajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah. Semua item telah diselaraskan dengan membuat penambahbaikan serta menghapuskan item bermasalah yang dicadangkan oleh Enna Ayub, Syamsul Nor Azlan Mohamad, Goh, dan Johan@Eddy Luaran (2020).

3.7 Kajian Rintis

Kajian rintis merupakan langkah penting dalam proses penyelidikan untuk mengenal pasti masalah atau kekangan yang mungkin timbul, menentukan kaedah pengumpulan data yang sesuai, dan memperoleh pemahaman awal tentang kemungkinan hasil yang akan diperoleh sebelum melaksanakan penyelidikan yang lebih meluas. Menurut Chua (2016), kajian rintis (*Pilot Study*) merupakan kajian secara kecil-kecilan yang dilaksanakan sebelum kajian sebenar dilakukan. Dalam konteks ini, kajian rintis juga berguna dalam mengenal pasti kesesuaian konstruk utama objektif pembelajaran, kandungan pembelajaran, strategi pembelajaran dan penilaian pembelajaran.

Melalui kajian rintis, data awal dikumpulkan melalui temu bual separa struktur dengan tiga orang pakar penilai yang terdiri daripada pensyarah UA dan pensyarah IPG yang memiliki kepakaran dalam PBK dan memiliki pengetahuan dalam bidang Pendidikan Moral. Kajian rintis ini dilakukan pada bulan Januari hingga Februari, 2023. Semua temu bual dirakam dengan menggunakan telefon pintar dan dibuat transkripsi bagi mendapatkan tema untuk reka bentuk PBK. Sesi temu bual ini telah dilakukan selama satu jam dengan memfokuskan kepada soalan separa struktur temu bual atau mengemukakan soalan tambahan sekiranya jawapan yang diberi kurang lengkap.

Hasil daripada kajian rintis ini membantu pengkaji dalam mempelajari proses pengumpulan maklumat, menguji kesesuaian instrumen kajian, terutamanya borang soal selidik, untuk mengelakkan kesalahan bahasa, melakukan penyesuaian terhadap item-item, dan menggunakan istilah yang lebih sesuai. Hasil temu bual menunjukkan bahawa kebanyakan tema diterima oleh pakar penilai, namun terdapat beberapa tema yang menimbulkan kekeliruan kefahaman bagi mereka. Hasil temu bual akan dibincangkan secara terperinci dalam bab 4.

Berdasarkan dapatan tersebut, pengkaji membuat penambahbaikan dengan membetulkan ayat, istilah dan tatabahasa yang digunakan, serta menggugurkan item mengelirukan kefahaman pakar penilai agar mereka dapat memberi pandangan yang lebih jelas semasa menjawab soal selidik. Selepas membuat penambahbaikan ini, setiap item yang telah diubah suai diedarkan semula kepada tiga penilai pakar untuk disemak semula. Selepas meneliti item soal selidik yang telah dibina berpandukan dengan penambahbaikan telah dilakukan, pengkaji perlu mendapat persetujuan daripada penyelia untuk menjalankan soal selidik sebenar yang melibatkan 15 orang pakar penilai.

Dengan melaksanakan kajian rintis ini, pengkaji dapat memastikan bahawa instrumen kajian yang digunakan adalah berkualiti, tepat, dan sesuai dengan objektif kajian. Selain itu, kajian rintis juga membantu mengurangkan risiko kesalahan atau kekeliruan dalam pengumpulan data, serta memberikan keyakinan kepada pengkaji mengenai kebolehpercayaan dan keberkesanan soal selidik yang digunakan dalam kajian yang lebih meluas yang akan dilakukan.

3.8 Kesahan dan Kebolehpercayaan

Pemilihan panel pakar adalah terdiri daripada dua orang pensyarah universiti yang pakar dan berpengalaman dalam PBK. Selain itu, pakar juga perlu mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidang Pendidikan Moral. Semua panel yang dilantik telah diberi penerangan mengenai latar belakang kajian, definisi konsep kajian, operasi konstruk yang terlibat dan tugas penyemakan item yang dibina. Mereka telah diberikan borang soal selidik Pakar Instrumen Penilaian bagi membuat pembetulan dan memberi komen dan cadangan kepada item pada penilaian mereka yang kurang menepati kehendak konstruk.

Kebolehpercayaan merujuk kepada ketekalan atau kestabilan keputusan pentaksiran (Azizi Ahmad, 2010). Ini bermakna seseorang individu itu akan mendapat skor yang sama daripada sesuatu instrumen seandainya kebolehan individu itu adalah tekal atau trait yang hendak diukur itu tidak berubah walaupun diukur berkali-kali dengan instrumen yang sama. Justeru, penyelidik menggunakan instrumen soal selidik yang mengandungi skala likert lima mata. Penggunaan kaedah *Fuzzy Delphi* memerlukan instrumen soal selidik sebagai syarat untuk mendapatkan konsensus pakar (Mohd Ridhuan Mohd Jamil et al. 2015).

3.9 Prosedur Pengumpulan Data

Prosedur Kaedah *Fuzzy Delphi* bermula dengan mengenal pasti pakar yang terlibat dalam mengenal pasti konstruk atau elemen reka bentuk PBK merupakan langkah pertama dalam proses pengumpulan data. Antara pakar yang bakal dipilih ialah empat orang pensyarah dari universiti awam yang mempunyai kepakaran dan berpengalaman dalam PBK, dua orang pensyarah dari IPG, empat orang pegawai Pendidikan dari KPM dan lima orang guru Pendidikan Moral yang mengajar di sekolah menengah. Pakar yang dipilih mempunyai pengetahuan luas dan berpengalaman dalam menentukan PBK dengan mengaplikasikan strategi Pdp berasaskan akademik mengintegrasikan perkhidmatan komuniti secara sistematik dan membuat refleksi untuk memperkayakan pengalaman pembelajaran, mengajar tanggungjawab sivik serta mengukuhkan komuniti.

Oleh itu, sebelum memulakan reka bentuk PBK untuk Pendidikan Moral di sekolah menengah, satu set soalan temu bual separa struktur telah dibangunkan berdasarkan konstruk yang relevan dengan PBK untuk Pendidikan Moral. Semua panel yang dilantik akan diberi penerangan mengenai latar belakang kajian, definisi konsep kajian, operasi konstruk yang terlibat dan tugas penyemakan item yang dibina. Semakan pakar adalah perlu untuk memastikan ketepatan konstruk serta kejelasan kandungan (Kline, 2005). Justeru, instrumen penilaian yang dibina telah diberikan kepada pakar yang mempunyai kemahiran dalam bidang yang berkaitan untuk disemak bagi memastikan isi kandungannya bersesuaian dan menepati matlamat kajian.

Langkah kedua adalah pemilihan tiga orang panel pakar dalam sesi temu bual untuk bagi menentukan pembentukan konstruk soal selidik untuk reka bentuk Perkhidmatan Berasaskan Khidmat. Pengkaji akan mengadakan temu bual separa struktur secara bersemuka dengan panel pakar sebagai cara untuk berkomunikasi dengan mereka. Soalan

temu bual ini diadaptasi daripada kajian oleh Audrey (2017). Temu bual ialah kaedah pengumpulan data yang signifikan dan berkesan menggabungkan dapatan kajian untuk pengumpulan data secara mendalam mengenai masalah penyelidikan tertentu. Kaedah temu bual dengan pelaksanaan persampelan yang sesuai dapat mengumpul data yang berfokuskan aspek penting yang diperlukan oleh penyelidik. Sesi temu bual akan direkod oleh pengkaji untuk mendapatkan maklum balas dan perspektif pakar tentang keperluan membangunkan reka bentuk PBK untuk Pendidikan Moral di sekolah menengah. Menurut Fontana and Frey (2000), temubual separa struktur adalah satu cara yang paling berkesan untuk memahami manusia. Kajian ini menggunakan temubual separa struktur kerana pengkaji boleh mengemukakan soalan format berpandukan sorotan kajian yang lepas dan menyoal dengan lebih lanjut berdasarkan respon jawapan yang diterima supaya pengkaji mendapat maklumat yang terperinci secara mendalam.

Temu bual kemudiannya ditranskripsikan dan hasilnya dianalisis oleh pengkaji. Transkrip temu bual yang ditranskripsi digunakan untuk menjana konstruk soal selidik berdasarkan pandangan pakar penilai yang diperoleh daripada temu bual dan tema yang digabungkan dengan analisis tinjauan literatur untuk membangunkan satu set soal selidik berdasarkan skala linguistik lima mata. Jika disorot berasaskan pandangan Adler dan Ziglio (1996) bilangan pakar yang sesuai adalah antara sepuluh hingga lima belas orang pakar di mana sekiranya terdapat tahap keseragaman yang tinggi dalam kalangan pakar. Maka, soal selidik bakal dijalankan sama ada secara bersemuka atau secara dalam talian bergantung kepada situasi semasa. Selepas selesai mengedarkan soal selidik dan dijawab oleh panel pakar, pengkaji menggunakan syarat yang terkandung di dalam *triangular fuzzy number* dan *defuzzification process* untuk menjalankan analisis kajian.

3.10 Instrumen Kajian

Instrumen kajian adalah alat yang digunakan untuk proses pengumpulan data. Justeru iut, instrumen kajian juga sangat berkait rapat dengan teknik pengumpulan data yang terdiri daripada pelbagai teknik serta bentuk instrumen yang berbeza. Instrumen kajian yang digunakan adalah temu bual separa struktur dan soal selidik. Set temu bual separa struktur dikemukakan kepada responden disusun dan dijadualkan tetapi responden diberi kelonggaran semasa memberi jawapan. Set soalan temu bual yang digunakan dalam kajian ini merupakan soalan yang telah diubah suai daripada Audrey (2017). Soalan temu bual mengandungi 4 tema :

- i. Mengetahui pasti objektif PBK bagi mata pelajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah.
- ii. Mengetahui pasti kandungan PBK bagi mata pelajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah.
- iii. Mengetahui pasti strategi PBK bagi mata pelajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah
- iv. Mengetahui pasti penilaian PBK bagi mata pelajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah.

Soalan temu bual separa berstruktur akan direka untuk mendapatkan pemahaman yang menyeluruh tentang elemen yang digunakan dalam instrumen soal selidik berkaitan objektif PBK, kandungan PBK, strategi PBK, dan penilaian PBK dalam konteks mata pelajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah. Berdasarkan hasil kajian literatur, indikator atau elemen yang digunakan dalam setiap penarafan FDM akan dikenal pasti, contohnya indikator atau elemen ini termasuklah kebolehpercayaan responden, kejelasan soalan, ketekalan jawapan dan faktor-faktor lain yang berkaitan dengan PBK dalam mata

pelajaran Pendidikan Moral. Satu matriks pemetaan akan dibina untuk menerangkan hubungan antara setiap elemen dengan sumber rujukan yang berkaitan. Jadual 3.3 akan digunakan untuk menyusun elemen ini bagi membolehkan analisis yang sistematik tentang sumbangan setiap elemen kepada instrumen soal selidik. Elemen tersebut akan dikenal pasti kemudian dikategorikan mengikut tema objektif PBK, kandungan PBK, strategi PBK, dan penilaian PBK. Hasil analisis ini menjadi asas kepada penyediaan instrumen soal selidik yang dapat mengupas pendapat responden tentang aspek utama FDM berkaitan PBK dalam mata pelajaran Pendidikan Moral sekolah menengah.

Jadual 3.3:

Elemen PBK berdasarkan kajian literatur

Kategori	Elemen	Sumber
Objektif Pembelajaran	Pengetahuan Konsep Moral	<ul style="list-style-type: none"> • Thiroux dan Krasemann (1990) • Lickona (1991) • Cohen (2014) • Chazan dan Chazan (2022)
Objektif Pembelajaran	Pengetahuan Disiplin Dalam Situasi Sebenar	<ul style="list-style-type: none"> • McLEOD (2017) • KPM (2018) • KPM (2019) <i>SULAM Playbook</i> • Lebovits dan Bharath (2019) • Maimoona Salam et al. (2019) • Resch dan Schritteser (2021)
Objektif Pembelajaran	Penaakulan Moral	<ul style="list-style-type: none"> • Abdul Rahman Md Aroff dan Chang (1994) • Vishalache Balakrishnan (2012)

Kategori	Elemen	Sumber
		<ul style="list-style-type: none"> • Appalanaidu (2018) • KPM (2018) • Mohd Hasaidi dan Nadarajan Thambu (2018) • Langford (2018) • Muhammad Hafeez et al. (2020)
Objektif Pembelajaran	Emosi Moral	<ul style="list-style-type: none"> • Abdul Rahman Md Aroff dan Chang (1994) • Vishalache Balakrishnan (2012) • Badriyatun Kamar dan Faridah Nazir (2017) • Appalanaidu (2018) • KPM (2018) • Mohd Hasaidi dan Nadarajan Thambu (2018) • Umi Anugerah Izzati et al. (2019)
Objektif Pembelajaran	Perlakuan Moral	<ul style="list-style-type: none"> • Abdul Rahman Md Aroff dan Chang (1994) • Vishalache Balakrishnan (2012) • KPM (2018) • Appalanaidu (2018) • Mohd Hasaidi dan Thambu Nadarajan (2018) • Shasitharan Raman Kutty (2019) • Umi Anugerah Izzati et al. (2019)

Kategori	Elemen	Sumber
Objektif Pembelajaran	Kepelbagaian Dan Komunikasi Antara Budaya	<ul style="list-style-type: none"> • KPM (2018) • KPM (2019) <i>SULAM Playbook</i> • Veyvoda dan Van Cleave (2020) • Airen Surayya Khairu Anuar et al. (2021) • Ashotha Krishnan et al. (2022) • Vishalache Balakrishnan et al. (2022)
Objektif Pembelajaran	Sumbangan Khidmat Masyarakat Dan Komuniti	<ul style="list-style-type: none"> • KPM (2015) • KPM (2018) • KPM (2019) <i>SULAM Playbook</i> • Maznah Ibrahim et al. (2018) • Ramsaroop dan Petersen (2020) • Mishal, Singh dan Tiwari (2021) • Ashotha Krishnan et al. (2022) • Vishalache Balakrishnan et al. (2022)
Objektif Pembelajaran	Tanggungjawab Moral Dan Sosial	<ul style="list-style-type: none"> • KPM (2015) • KPM (2018) • KPM (2019) <i>SULAM Playbook</i> • Maznah Ibrahim et al. (2018) • Noor Banu Mahadir et al. (2019)

Kategori	Elemen	Sumber
		<ul style="list-style-type: none"> • Chan, Ngai dan Kwan (2019)
Objektif Pembelajaran	Penghayatan Nilai Universal	<ul style="list-style-type: none"> • KPM (2015) • Caspersz dan Olaru (2017) • KPM (2018) • Airen Surayya Khairu Anuar et al. (2021) • Montesi et al. (2021) • Gómez-Villarino et al. (2021) • Hairul Faiezi Lokman et al. (2022)
Kandungan Pembelajaran	Kemahiran Berkomunikasi	<ul style="list-style-type: none"> • KPM (2019) <i>SULAM Playbook</i> • Maznah Ibrahim et al. (2018) • Chan, Ngai dan Kwan (2019) • Tian dan Noel (2020) • Reif-Stice dan Smith-Frigerio (2021) • Lim et al. (2018)
Kandungan Pembelajaran	Kemahiran Sosial	<ul style="list-style-type: none"> • Maznah Ibrahim et al. (2018) • Thabet (2018) • Valerie Bukas Marcus et al. (2019) • Mitchell dan Rost-Banik (2019) • Nur Asiyah dan Abdul Ghofur (2019)
Kandungan Pembelajaran	Kemahiran Hidup	<ul style="list-style-type: none"> • Maznah Ibrahim et al. (2018) • Mitchell dan Rost-Banik (2019) • Lim et al. (2018)

Kategori	Elemen	Sumber
Kandungan Pembelajaran	Kesedaran Diri (<i>Mindfulness</i>)	<ul style="list-style-type: none"> • Najah Nadiyah Amran dan Hamdi Ishak (2017) • Lund dan Lee (2018) • Thabet (2018) • Chan, Ngai dan Kwan (2019) • Miftachul Huda et al. (2018)
Kandungan Pembelajaran	Efikasi Kendiri	<ul style="list-style-type: none"> • Mohd Hasaidi dan Thambu Nadarajan (2018) • Song (2018) • Chan, Ngai dan Kwan (2019) • Mishal, Singh dan Tiwari (2021)
Kandungan Pembelajaran	Kemahiran Sivik Dan Kewarganegaraan	<ul style="list-style-type: none"> • Maznah Ibrahim et al. (2018) • Valerie Bukas Marcus et al. (2019) • Noor Banu Mahadir et al. (2019) • Mishal, Singh dan Tiwari (2021)
Kandungan Pembelajaran	Kemahiran Abad Ke-21	<ul style="list-style-type: none"> • KPM (2016) • Nurul Azwani Mohd Idriki dan Bee Piang Tan (2022) • Hairul Faiezi Lokman et al. (2022)
Kandungan Pembelajaran	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)	<ul style="list-style-type: none"> • KPM (2016) • Charanjit Kaur et al. (2020) • Lim et al. (2018) • Hairul Faiezi Lokman et al. (2022)

Kategori	Elemen	Sumber
Kandungan Pembelajaran	Kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi	<ul style="list-style-type: none"> • Zainudin Hasan et al. (2018) • Valerie Bukas Marcus, et al. (2019) • Charanjit Kaur et al. (2020) • Veyvoda dan Van Cleave (2020) • Hairul Faiezi Lokman et al. (2022)
Strategi Pembelajaran	Pembelajaran Berasaskan Pengalaman	<ul style="list-style-type: none"> • KPM (2015) • Norzihani Saharuddin dan Nur Surayyah Madhubala Abdullah (2017) • KPM (2019) <i>SULAM Playbook</i> • Lebovits dan Bharath (2019) • Maimoona Salam et al. (2019) • Bamkin (2020)
Strategi Pembelajaran	Pembelajaran Aktif	<ul style="list-style-type: none"> • KPM 2018
Strategi Pembelajaran	Pembelajaran Penyelesaian Masalah	<ul style="list-style-type: none"> • KPM 2018 • Lim et al. (2018) • Dunbar dan Yadav (2022)
Strategi Pembelajaran	Pembelajaran Khidmat Masyarakat	<ul style="list-style-type: none"> • KPM 2018 • KPM 2019 <i>SULAM Playbook</i> • Noor Banu Mahadir (2017) • Noor Banu Mahadir et al. (2019) • Vijaya Malani Verasamy dan Vishalache Balakrishnan (2020)

Kategori	Elemen	Sumber
Strategi Pembelajaran	Pembelajaran Berasaskan Projek	<ul style="list-style-type: none"> • KPM (2016) • Coquyt (2020) • Vijaya Malani Verasamy dan Vishalache Balakrishnan (2020) • Dunbar dan Yadav (2022)
Strategi Pembelajaran	Pembelajaran Berpusatkan pelajar	<ul style="list-style-type: none"> • KPM 2015 • KPM 2019 <i>SULAM Playbook</i> • Vijaya Malani Verasamy dan Vishalache Balakrishnan (2020) • Dunbar dan Yadav (2022)
Penilaian Pembelajaran	Pemerhatian	<ul style="list-style-type: none"> • KPM 2018 • KPM 2019 <i>SULAM Playbook</i> • Nurul Ashikin (2021) • Vishalache Balakrishnan et al. (2022)
Penilaian Pembelajaran	Penilaian Kendiri	<ul style="list-style-type: none"> • Norhafezah Yusof et al. (2020) • Tobias dan Bailey (2020) • Vishalache Balakrishnan et al. (2022)
Penilaian Pembelajaran	Penilaian Rakan Sebaya	<ul style="list-style-type: none"> • Norain Azlan Najah Nadiah Amran dan Hamdi Ishak (2020) • Dunbar dan Yadav (2022) • Vishalache Balakrishnan et al. (2022)
Penilaian Pembelajaran	Penilaian Pemegang Taruh	<ul style="list-style-type: none"> • Norain Azlan Najah Nadiah Amran dan Hamdi Ishak (2020) • Reif-Stice dan Smith-Frigerio (2021)

Kategori	Elemen	Sumber
		<ul style="list-style-type: none"> • Vishalache Balakrishnan et al. (2022)
Penilaian Pembelajaran	Penilaian Projek	<ul style="list-style-type: none"> • KPM (2018) • KPM (2019) <i>SULAM Playbook</i> • KPT (2021a) • Vishalache Balakrishnan et al. (2022)
Penilaian Pembelajaran	Semakan Rubrik	<ul style="list-style-type: none"> • KPM (2019) <i>SULAM Playbook</i> • Vishalache Balakrishnan et al. (2022)
Penilaian Pembelajaran	Senarai Semak Anekdot	<ul style="list-style-type: none"> • KPM (2019) <i>SULAM Playbook</i> • Vishalache Balakrishnan et al. (2022)
Penilaian Pembelajaran	Kajian Kes	<ul style="list-style-type: none"> • KPM (2019) <i>SULAM Playbook</i> • Vishalache Balakrishnan et al. (2022)

Set soal selidik yang akan digunakan dalam kajian ini merupakan soal berdasarkan pandangan pakar konsensus yang diperoleh daripada temu bual dan tema yang digabungkan dengan analisis tinjauan literatur dan soal selidik yang telah diubahsuai daripada Ashotha Krishnan et al. (2022). Soal selidik yang telah diubahsuai adalah berbentuk skala likert yang mempunyai item sangat setuju, setuju, kurang setuju, tidak setuju dan sangat tidak setuju terhadap soalan yang melibatkan konstruk objektif, kandungan dan strategi dan penilaian reka bentuk PBK. Soal selidik terbahagi dua bahagian iaitu:

Bahagian A - Latar belakang pakar seperti kelayakan akademik, jawatan, kepakaran dan tahun pengalaman dalam bidang kepakaran.

Bahagian B - Kriteria bagi konstruk utama yang diperlukan dalam Pembelajaran

Berasaskan Khidmat

B1 – Kriteria bagi objektif pembelajaran

B2 – Kriteria bagi kandungan pembelajaran

B3 – Kriteria bagi strategi pembelajaran

B4 – kriteria bagi penilaian pembelajaran

3.11 Prosedur Kajian


Sebelum memulakan kajian ini, pengkaji perlu mendapatkan kelulusan untuk bidang dan tajuk kajian yang dipilih daripada pihak Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya. Pengkaji akan memohon surat kebenaran daripada pensyarah universiti, pensyarah IPG, pegawai KPM dan Jabatan Pelajaran Negeri melalui permohonan *Educational Research Application System* versi 2.0 (eRAS 2.0) sebelum menjalankan kajian dan mengedarkan instrumen soal selidik. Surat kebenaran membuat kajian juga ditujukan kepada pihak sekolah dan guru-guru yang terlibat sebelum mengedarkan instrumen soal selidik. Setelah mendapatkan kebenaran daripada pihak universiti, IPG dan sekolah, pengkaji akan membuat jadual sama ada menjalankan secara bersemuka atau secara dalam talian untuk janji temu seterusnya. Jadual janji temu telah diberikan kepada pakar supaya mudah untuk menjalankan kajian mengikut kesesuaian masa bertugas pengkaji. Pengkaji memaklumkan dan mendapatkan kebenaran pakar yang terlibat meluangkan masa dan meneliti instrumen soal selidik mengikut kesesuaian tajuk kajian ini. Pakar yang terlibat dimaklumkan bahawa maklumat dan data mereka akan dirahsiakan dan hanya kegunaan untuk kajian sahaja.

3.12 Prosedur Analisis Data

Untuk menganalisis data, semua maklum balas dan pandangan yang diberikan oleh pakar telah dianalisis menggunakan langkah-langkah seperti yang dikemukakan oleh Mohd Ridhuan Mohd Jamil dan Nurulrabihah Mat Noh (2021). Maklumat latar belakang pakar dianalisis menggunakan perisian SPSS manakala langkah-langkah dalam kaedah *Fuzzy Delphi* untuk mendapatkan kesepakatan pakar. Rajah 3.2 menunjukkan carta alir prosedur analisis data untuk mendapatkan dapatan yang empirikal (Mohd Ridhuan, 2016).

Rajah 3.2 :

Carta Alir Prosedur Analisis Data Menggunakan Kaedah Fuzzy Delphi



Diadaptasi daripada Mohd Ridhuan Mohd Jamil (2016)

Tatacara dan penerangan untuk menjalankan analisis data adalah seperti berikut:

- i. Pemilihan pakar ini amat penting bagi memastikan pakar yang dipilih dapat memberikan pandangan yang tepat dengan konteks kajian yang dijalankan. (Ramlan Mustapha dan Ghazali Darusalam, 2018).

- ii. Menentukan skala linguistik berdasarkan penomboran segitiga *Fuzzy* (*Triangular Fuzzy Numbers*) Langkah ini melibatkan penukaran pemboleh ubah linguistik dengan penambahan nombor *Fuzzy*. *Triangular Fuzzy number* mewakili nilai m_1 , m_2 dan m_3 seperti ditunjukkan dalam Rajah 3.1. Nilai m_1 mewakili nilai minimum, nilai m_2 mewakili nilai munasabah manakala nilai m_3 mewakili nilai maksimum. Maka, penomboran segitiga *Fuzzy* digunakan menghasilkan skala *Fuzzy* bagi tujuan menterjemahkan pemboleh ubah linguistik kepada nombor *Fuzzy*.
- iii. Menukarkan semua Skala *Likert* kepada Skala *Fuzzy* untuk menentukan nilai *threshold* (d) Untuk mengukur kesepakatan kumpulan pakar, nilai *threshold* (d) yang terhasil mestilah lebih kecil atau sama dengan nilai 0.2 (Chen, 2000; Cheng dan Lin, 2002; Puji Rahayu dan Ika Arthalia Wulandari, 2022).
- iv. Menentukan nilai peratus kesepakatan pakar ialah keseluruhan kesepakatan (*group consensus*) harus melebihi 75.0% untuk setiap konstruk. Sekiranya tidak konstruk perlu dibuang atau pusingan kedua perlu dilaksanakan. (Chang, Hsu dan Chang, 2011; Husaina Banu Kenayathulla, Xiao Sai dan Saedah Siraj, 2020; Nik Hisamuddin, Normalinda Yaacob, Abu Yazid, Mimi Azliha, Andey Rahman dan Tuan Hairulnizam, 2021).
- v. Penganalisan data menggunakan purata nombor *Fuzzy* @ purata respon (*Defuzzification process*) untuk mendapatkan nilai skor *Fuzzy* (A), mesti melebihi atau sama dengan nilai median (nilai α -cut) iaitu 0.5. Nilai α -cut hendaklah melebihi 0.5 dan sekiranya kurang daripada 0.5, maka ia hendaklah digugurkan.

- vi. Selanjutnya proses menentukan kedudukan dan keutamaan konstruk boleh dilakukan di mana nilai skor *Fuzzy* (A) paling tinggi dianggap berada pada kedudukan pertama. Setiap konstruk perlu disusun mengikut nilai tertinggi berada pada tahap keutamaan susunan.

3.13 Rumusan

Dalam keseluruhan bab ini, pengenalan, reka bentuk kajian, aplikasi kaedah *fuzzy delphi*, lokasi kajian, persampelan kajian, kriteria pemilihan pakar, kajian rintis, kesahan dan kebolehpercayaan, prosedur pengumpulan data, instrumen kajian, prosedur kajian dan prosedur analisis data telah dihuraikan dalam bab ini. Justifikasi pemilihan reka bentuk kajian dan sampel kajian telah ditentukan untuk membangunkan reka bentuk kajian ini. Ia juga akan dapat membantu dalam menulis dapatan kajian, membuat rumusan dan perbincangan akan dihuraikan pada bab-bab berikutnya.

BAB 4

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Analisis dan dapatan kajian ini akan dibincangkan dalam Bab 4. Bab ini bertujuan untuk menjelaskan metodologi yang digunakan untuk analisis data dan dapatan kajian yang dicapai dari kajian tersebut. Data yang terkumpul dalam kajian ini melibatkan tiga orang pakar panel, yang dilakukan melalui sesi temu bual. Berdasarkan transkrip temu bual yang telah diperoleh, analisis tematik digunakan untuk menentukan item dalam soal selidik. Pengumpulan data dalam kajian dilakukan melalui dua tahap, iaitu tahap pertama yang melibatkan pandangan pendapat pakar untuk menentukan tema soal selidik melalui sesi temu bual. Sedangkan tahap kedua, data dikumpulkan melalui soal selidik yang ditranskripsikan dari hasil temu bual dan tinjauan literatur. Dengan demikian, bab ini akan memberikan gambaran menyeluruh tentang metodologi yang digunakan dalam kajian serta tentang data yang terkumpul oleh pengkaji.

4.2 Temu Bual

Untuk menentukan tema yang perlu dimasukkan dalam pembinaan soal selidik, pengkaji telah menjalankan sesi temu bual dengan pakar mempunyai pengalaman selama lima hingga sepuluh tahun dan pernah terlibat secara langsung dalam PBK dalam sekolah menengah dan komuniti setempat. satu set soalan temu bual separa struktur telah dibangunkan berdasarkan konstruk yang relevan dengan PBK untuk Pendidikan Moral. Seramai tiga orang pakar penilai yang dilantik terdiri daripada dua orang pensyarah UA dan seorang pensyarah IPG telah diberi penerangan mengenai latar belakang kajian, definisi konsep kajian, operasi konstruk yang terlibat dan tugas penyemakan item

yang dibina. Pengkaji telah mengadakan temu bual separa struktur secara bersemuka dengan 2 orang pakar manakala seorang pakar dijalankan secara dalam talian atas kesibukan rutin kerja di pejabat.

Soalan temu bual separa struktur akan tertumpu kepada persoalan kajian. Data transkrip yang dikutip dan dianalisis secara tematik mengikut persoalan kajian sepertimana yang dinyatakan dalam bab 1.

- i. Apakah objektif PBK bagi mata pelajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah mengikut kesepakatan pakar?
- ii. Apakah kandungan PBK bagi mata pelajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah mengikut kesepakatan pakar?
- iii. Apakah strategi PBK bagi mata pelajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah mengikut kesepakatan pakar?
- iv. Apakah bentuk penilaian PBK bagi mata pelajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah mengikut kesepakatan pakar?

4.3.1 Objektif Pembelajaran

Data transkrip yang dirakam tersebut telah dianalisis secara tematik untuk mengenal pasti objektif pembelajaran dalam reka bentuk ini. Bagi menjana konstruk utama objektif pembelajaran, ketiga-tiga pakar penilai bersetuju bahawa tema mengenai domain moral iaitu penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral merupakan elemen penting untuk mereka bentuk PBK di kalangan pelajar sekolah menengah. Menurut pakar penilai 3 semasa ditemu bual, beliau menyatakan :

“Saya bersetuju dengan semua objektif pembelajaran yang dicadangkan oleh penyelidik, konstruk utama dalam objektif pembelajaran memang sesuai untuk reka bentuk PBK. Bagi saya, emosi moral sangat penting untuk menilai perlakuan moral. Saya nampak ada ketiga-tiga domain moral dalam konstruk utama objektif dapat mengaplikasikan situasi sebenar. (Pakar Penilai 3/11Februari2023/5-9)

“Boleh, objektif ini boleh mencapai ketiga-tiga domain moral ini. saya bagi satu contoh, murid memberi khidmat di sebuah rumah orang tua, jadi penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral akan berlaku. Pada mulanya, dia akan merancang terlebih dahulu (penaakulan moral), lepas itu dia pergi di sana dan akan bergaul dengan orang di sana di mana secara tidak langsung emosi moral akan berlaku.”
(Pakar Penilai 3/11Februari2023/28-32)

Kenyataan ini turut disokong oleh pakar penilai 1, beliau menyatakan bahawa:

“Berdasarkan konstruk utama yang dalam objektif pembelajaran, perlakuan moral perlu menjadi fokus utama dalam reka bentuk pembelajaran berasaskan khidmat.”
(Pakar Penilai 1/18Januari2023/6-7)

Pakar penilai 2 pula mengulas bahawa kesedaran sivik dan tanggungjawab seorang warganegara perlu ditekankan dalam objektif pembelajaran dalam reka bentuk kajian ini. Beliau menyatakan bahawa :

“Saya bersetuju dengan semua objektif pembelajaran yang dicadangkan oleh penyelidik, cuma saya cadangkan masukkan objektif yang berkaitan dengan konsep sivik juga penting untuk dalam reka bentuk pembelajaran berkhidmat. Kalau boleh, cuba mengaplikasikan teori Berger yang mempunyai 6 langkah dalam pelaksanaan pembelajaran berkhidmat.”(Pakar Penilai 2/9Februari2023/5-9)

“Objektif yang dicadangkan oleh kajian ini dapat mampu membentuk tanggungjawab sivik dan kewarganegaraan kepada komuniti sekiranya pelajar dapat merancang aktiviti dengan teratur.”(Pakar Penilai 2/9Februari2023/12-14)

Maka , pakar penilai 2 mencadangkan menambahkan konsep sivik dalam objektif PBK kerana pembelajaran ini melibatkan penyelesaian masalah bersama-sama komuniti setempat.

*“konsep sivik dicadangkan tambah sebagai objektif pembelajaran.”
(Pakar Penilai 2/9Februari2023/21)*

Pakar Penilai 2 dan 3 turut memberi ulasan tambahan bahawa konsep moral dalam objektif pembelajaran dapat membantu melahirkan insan berakhlak mulia. Hasil temubual seperti berikut :

“Sekiranya pelajar melakukan pembelajaran berkhidmat bersama-sama komuniti secara tidak langsung mereka dapat memupuk tanggungjawab warganegara dan memberi khidmat kepada komuniti, konsep moral akan tercapai.” (Pakar Penilai 2/9Februari2023/16-18)

“boleh, boleh saya tambah, kita dah letak dalam konsep moral dalam konstruk utama tetapi dari segi praktikal, kita masih perlu menekankan emosi murid kita kerana saya nampak sumber KSSM moral baik dari KSSR atau KSSM, emosi agak kurang ditekankan, kita lebih kepada kognitif jadi emosi amat diperlukan kerana kita perlu menghasilkan murid dapat menangani emosi dalam kehidupan seperti masalah buli, masalah gengsterisme yang melibatkan emosi. Jadi, kita perlu mengajar bagaimana mereka menghadapi cabaran ini yang melibatkan emosi mereka.” (Pakar Penilai 3/11Februari2023/13-19)

*“Ya betul, ia seiring dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.”
(Pakar Penilai 3/11Februari2023/34)*

Sehubungan dengan itu, ketiga-tiga pakar penilai memberi pandangan yang sama bahawa tema objektif pembelajaran yang dicadangkan oleh pengkaji harus dapat mengaplikasikan situasi sebenar dalam kehidupan harian. Pengkaji dapat mengenal pasti tema-tema semasa membincangkan objektif pembelajaran dengan tiga orang pakar penilai. Tema-tema tersebut telah dipersetujui oleh tiga orang pakar penilai ialah :

- i. Konsep Moral
- ii. Domain moral (Penaakulan Moral, Emosi Moral dan Perlakuan Moral)
- iii. Kesedaran Sivik dan Kewarganegaraan
- iv. Sumbangan Khidmat Masyarakat
- v. Norma Hidup
- vi. Tanggungjawab Moral dan Sosial

- vii. Elemen Kepelbagaian Budaya
- viii. Nilai Universal

4.3.2 Kandungan Pembelajaran

Ketiga-tiga pakar penilai yang ditemubual telah memberi pandangan positif dan menerima tema bagi kandungan pembelajaran yang dicadangkan oleh pengkaji adalah sesuai untuk reka bentuk kajian ini. Bagi pandangan pakar penilai 1, beliau menyatakan bahawa :

“Saya meneliti dengan kandungan pembelajaran sebenarnya konstruk ini adalah projek Pendidikan Moral. Kenapa Service Learning boleh berjaya dilaksanakan di universiti tetapi bukannya di sekolah. penyelidik perlu lihat semula bagaimana nak menjayakan pembelajaran berasaskan khidmat di sekolah, pengkaji perlu merancang kandungan reka bentuk ini yang boleh memberi manfaat dan memastikan guru dan murid boleh dilaksanakan di sekolah melalui projek Pendidikan Moral.” (Pakar Penilai 1/18Januari2023/8-13)

Namun begitu, pakar penilai 2 menyatakan bahawa terdapat kandungan pembelajaran seperti kemahiran sosial, kemahiran hidup, kesedaran diri dan efikasi sendiri telah bertindih maka dia mencadangkan pengkaji untuk mengeluarkan item yang bertindih supaya tidak mengelirukan pakar penilai lain semasa menjawab soal selidik. Beliau juga mengesyorkan supaya menggugurkan cadangan yang diberi oleh pengkaji iaitu kemahiran empirikal, kemahiran berpasukan, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi dan kemahiran kepimpinan yang kurang sesuai untuk kandungan pembelajaran. Ini adalah kerana kandungan pembelajaran ini lebih tertumpu terhadap prihatin dalam penyelesaian masalah dan memberi sumbangan khidmat kepada komuniti setempat. Menurut pandangan pakar penilai 2:

“Konstruk kandungan pembelajaran ada dah overlapping, contoh kemahiran sosial dan kemahiran hidup, kesedaran diri dan efikasi sendiri. Cadangan saya kemahiran hidup boleh dipertimbangkan tukar kepada kemahiran sivik. Kesedaran diri dan efikasi sendiri boleh digabungkan. kandungan pembelajaran tidak perlu banyak yang penting perlu ada kemahiran sivik dan kewarganegaraan, saya cadang gugurkan kemahiran empirikal, kemahiran berpasukan, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi.”

(Pakar Penilai 2/9Februari2023/24-27)

“Kandungan pembelajaran tidak perlu banyak yang penting perlu ada kemahiran sivik dan kewarganegaraan, saya cadang gugurkan kemahiran empirikal, kemahiran berpasukan, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi” (Pakar Penilai 2/9Februari2023/35-37)

Pakar penilai 2 juga memberi pandangan bahawa kandungan pembelajaran yang dicadangkan oleh pengkaji dapat mencapai objektif pembelajaran ketiga-tiga domain moral.

“Domain moral boleh dicapai sekiranya pelajar dapat mengaplikasikan kandungan pembelajaran yang dicadangkan oleh penyelidik.” (Pakar Penilai 2/9Februari2023/31-32)

Sementara itu, pakar penilai 3 memberi cadangan dengan menambah kemahiran sosial dan emosi agar pelajar dapat menjalin hubungan sosial terhadap keprihatinan masyarakat di persekitaran mereka. Misalnya:

“Ok, apabila saya meneliti kandungan pembelajaran, kemahiran berkomunikasi, kemahiran sosial, kemahiran hidup, kesedaran diri, efikasi sendiri, kemahiran sivik dan kewarganegaraan, kemahiran empirikal, kemahiran berpasukan dan kemahiran KBAT, TMK dan kepimpinan. Semua ini bagus tetapi apabila saya tekankan emosi, kita boleh tambah kemahiran sosial dan emosi. Dalam pembacaan saya dalam sosio emosi ini, kita perlu melahirkan murid yang dapat menangani kemahiran sosial dan emosi.”

(Pakar Penilai 3/11Februari2023/41-46)

Secara keseluruhan, hasil temu bual mengenai kandungan pembelajaran menunjukkan bahawa walaupun terdapat beberapa perbezaan pendapat, pakar penilai secara umumnya memberikan pandangan positif terhadap kandungan pembelajaran yang dicadangkan oleh pengkaji. Cadangan dan pandangan ini memberikan panduan yang berguna bagi pengkaji

untuk mengubah dan menyempurnakan reka bentuk kandungan pembelajaran tersebut agar lebih sesuai dengan konteks Pendidikan Moral dan dapat mencapai objektif PBK. Oleh itu, pengkaji dapat mengenal pasti tema-tema kandungan pembelajaran dan dipersetujui oleh pakar penilai seperti berikut:

- i. Kemahiran Berkomunikasi
- ii. Kemahiran Sosial dan Emosi
- iii. Kemahiran Hidup
- iv. Kesedaran Diri
- v. Efikasi Kendiri
- vi. Kemahiran Sivik dan Kewarganegaraan
- vii. Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)

4.3.3 Strategi Pembelajaran

Berikutan dengan penentuan tema strategi pembelajaran, majoriti pakar penilai berpendapat konstruk bagi pembelajaran khidmat masyarakat boleh merangkumi semua aspek seperti pembelajaran berasaskan pengalaman, pembelajaran aktif, pembelajaran penyelesaian masalah dan pembelajaran berasaskan projek. Pakar penilai 2 juga memberi pendapat bahawa tidak memasukkan Pembelajaran *Probing Prompting* dan pembelajaran berasaskan inkuiri dalam strategi pembelajaran yang dicadangkan oleh pengkaji. Menurut pandangan pakar penilai 2:

“Pembelajaran khidmat masyarakat merupakan konstruk yang penting dalam strategi pembelajaran. Pembelajaran berasaskan pengalaman, pembelajaran aktif, pembelajaran penyelesaian masalah dan pembelajaran berasaskan projek ini sebenarnya pembelajaran khidmat masyarakat sudah memadai kepada semua pembelajaran.”
(Pakar Penilai 2/9Februari2023/40-43)

“pembelajaran khidmat masyarakat sudah cukup merangkumi semua strategi pembelajaran. Pembelajaran Probing Prompting dan pembelajaran berasaskan inkuiri tidak perlu dimasukkan sebagai konstruk utama strategi pembelajaran”
(Pakar Penilai 2/9Februari2023/49-51)

Walau bagaimanapun, menurut pakar penilai 3, pembelajaran berasaskan projek dan pembelajaran berasaskan inkuiri masih boleh dikekalkan sebagai salah satu item untuk memberi peluang pelajar untuk membuat penerokaan dan penyiasatan serta penilaian sendiri dan refleksi.

“Pembelajaran berasaskan pengalaman, pembelajaran aktif, pembelajaran penyelesaian masalah dan pembelajaran berasaskan projek ini sebenarnya pembelajaran khidmat masyarakat sudah mencukupi kepada strategi pembelajaran. Cuma ada bertindih iaitu pembelajaran berasaskan pengalaman dan pembelajaran aktif. Kedua-dua ini boleh digabungkan. Pembelajaran khidmat masyarakat pun juga pembelajaran aktif mahupun pembelajaran projek. Pembelajaran projek dan inkuiri boleh dipertimbangkan sebagai salah satu item kerana pembelajaran ini dapat membolehkan pelajar meneroka dan merancang aktiviti dengan pengetahuan yang sedia ada.” (Pakar Penilai 3/11Februari2023/57-64)

Pandangan Pakar Penilai 1 mempunyai sedikit percanggahan dengan pakar penilai yang lain. Beliau memberi pandangan bahawa pembelajaran yang dicadangkan memang dah wujud di sekolah tetapi pelaksanaannya kurang memberangsangkan. Beliau mencadangkan kepada pengkaji bahawa guru perlu diberi pendedahan dan latihan yang mencukupi dalam pengendalian aktiviti PBK. Menurut pandangan pakar Penilai 1:

“Pembelajaran penyelesaian masalah, pembelajaran aktif memang ada di sekolah tetapi tidak berkesan seperti SULAM (Service Learning for University Malaysia) di universiti yang memastikan pelajar merancang aktiviti dan memberi khidmat kepada masyarakat. Maka, guru mesti diberi latihan mengajar dan pengalaman khususnya dalam pembelajaran berasaskan khidmat.” (Pakar Penilai 1/18Januari2023/13-17)

Berdasarkan hasil temu bual mengenai strategi pembelajaran dengan tiga orang pakar penilai yang berbeza, terdapat beberapa pandangan yang berkaitan dengan pembelajaran khidmat masyarakat dan tema pembelajaran lain yang boleh melengkapinya. Namun

begitu, Pakar Penilai 1 mempunyai pandangan yang sedikit berbeza. Beliau berpendapat bahawa pembelajaran yang dicadangkan sudah ada dalam sistem pendidikan, tetapi pelaksanaannya kurang memberangsangkan. Beliau mencadangkan agar guru diberikan pendedahan dan latihan yang mencukupi dalam pengendalian aktiviti pembelajaran berasaskan khidmat. Beliau juga merujuk kepada SULAM (*Service Learning for University Malaysia*) sebagai contoh yang baik dalam memastikan pelajar merancang aktiviti dan memberi khidmat kepada masyarakat.

Secara keseluruhannya, terdapat persetujuan bahawa pembelajaran Khidmat masyarakat dan pembelajaran berpusatkan pelajar dapat dianggap sebagai pembelajaran yang paling penting dalam strategi pembelajaran. Maka, Pengkaji dapat mengenal pasti tema-tema seperti berikut:

- i. Pembelajaran Khidmat Masyarakat
- ii. Pembelajaran Berasaskan Projek
- iii. Pembelajaran Melalui Penerokaan
- iv. Pembelajaran Berpusatkan Pelajar
- v. Pembelajaran Berasaskan Inkuiri

4.3.2 Penilaian Pembelajaran

Dalam konstruk utama terakhir iaitu penilaian pembelajaran, semua pakar penilai bersetuju penilaian pembelajaran yang dicadangkan oleh pengkaji, Bagi pakar penilai 1, beliau memberi pandangan agar tema yang dicadangkan perlu berkesan dan manfaat kepada guru dan pelajar di sekolah. Daripada hasil temubual dengan pakar penilai 1, beliau menjelaskan bahawa:

“Secara keseluruhannya, kandungan, strategi dan penilaian boleh diguna pakai tetapi masalah utamanya sikap guru perlu mempunyai pengalaman dan keinginan melaksanakan projek Pendidikan Moral sekiranya pembelajaran berasaskan Khidmat diterapkan dalam Pendidikan Moral.” (Pakar Penilai 1/18Januari2023/17-20)

Pakar penilai 2 dan 3 berpandangan bahawa semakan rubrik, senarai semak anekdot kurang sesuai dimasukkan dalam item penilaian pembelajaran kerana konstruk ini merupakan instrumen bukannya konteks penilaian atau pentaksiran. Menurut pandangan mereka:

“Konstruk utama yang dicadangkan boleh diterima. Mungkin penilaian rakan sebaya boleh tukar kepada penilaian kumpulan. Semakan rubrik, senarai semak anekdot dan kajian kes tidak perlu disenaraikan dalam penilaian pembelajaran.” (Pakar Penilai 2/9Februari2023/60-62)

“Bagi penilaian ini, memang kita nak mentaksir dan menilai murid, dalam Pendidikan Moral, pemerhatian sangat penting dalam penilaian. Semasa kita membuat penilaian kita menggunakan senarai semak anekdot sebagai instrumen, kita juga boleh ada semakan rubrik untuk memerhati. Itu pun adalah satu instrumen. Bagi saya, anekdot dan rubrik ini adalah satu instrumen.” (Pakar Penilai 3/11Februari2023/77-81)

“Mungkin projek tu kita buat pemerhatian, lisan tetapi dalam ini kita gunakan semakan rubrik dan anekdot sebagai instrumen. Mungkin keempat ini (penilaian projek, semakan anekdot, senarai rubrik dan kajian kes) boleh dikeluarkan kerana anekdot dan rubrik adalah instrumen.” (Pakar Penilai 3/11Februari2023/90-93)

Pakar Penilai 2 dan 3 memberi pendapat tambahan cara untuk mengendalikan penilaian pembelajaran secara berkesan kepada pengkaji yang boleh digunakan semasa menjalankan aktiviti PBK. Menurut pandangan pakar penilai 2 dan 3:

“Berkesan lebih-lebih lagi penilaian pemegang taruh. Contohnya: pengusaha kantin dapat membuat penilaian selepas pelajar merancang dan membuat analisis keperluan makanan berzat kepada murid di sekolah. pengusaha kantin boleh membuat penilaian sama ada cadangan yang diajukan oleh pelajar boleh membantu mereka meningkatkan kualiti makanan. Selain itu, saya cadangkan gugurkan senarai anekdot, semakan rubrik dan kajian kes kerana penilaian yang tersenarai di atas dan cukup untuk penilaian reka bentuk pembelajaran berasaskan khidmat.” (Pakar Penilai 2/9Februari2023/65-71)

Apabila kita membuat penilaian sendiri dan penilaian rakan sebaya, saya mengajar tetapi saya menggunakan pentaksiran sendiri dan pentaksiran rakan sebaya maka pemerhatian boleh berlaku oleh guru, guru boleh menggalakkan murid menjalankan pentaksiran sendiri. Kita juga boleh tambah pentaksiran kita iaitu pentaksiran lisan. Kita boleh soal jawab dengan murid selepas membuat pemerhatian. Mungkin kita boleh sebut temubual dengan murid. Kita boleh temubual dengan murid untuk mendapatkan info dan perasaan mereka. Begitu juga dengan penilaian pemegang taruh. (Pakar Penilai 3/11Februari2023/81-87)

“Tambah dengan penilaian lisan” (Pakar Penilai 3/11Februari2023/96)

Secara kesimpulannya, terdapat perbezaan pandangan antara pakar penilai mengenai tema yang perlu dimasukkan dalam penilaian pembelajaran. Oleh itu, penting untuk mengambil kira pelbagai pandangan ini dan mempertimbangkan keperluan guru dan pelajar dalam merancang penilaian pembelajaran yang efektif. Setelah membuat analisis dan disemak oleh tiga orang pakar penilai tersebut, pengkaji dapat mengenal pasti tema-tema dan dipersetujui oleh pakar penilai seperti berikut:

- i. Pemerhatian
- ii. Penilaian Kendiri
- iii. Penilaian Kumpulan
- iv. Penilaian Pemegang Taruh
- v. Penilaian Lisan

4.3 Instrumen *Fuzzy Delphi*

Dalam kajian ini, instrumen soal selidik dengan Skala Likert lima mata telah digunakan. Untuk mencapai kesepakatan pakar, kaedah *Fuzzy Delphi* memerlukan instrumen soal selidik (Mohd Ridhuan Mohd Jamil et al. 2015). Terdapat empat konstruk utama yang telah dijanakan semasa membangunkan reka bentuk PBK untuk Pendidikan Moral sekolah menengah. Konstruk utama tersebut adalah objektif pembelajaran, kandungan pembelajaran, strategi pembelajaran dan penilaian pembelajaran berdasarkan Model Taba

(1962) membolehkan guru dan pelajar menjalani pembelajaran dengan memperoleh hasil daripada pengalaman dalam kehidupan harian. Berikutan hasil tinjauan sorotan literatur dan pandangan daripada tiga orang pakar penilai dalam sesi temu bual, maka instrumen tersebut telah dibangunkan yang mengandungi 27 item yang dikategorikan kepada dua bahagian iaitu Bahagian A dan B. Perincian bagi setiap item dinyatakan dalam Jadual 4.1.

Jadual 4.1:

Instrumen Soal Selidik Fuzzy Delphi

Bahagian	Item	Jumlah Item
Bahagian A	<ol style="list-style-type: none"> 1. Umur 2. Jawatan 3. Kelayakan akademik 4. Kepakaran/Opsyen 5. Pengalaman dalam bidang kepakaran 6. Pengalaman dalam PBK 	-
Bahagian B	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mengetahui konsep moral yang menekankan aspek moral, kemanusiaan dan kemasyarakatan dalam kehidupan harian. 2. Mengembangkan penaakulan moral dalam membuat penyelesaian masalah moral berasaskan kepada prinsip moral. 3. Menyuburkan emosi moral ke arah tingkah laku berempati dan adil. 4. Mengamalkan perlakuan bermoral secara bertanggungjawab dan berintegriti. 	10 item

Bahagian	Item	Jumlah Item
	5. Menunjukkan kesedaran sivik dan kewarganegaraan sebagai warganegara yang bertanggungjawab.	
	6. Memberi sumbangan dan khidmat masyarakat kepada komuniti dan masyarakat setempat.	
	7. Mengaplikasikan norma hidup dalam situasi sebenar.	
	8. Melaksanakan tanggungjawab moral dan sosial bagi mengekalkan kesejahteraan diri dan masyarakat.	
	9. Memperkukuh elemen kepelbagaian dan komunikasi antara budaya.	
	10. Menghayati dan mengamalkan nilai universal untuk melahirkan insan berakhlak mulia.	
B2: Kandungan Pembelajaran	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kemahiran Berkomunikasi 2. Kemahiran Sosial dan Emosi 3. Kemahiran Hidup 4. Kesedaran Diri 5. Efikasi Kendiri 6. Kemahiran Sivik dan Kewarganegaraan 7. Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) 	7 item
B3: Strategi Pembelajaran	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pembelajaran Khidmat Masyarakat 2. Pembelajaran Berasaskan Projek 3. Pembelajaran Melalui Penerokaan 4. Pembelajaran Berpusatkan Pelajar 	5 item

Bahagian	Item	Jumlah Item
	5. Pembelajaran Berasaskan Inkuiri	
B4: Penilaian Pembelajaran	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pemerhatian sepanjang proses aktiviti yang dijalankan dalam kelas. 2. Penilaian sendiri dapat membantu pelajar memberi maklum balas tentang cara objektif dicapai sepanjang proses aktiviti. 3. Penilaian kumpulan memberi peluang pelajar dengan melibatkan diri secara aktif dalam proses pembelajaran dengan bertanggungjawab. 4. Penilaian pemegang taruh untuk memastikan pelajar mempraktikkan pengetahuan, kemahiran dan tingkah laku semasa menjalankan aktiviti. 5. Penilaian lisan membolehkan guru menilai sikap pelajar dan hasil kerja pelajar. 	5 item

4.4 Latar Belakang Pakar Kajian

Dapatan kajian dimulakan dengan makluman demografi pakar yang terlibat dalam kajian ini. Demografi pakar adalah merangkumi umur, jawatan, kelayakan akademik, kepakaran/opysen, pengalaman kepakaran dan penglibatan dalam PBK. Sampel dalam kajian ini terdiri daripada (n = 15) pakar dalam bidang PBK yang mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya lima tahun berdasarkan pandangan Creswell dan Creswell (2017), pakar yang telah berkhidmat antara lima hingga sepuluh tahun boleh dikategorikan sebagai pakar dalam sesuatu bidang. Seperti yang dinyatakan oleh Adler dan Ziqlio (1996)

berpendapat bahawa sekumpulan kecil pakar dengan bilangan sepuluh hingga lima belas orang juga boleh mencapai keputusan yang baik sekiranya keseragaman pakar adalah tinggi. Untuk menganalisis latar belakang pakar, pengkaji menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) untuk mendapatkan data maklumat pakar. Kriteria pakar bagi kajian ini adalah seperti di Jadual 4.2:

Jadual 4.2:

Demografi Pakar Kajian

Demografi	Item	Kekerapan	Peratus (%)
Umur	36-40 tahun	4	26.7
	41-45 tahun	1	6.7
	46-50 tahun	2	13.3
	Lebih 50 tahun	8	53.3
Jumlah		15	100
Kelayakan Akademik	Ijazah Pasca Kedoktoran	1	6.7
	Ijazah Kedoktoran	5	33.3
	Ijazah Sarjana	3	20
	Ijazah Sarjana Muda	6	40
Jumlah		15	100
Jawatan	Pensyarah Universiti	4	26.7
	Pensyarah IPG	2	13.3
	Pegawai KPM	4	26.7
	Guru Akademik	5	33.3
Jumlah		15	100
Pengalaman Bidang Kepakaran	10 – 15 tahun	6	40
	16 – 20 tahun	4	26.7
	Lebih 20 Tahun	5	33.3

Demografi	Item	Kekerapan	Peratus (%)
Jumlah		15	100
Pengalaman dalam PBK	Kurang 5 tahun	2	13.3
	6-10 tahun	2	13.3
	11-15 tahun	8	53.3
	Lebih 15 tahun	3	20
Jumlah		15	100

Jadual 4.2 menerangkan demografi 15 orang pakar yang dipilih untuk menjawab soal selidik dalam reka bentuk kajian ini. Bagi aspek umur pakar penilai, didapati bahawa 4 orang pakar (26.7%) berumur 36-40 tahun, seorang pakar (6.7%) berumur 41-45 tahun, 2 orang pakar berumur 46-50 tahun (13.3%) dan 8 orang pakar berumur lebih 50 tahun ke atas. Pakar yang berumur 50 tahun ke atas adalah paling ramai menjadi pakar untuk reka bentuk kajian ini. Hal ini telah menunjukkan kriteria pemilihan pakar mengambil kira pengalaman mereka yang menceburi bidang pendidikan terutamanya dalam PBK dan Sains Sosial. Bagi aspek kelayakan akademik pula, seorang pakar (6.7%) telah mempunyai Ijazah Pasca Kedoktoran, 5 orang (33.3%) pakar mempunyai Ijazah Kedoktoran, 3 orang (20%) mempunyai Ijazah Sarjana dan 6 orang (40%) mempunyai Ijazah Sarjana Muda. Merujuk dengan jadual 4.2, dapat dilihat bahawa semua pakar yang dipilih mempunyai kelayakan akademik yang tinggi dan mampu memberi pandangan yang baik kepada pengkaji dalam reka bentuk PBK.

Dari aspek jawatan pakar pula, seramai 4 orang pakar (26.7%) terdiri daripada Pensyarah Universiti Awam (UA), 2 orang pakar (13.3%) Pensyarah IPG, 4 orang pakar (26.7%) daripada Pegawai KPM mempunyai kepakaran dalam PBK dalam mata pelajaran Sejarah, Geografi dan Pendidikan Moral serta 5 orang guru akademik (33.3%) yang mengajar

Pendidikan Moral mempunyai pengalaman dalam PBK di sekolah menengah. Kesemua pakar ini mempunyai pengalaman mengajar dan aktif terlibat dalam PBK serta pernah menjadi panel penggubal kurikulum, panel penilai buku teks, pembentang kertas artikel dan pemeriksa SPM dalam bidang kajian ini. Dapatan demografi kajian ini juga menunjukkan bahawa pengalaman dalam kepakaran antara 10-15 tahun iaitu 6 orang pakar (40%), 4 orang pakar (26.7%) mempunyai pengalaman dalam kepakaran dan 5 orang pakar (33.3%) telah pun mempunyai pengalaman dalam kepakaran bidang kajian selama 20 tahun ke atas. Berdasarkan pengalaman pakar dalam kajian ini, mereka merupakan pakar yang berkemahiran untuk menyumbang idea, mengkritik dan menambah baik kandungan item dalam reka bentuk kajian ini. Walau bagaimanapun, bagi aspek pengalaman dalam penglibatan PBK berbeza dengan pengalaman dalam kepakaran mereka, 2 orang pakar (13.3 %) kurang 5 tahun terlibat PBK tetapi mereka mempunyai pengalaman kepakaran dalam kurikulum Pendidikan Moral melebihi 10 tahun dan pernah menilai kerja kursus KBSM di sekolah. Seterusnya, 2 orang pakar (13.3%) terlibat dalam PBK selama 6-10 tahun, 8 orang pakar (53.3%) terlibat dalam PBK selama 11-15 tahun dan 3 orang pakar (20%) terlibat dalam PBK melebihi 15 tahun ke atas. Penglibatan pakar dalam PBK adalah penilai kerja kursus KBSM Pendidikan Moral, ALPdP KSSM Pendidikan Moral, SULAM, Projek Kajian Kes KSSM Sejarah dan Projek Kajian Lapangan KSSM Geografi yang mempunyai pendekatan yang sama dengan PBK.

4.5 Dapatan Kajian Pembelajaran Berasaskan Khidmat (PBK)

Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik yang mengandungi skala *Likert* lima mata telah digunakan seperti di Jadual 4.3. Penggunaan kaedah *Fuzzy Delphi* memerlukan instrumen soal selidik sebagai syarat untuk mendapatkan kesepakatan pakar *Triangular Fuzzy Number* digunakan untuk menghasilkan skala *Fuzzy* yang menggunakan skala

Likert bagi tujuan menterjemahkan pemboleh ubah linguistik kepada nombor *Fuzzy* (Basir et al., 2022).

Jadual 4.3:

Skala Fuzzy -5 Skala

	Pemboleh Ubah Linguistik	Skala <i>Likert</i>
Sangat setuju	(0.6, 0.8, 1.0)	5
Setuju	(0.4, 0.6, 0.8)	4
Kurang Setuju	(0.2, 0.4, 0.6)	3
Tidak setuju	(0.0, 0.2, 0.4)	2
Sangat Tidak Setuju	(0.0, 0.0, 0.2)	1

Diadaptasi daripada Mohd Ridhuan Mohd Jamil dan Nurulrabihah Mat Noh (2021)

Seperti yang dinyatakan dalam bab 3, analisis data adalah berdasarkan penomboran *Triangular Fuzzy Numbers* yang bertujuan mendapatkan nilai *Threshold (d)*. Menurut Mohd Ridhuan Mohd Jamil dan Nurulrabihah Mat Noh (2021). proses mengenal pasti nilai *Threshold (d)* adalah amat penting bagi mendapat tingkat kesepakatan dalam kalangan pakar. Bagi tujuan mendapatkan kesepakatan pakar untuk setiap item, syarat pertama yang perlu dipatuhi ialah nilai *Threshold (d)* adalah tidak melebihi atau sama dengan 0.2, maka ianya dikira sebagai kesepakatan pakar telah dicapai (Jamil dan Noh 2021). Penggunaan kaedah *vertex* dijalankan untuk mengira jarak antara purata rij. Jarak bagi setiap nombor Fuzzy $m = (m_1, m_2, m_3)$ dan $n = (n_1, n_2, n_3)$ dikira dengan menggunakan rumus berikut:

$$d(m, n) = \sqrt{\frac{1}{3} [(m_1 - n_1)^2 + (m_2 - n_2)^2 + (m_3 - n_3)^2]}$$

Syarat kedua bagi menentukan nilai peratus kesepakatan pakar ialah keseluruhan kesepakatan (*group consensus*) harus melebihi 75.0% untuk setiap item. Jika tidak, pusingan kedua perlu dilaksanakan semula (Mohd Ridhuan Mohd Jamil dan Nurulrabihah Mat Noh 2021). Jadual 4.4 telah menunjukkan nilai *Threshold (d)* yang mempunyai 27 item dibahagikan kepada bahagian B1 (Objektif Pembelajaran), bahagian B2 (Kandungan Pembelajaran), bahagian B3 (Strategi Pembelajaran) dan bahagian B4 (Penilaian Pembelajaran).

Universiti Malaya

Jadual 4.4:

Nilai Threshold (D) Bagi Setiap Sub Item

EXPERT	ITEM: OBEJEKTIF PEMBELAJARAN										ITEM: KANDUNGAN PEMBELAJARAN							ITEM: STRATEGI PEMBELAJARAN					ITEM: PENILAIAN PEMBELAJARAN				
	1.1	1.2	1.3	1.4	1.5	1.6	1.7	1.8	1.9	1.10	2.1	2.2	2.3	2.4	2.5	2.6	2.7	3.1	3.2	3.3	3.4	3.5	4.1	4.2	4.3	4.3	4.5
1	0.061	0.081	0.041	0.061	0.041	0.061	0.122	0.081	0.163	0.041	0.000	0.000	0.204	0.020	0.244	0.041	0.061	0.061	0.183	0.244	0.020	0.204	0.061	0.041	0.102	0.183	0.122
2	0.244	0.224	0.041	0.061	0.041	0.061	0.428	0.081	0.143	0.041	0.000	0.000	0.102	0.020	0.061	0.041	0.061	0.061	0.122	0.061	0.020	0.102	0.061	0.041	0.509	0.122	0.489
3	0.061	0.081	0.041	0.061	0.041	0.061	0.428	0.081	0.468	0.041	0.000	0.000	0.102	0.020	0.061	0.041	0.061	0.061	0.122	0.061	0.020	0.102	0.061	0.041	0.102	0.122	0.122
4	0.061	0.081	0.041	0.061	0.041	0.061	0.183	0.081	0.143	0.041	0.000	0.000	0.102	0.020	0.061	0.041	0.061	0.061	0.122	0.061	0.020	0.102	0.550	0.041	0.102	0.122	0.489
5	0.061	0.081	0.041	0.061	0.041	0.061	0.183	0.081	0.143	0.041	0.000	0.000	0.102	0.020	0.244	0.041	0.550	0.061	0.122	0.061	0.020	0.509	0.061	0.041	0.102	0.122	0.122
6	0.061	0.081	0.041	0.061	0.041	0.061	0.183	0.081	0.143	0.041	0.000	0.000	0.102	0.020	0.061	0.041	0.061	0.061	0.122	0.061	0.020	0.102	0.061	0.041	0.102	0.122	0.122
7	0.244	0.224	0.265	0.244	0.265	0.244	0.122	0.224	0.163	0.265	0.000	0.000	0.102	0.020	0.061	0.041	0.061	0.061	0.122	0.061	0.020	0.102	0.061	0.265	0.204	0.183	0.183
8	0.061	0.224	0.041	0.244	0.041	0.244	0.122	0.224	0.143	0.041	0.000	0.000	0.102	0.285	0.061	0.265	0.061	0.061	0.122	0.061	0.020	0.102	0.061	0.041	0.102	0.489	0.122
9	0.061	0.081	0.265	0.061	0.041	0.061	0.122	0.224	0.468	0.041	0.000	0.000	0.509	0.020	0.061	0.041	0.061	0.061	0.122	0.061	0.020	0.102	0.061	0.041	0.102	0.122	0.122
10	0.061	0.081	0.041	0.061	0.041	0.061	0.183	0.081	0.143	0.041	0.000	0.000	0.102	0.020	0.061	0.041	0.061	0.061	0.122	0.061	0.020	0.102	0.061	0.041	0.102	0.122	0.122
11	0.061	0.081	0.041	0.061	0.041	0.061	0.183	0.081	0.143	0.041	0.000	0.000	0.102	0.020	0.061	0.041	0.061	0.550	0.489	0.244	0.285	0.204	0.061	0.041	0.102	0.122	0.122
12	0.061	0.081	0.041	0.061	0.041	0.061	0.183	0.081	0.143	0.041	0.000	0.000	0.204	0.020	0.061	0.041	0.244	0.061	0.489	0.244	0.020	0.204	0.061	0.041	0.204	0.183	0.122
13	0.061	0.081	0.041	0.061	0.041	0.061	0.183	0.081	0.143	0.041	0.000	0.000	0.102	0.020	0.061	0.041	0.061	0.061	0.122	0.061	0.020	0.102	0.061	0.041	0.102	0.122	0.122
14	0.061	0.081	0.041	0.061	0.041	0.061	0.183	0.081	0.143	0.041	0.000	0.000	0.102	0.020	0.061	0.041	0.061	0.061	0.122	0.061	0.020	0.102	0.061	0.041	0.102	0.122	0.122
15	0.244	0.224	0.041	0.244	0.265	0.244	0.122	0.224	0.163	0.265	0.000	0.000	0.204	0.020	0.244	0.265	0.061	0.244	0.183	0.061	0.020	0.102	0.244	0.265	0.204	0.183	0.183
Nilai d setiap item	0.098	0.119	0.071	0.098	0.071	0.098	0.196	0.119	0.190	0.071	0.000	0.000	0.149	0.038	0.098	0.071	0.106	0.106	0.179	0.098	0.038	0.149	0.106	0.071	0.149	0.163	0.179
Bilangan Item d ≤ 0.2	15	15	15	15	15	15	13	15	13	15	15	15	14	15	15	15	14	14	13	15	15	14	14	15	14	14	13

4.6 Objektif Pembelajaran

Seperti yang telah diterangkan dalam metodologi kajian, proses *defuzzification* berfungsi untuk menentukan kedudukan sesuatu elemen berdasarkan kepada kesepakatan pakar. Proses ini dilakukan setelah pengkaji berjaya mendapatkan kesepakatan pakar. Jadual 4.4 menunjukkan dapatan kajian tentang objektif pembelajaran reka bentuk PBK Pendidikan Moral sekolah menengah. Bahagian ini mempunyai 10 item.

Jadual 4.5:

Objektif Pembelajaran

Item	Penilaian Fuzzy			Defuzzification value (DV)	Kesepakatan Pakar	Kedudukan
	m1	m2	m3			
1.1 Mengetahui konsep moral yang menekankan aspek moral, kemanusiaan dan kemasyarakatan dalam kehidupan harian.	0.560	0.760	0.960	0.760	Terima	4
1.2 Mengembangkan penaakulan moral dalam membuat penyelesaian masalah moral berasaskan kepada prinsip moral.	0.547	0.747	0.947	0.747	Terima	6
1.3 Menyuburkan emosi moral ke arah tingkah laku berempati dan adil.	0.573	0.773	0.973	0.773	Terima	1
1.4 Mengamalkan perlakuan bermoral secara bertanggungjawab dan berintegriti.	0.560	0.760	0.960	0.760	Terima	4
1.5 Menunjukkan kesedaran sivik dan kewarganegaraan sebagai warganegara yang bertanggungjawab.	0.573	0.773	0.973	0.773	Terima	1
1.6 Memberi sumbangan dan khidmat masyarakat kepada komuniti dan masyarakat setempat.	0.560	0.760	0.960	0.760	Terima	4

Item	Penilaian Fuzzy			Defuzzification value (DV)	Kesepakatan Pakar	Kedudukan
	m1	m2	m3			
1.7 Mengaplikasikan norma hidup dalam situasi sebenar.	0.480	0.680	0.880	0.680	Terima	9
1.8 Melaksanakan tanggungjawab moral dan sosial bagi mengekalkan kesejahteraan diri dan masyarakat.	0.547	0.747	0.947	0.747	Terima	6
1.9 Memperkukuh elemen perpaduan dalam diri untuk mewujudkan masyarakat yang harmoni.	0.507	0.707	0.907	0.707	Terima	8
1.10 Menghayati dan mengamalkan nilai universal Pendidikan Moral dalam kehidupan harian.	0.573	0.773	0.973	0.773	Terima	1

Merujuk kepada jadual 4.5, semua pakar sangat bersetuju dengan item 1.3, 1.5, dan 1.10 dengan nilai defuzzification 0.773, kedua-dua item ini berada di kedudukan pertama. Ini telah menunjukkan bahawa penerapan emosi moral ke arah tingkah laku berempati dan adil, kesedaran sivik dan kewarganegaraan sebagai warganegara yang bertanggungjawab serta menghayati dan mengamalkan nilai universal Pendidikan Moral dalam kehidupan harian penting untuk menentukan objektif pembelajaran PBK.

Item mengenai mengetahui 1.1 konsep moral yang menekankan aspek moral, kemanusiaan dan kemasyarakatan dalam kehidupan harian, 1.4 mengamalkan perlakuan bermoral secara bertanggungjawab dan berintegriti, 1.6 memberi sumbangan dan khidmat masyarakat kepada komuniti dan masyarakat setempat berada di kedudukan keempat dengan nilai *defuzzification* 0.760. Item ini dipersetujui oleh pakar kerana fokus utama KSSM Pendidikan moral adalah berpandukan item tersebut. Item yang berada di

kedudukan keenam adalah 1.2 mengembangkan penaakulan moral dalam membuat penyelesaian masalah moral berasaskan kepada prinsip moral dan 1.8 melaksanakan tanggungjawab moral dan sosial bagi mengekalkan kesejahteraan diri dan masyarakat dengan nilai *defuzzification* 0.747. Diikutinya dengan item 1.9 yang berada di kedudukan kelapan dengan nilai *defuzzification* 0.709 iaitu memperkukuh elemen kepelbagaian dan komunikasi antara budaya seperti mana yang ditekankan dalam kandungan KSSM Pendidikan Moral.

Sebaliknya, hanya 13 pakar bersetuju dengan item 1.7 iaitu mengaplikasikan norma hidup dalam situasi sebenar dengan nilai *defuzzification* 0.680 kerana struktur ayat kurang jelas dan difahami oleh pakar. Secara kesimpulannya, jadual 4.5 menunjukkan hasil analisis berdasarkan kesepakatan pakar. Nilai *defuzzification* yang diterjemahkan dalam Jadual 4.5 juga turut mematuhi syarat seterusnya di mana nilai α -cut yang diperoleh mesti sama atau melebihi 0.5 (Arasinah Kamis et al. 2021). Maka dengan ini semua item yang dibentangkan telah diterima oleh semua pakar. Secara tidak langsung, semua item yang dibentangkan ini juga telah menjawab persoalan kajian yang pertama iaitu, “Apakah objektif Pembelajaran Berasaskan Khidmat bagi mata pelajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah mengikut kesepakatan pakar?”.

4.7 Kandungan Pembelajaran

Jadual 4.6:

Kandungan Pembelajaran

Item	Penilaian Fuzzy			Defuzzification value (DV)	Kesepakatan Pakar	Kedudukan
	m1	m2	m3			
2.1 Kemahiran Berkomunikasi	0.600	0.800	1.000	0.800	Terima	1

Item	Penilaian Fuzzy			Defuzzification value (DV)	Kesepakatan Pakar	Kedudukan
	m1	m2	m3			
2.2 Kemahiran Sosial dan Emosi	0.600	0.800	1.000	0.800	Terima	1
2.3 Kemahiran Hidup	0.533	0.733	0.933	0.733	Terima	7
2.4 Kesedaran Diri	0.587	0.787	0.978	0.787	Terima	3
2.5 Efikasi Kendiri	0.560	0.760	0.960	0.760	Terima	5
2.6 Kemahiran Sivik dan Kewarganegaraan	0.573	0.773	0.973	0.773	Terima	4
2.7 Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)	0.560	0.760	0.960	0.760	Terima	5

Daripada jadual 4.6, semua pakar sangat bersetuju dengan item 2.1 Kemahiran Berkomunikasi dan 2.2 Kemahiran Sosial dan Emosi dengan nilai *defuzzification* 0.800, kedua-dua item ini berada di kedudukan pertama. Ini telah menunjukkan kemahiran berkomunikasi dan kemahiran sosial dan emosi memainkan peranan penting dalam kandungan pembelajaran reka bentuk pembelajaran PBK. Diikutinya kedudukan ketiga iaitu item 2.4 yang menerangkan bahawa kesedaran diri harus dipupuk dalam kalangan pelajar sekolah menengah. semua pakar bersetuju dengan kenyataan item ini dengan nilai *defuzzification* 0.787. Item 2.6 kemahiran sivik dan kewarganegaraan berada di kedudukan keempat dengan nilai *defuzzification* 0.773 juga mencapai kesepakatan pakar dalam reka bentuk kajian ini. Seterusnya, item 2.5, 2.7 tentang efikasi sendiri dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) berada di kedudukan kelima dengan nilai *defuzzification* 0.760. Akhir sekali, item 2.3 kemahiran hidup berada di kedudukan terakhir dengan nilai *defuzzification* 0.733.

Secara ringkasnya, jadual 4.6 menunjukkan hasil analisis berdasarkan kesepakatan pakar. Nilai *defuzzification* yang diterjemahkan dalam Jadual 4.6 juga turut mematuhi syarat

seterusnya di mana nilai α -cut yang diperoleh mesti sama atau melebihi 0.5 (Arasinh Kamis at el. 2021). Maka dengan ini semua item yang dibentangkan telah diterima oleh semua pakar. Semua item yang dibentangkan ini juga telah menjawab persoalan kajian yang ketiga secara implisit iaitu, “Apakah kandungan Pembelajaran Berasaskan Khidmat bagi mata pelajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah mengikut kesepakatan pakar?”.

4.8 Strategi Pembelajaran

Jadual 4.7:

Strategi Pembelajaran

Item	Penilaian Fuzzy			Defuzzification value (DV)	Kesepakatan Pakar	Kedudukan
	m1	m2	m3			
3.1 Pembelajaran Khidmat Masyarakat	0.560	0.760	0.960	0.760	Terima	2
3.2 Pembelajaran Berasaskan Projek	0.520	0.720	0.920	0.720	Terima	5
3.3 Pembelajaran Melalui Penerokaan	0.560	0.760	0.960	0.760	Terima	2
3.4 Pembelajaran Berpusatkan Pelajar	0.587	0.787	0.987	0.787	Terima	1
3.5 Pembelajaran Berasaskan Inkuiri	0.533	0.733	0.933	0.733	Terima	4

Berdasarkan jadual 4.7, kesemua lima item pada strategi pembelajaran telah mencapai kesepakatan tinggi iaitu melebihi 0.70. Perkara ini menunjukkan kesemua lima item terhadap strategi pembelajaran telah dipersetujui oleh kesemua pakar dalam reka bentuk PBK ini. Walau bagaimanapun, semua pakar mengutamakan item 3.4 iaitu pembelajaran berpusatkan pelajar yang berada di kedudukan pertama dengan nilai *defuzzification* 0.787, diikuti dengan kedudukan kedua iaitu item 3.1 pembelajaran khidmat msayarakat dan 3.3 pembelajaran melalui penerokaan dengan nilai *defuzzification* 0.760. Item ini perlu diberi

penekanan dan keutamaan terlebih dahulu. Seterusnya, pakar penilai juga bersetuju dengan item 3.5 dan 3.2 yang berada di kedudukan keempat dan kelima. Item ini mendapat nilai *defuzzification* 0.733 dan 0.720.

Nilai *defuzzification* yang diterjemahkan dalam Jadual 4.7 juga terbukti bahawa kesemua item mematuhi syarat seterusnya di mana nilai α -cut yang diperoleh mesti sama atau melebihi 0.5 (Arasimah Kamis et al. 2021). Maka dengan ini semua item yang dinyatakan telah diterima oleh semua pakar. Secara tidak langsung, semua item yang dibentangkan ini juga telah menjawab persoalan kajian yang ketiga iaitu, “Apakah strategi Pembelajaran Berasaskan Khidmat bagi mata pelajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah mengikut kesepakatan pakar?”.

4.9 Penilaian Pembelajaran

Jadual 4.8:

Penilaian Pembelajaran

Item	Penilaian Fuzzy			Defuzzification value (DV)	Kesepakatan Pakar	Kedudukan
	m1	m2	m3			
4.1 Pemerhatian sepanjang proses aktiviti yang dijalankan dalam kelas.	0.560	0.760	0.960	0.760	Terima	2
4.2 Penilaian sendiri dapat membantu pelajar memberi maklum balas tentang cara objektif dicapai sepanjang proses aktiviti.	0.573	0.773	0.973	0.773	Terima	1
4.3 Penilaian kumpulan memberi peluang pelajar dengan melibatkan diri secara aktif dalam proses pembelajaran dengan bertanggungjawab.	0.533	0.733	0.933	0.733	Terima	3

Item	Penilaian Fuzzy			Defuzzificati on value (DV)	Kesepakatan Pakar	Kedudukan
	m1	m2	m3			
4.4 Penilaian pemegang taruh untuk memastikan pelajar mempraktikkan pengetahuan, kemahiran dan tingkah laku semasa menjalankan aktiviti.	0.520	0.720	0.920	0.720	Terima	4
4.5 Penilaian lisan membolehkan guru menilai sikap pelajar dan hasil kerja pelajar.	0.520	0.720	0.920	0.720	Terima	4

Akhir sekali, berdasarkan jadual 4.8, kesemua lima item telah diterima oleh pakar dan mempunyai kesepakatan yang tinggi iaitu melebihi 0.70. Item juga telah disenaraikan bersama dengan maklumat kedudukan yang menunjukkan item yang paling mendapat persetujuan oleh pakar sebelum ini. Daripada kesemua item yang disenaraikan dalam penilaian pembelajaran, item 4.2 iaitu penilaian sendiri dapat membantu pelajar memberi maklum balas tentang cara objektif dicapai sepanjang proses aktiviti dengan nilai *defuzzification* 0.773 mendapat kedudukan pertama dan diberi keutamaan penting dalam penilaian pembelajaran reka bentuk PBK. Majoriti pakar juga bersetuju item 4.1 iaitu pemerhatian sepanjang proses aktiviti yang dijalankan dalam kelas mendapat kedudukan kedua dengan nilai *defuzzification* 0.776. Item 4.3 mengenai penilaian kumpulan memberi peluang pelajar dengan melibatkan diri secara aktif dalam proses pembelajaran dengan bertanggungjawab berada kedudukan ketiga dengan nilai *defuzzification* 0.733. Dikutinya kedudukan terakhir dengan nilai *defuzzification* 0.720 adalah penilaian pemegang taruh untuk memastikan pelajar mempraktikkan pengetahuan, kemahiran dan tingkah laku semasa menjalankan aktiviti serta penilaian lisan membolehkan guru menilai sikap pelajar dan hasil kerja pelajar.

Nilai *defuzzification* yang diterjemahkan dalam Jadual 4.8 juga terbukti bahawa kesemua item mematuhi syarat seterusnya di mana nilai α -cut yang diperoleh mesti sama atau melebihi 0.5 (Arasinah Kamis et al. 2021). Maka dengan ini semua item yang dinyatakan telah diterima oleh semua pakar. Tuntasnya, semua item yang dibentangkan ini juga telah menjawab persoalan kajian yang keempat iaitu, “Apakah penilaian Pembelajaran Berasaskan Khidmat bagi mata pelajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah mengikut kesepakatan pakar?”.

4.10 RUMUSAN

Bab ini telah membincangkan tentang dapatan kajian yang diperoleh sepanjang kajian ini. Transkrip temu bual telah dianalisis dengan menggunakan analisis tematik untuk membangunkan instrumen soal selidik Fuzzy Delphi. Kesemua 27 item telah mencapai kesepakatan pakar dan melebihi 75.0%. Analisis kajian ini menunjukkan bahawa terdapat kesepakatan yang tinggi di kalangan pakar terhadap objektif pembelajaran, kandungan, strategi pembelajaran, dan penilaian dalam reka bentuk Pembelajaran Berasaskan Khidmat (PBK) Pendidikan Moral di sekolah menengah. Kesemua item yang dikaji mendapat pandangan positif dari pakar, dan nilai *defuzzification* yang tinggi menunjukkan konsensus yang kuat dalam kalangan mereka. Dalam aspek objektif pembelajaran, dapatan kajian menunjukkan bahawa penerapan emosi moral, kesedaran sivik, dan kewarganegaraan, serta penghayatan dan pengamalan nilai universal Pendidikan Moral dianggap penting oleh pakar. Namun, terdapat beberapa item yang mendapat kesepakatan pakar yang kurang tinggi, seperti item mengenai mengaplikasikan norma hidup dalam situasi sebenar, mungkin disebabkan oleh struktur ayat yang kurang jelas. Kandungan pembelajaran PBK juga mendapat pandangan positif dari pakar dengan penekanan yang diberikan kepada konsep moral, perlakuan bermoral, sumbangan

masyarakat, pembangunan penaaakulan moral, dan elemen kepelbagaian budaya. Ini sejajar dengan fokus utama Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Pendidikan Moral.

Ketika membincangkan strategi pembelajaran, pakar sangat bersetuju bahawa kemahiran berkomunikasi, kemahiran sosial dan emosi, kesedaran diri, kemahiran sivik dan kewarganegaraan, efikasi sendiri, dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) adalah penting dalam pembelajaran PBK. Ini menunjukkan pengiktirafan keperluan untuk melibatkan pelajar secara holistik dan membangunkan kemahiran yang melangkaui akademik. Strategi pembelajaran PBK yang dipilih seperti pembelajaran berpusatkan pelajar, pembelajaran khidmat masyarakat, dan pembelajaran melalui penerokaan, juga mendapat sokongan tinggi dari pakar. Ini mencerminkan kepentingan dalam melibatkan pelajar secara aktif dalam pembelajaran dan memupuk sikap tanggungjawab terhadap masyarakat. Penilaian dalam konteks PBK juga mendapat pengiktirafan positif dari pakar, khususnya penilaian sendiri, pemerhatian, penilaian kumpulan, dan penilaian pemegang taruh. Ini menunjukkan keperluan untuk melibatkan pelajar dalam penilaian dan memberi peluang kepada mereka untuk menyumbangkan secara aktif dalam proses pembelajaran. Secara keseluruhan, kajian ini memberikan pandangan yang komprehensif dan mendalam tentang pandangan pakar terhadap reka bentuk PBK Pendidikan Moral di sekolah menengah. Kesepakatan tinggi dalam semua aspek menunjukkan keberkesanan dan kesesuaian reka bentuk tersebut dengan keperluan dan matlamat pendidikan moral di peringkat sekolah menengah. Berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan setiap dapatan kajian item secara terperinci, implikasi kajian dan cadangan kajian lanjutan dalam bab 5.

BAB 5

PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Bab ini adalah bertujuan untuk merumuskan dapatan kajian. Pada mulanya, pengkaji akan membincangkan ringkasan kajian, objektif kajian, pensampelan pakar, metodologi, prosedur untuk mengumpul dan menganalisis data serta keputusan dapatan kajian. Seterusnya, perbincangan akan tertumpu kepada dapatan analisis data *Fuzzy Delphi* yang akan berdasarkan keputusan analisis data mengikut 4 konstruk utama seperti yang dinyatakan dalam bab 4. Implikasi kajian ini kemudiannya akan dibincangkan setelah dapatan kajian ini dibincangkan. Langkah terakhir dalam kajian ini adalah cadangan kajian lanjutan untuk masa akan datang agar menyempurnakan penyelidikan ini.

5.2 Rumusan Dapatan Kajian

Dalam kajian ini, transkrip temu bual telah dianalisis menggunakan analisis tematik untuk membentuk instrumen soal selidik *Fuzzy Delphi*. Kesemua 27 item dalam soal selidik telah mencapai kesepakatan pakar dan melebihi 75.0% dalam analisis FDM. Dapatan kajian menunjukkan bahawa reka bentuk PBK ini dapat diintegrasikan dalam mata pelajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah.

Dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan setiap dapatan kajian item secara terperinci. Analisis tematik membantu pengkaji untuk mengenal pasti tema-tema utama yang muncul dalam transkrip temu bual. Pengkaji kemudian menggunakan dapatan ini untuk membentuk instrumen soal selidik *Fuzzy Delphi* yang kemudiannya dijawab oleh pakar

penilai. Pencapaian Kesepakatan pakar adalah melebihi 75%, nilai *Threshold* (d) <0.2 dan α -cut melebihi 0.5.

Dapatan kajian ini memberikan implikasi yang penting dalam konteks pembelajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah. Reka bentuk PBK yang diintegrasikan dalam mata pelajaran ini dapat meningkatkan keberkesanan pembelajaran. PBK menekankan pembelajaran berpusatkan pelajar, di mana pelajar diberi peluang untuk mengembangkan kompetensi moral mereka melalui aktiviti-aktiviti yang relevan dan bermakna. Ini dapat membantu meningkatkan kefahaman pelajar tentang nilai-nilai moral dan mempromosikan pembentukan sikap dan tingkah laku yang baik.

Dapatan kajian ini juga memberikan peluang untuk kajian lanjutan. Pengkaji boleh melihat kepada aspek-aspek yang masih perlu dikaji dalam reka bentuk PBK ini. Misalnya, pengkaji boleh mengkaji impak PBK terhadap pencapaian akademik pelajar dan penglibatan mereka dalam aktiviti pembelajaran. Kajian lanjutan juga boleh mengkaji keberkesanan strategi pengajaran dan penilaian yang digunakan dalam PBK ini.

Secara keseluruhan, dapatan kajian ini memberikan keyakinan bahawa reka bentuk PBK dapat memberikan manfaat yang positif dalam pembelajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah. Implikasi kajian ini dapat membantu para pendidik dan pengkaji dalam merancang dan melaksanakan strategi pembelajaran yang lebih efektif dalam mata pelajaran ini.

5.3 Perbincangan Dapatan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk membangunkan Reka Bentuk PBK untuk Pendidikan Moral Sekolah Menengah. Dalam kajian ini, Aplikasi *Fuzzy Delphi* digunakan bagi

menentukan objektif pembelajaran, kandungan pembelajaran, strategi pembelajaran dan penilaian pembelajaran. Seramai 15 orang pakar penilai telah dipilih untuk menjawab soal selidik *Fuzzy Delphi* secara bersemuka atau secara dalam talian. Pecahan kepakaran dalam kajian ini adalah 4 orang pensyarah Universiti Awam (UA), 2 orang pensyarah IPG, 4 orang pegawai KPM dan 5 orang guru akademik sekolah menengah yang berpengalaman dalam PBK dan Pendidikan Moral. Data telah diolah menggunakan nombor *triangular Fuzzy* dan proses *Defuzzification*. Secara kolektif, para pakar telah mencapai kesepakatan bagi kesemua 27 item, dengan nilai *defuzzification* melebihi 0.70 kecuali satu item yang mempunyai nilai *defuzzification* sebanyak 0.68. Oleh itu, kajian ini menunjukkan bahawa para pakar telah mencapai kesepakatan yang tinggi dalam reka bentuk kajian ini. Reka bentuk PBK Pendidikan Moral Sekolah Menengah akan dibina berdasarkan analisis data terhadap soal selidik yang diedarkan. Perbincangan kajian adalah tertumpu kepada perkara di bawah ini:

- i. Objektif Pembelajaran bagi Reka Bentuk PBK Pendidikan Moral Sekolah Menengah.
- ii. Kandungan Pembelajaran bagi Reka Bentuk PBK Pendidikan Moral Sekolah Menengah.
- iii. Strategi Pembelajaran bagi Reka Bentuk PBK Pendidikan Moral Sekolah Menengah.
- iv. Penilaian Pembelajaran bagi Reka Bentuk PBK Pendidikan Moral Sekolah Menengah.

5.4 Objektif Pembelajaran

Berdasarkan kesepakatan pakar, majoriti pakar penilai bersetuju 10 item yang dicadangkan dalam borang soal selidik. Ekoran daripada itu, semua pakar penilai sangat

bersetuju bahawa kesedaran sivik dan kewarganegaraan, penyuburan emosi moral dan pengamalan nilai universal dengan nilai defuzzification 0.773 telah mendapat kedudukan pertama. Kesedaran sivik dan kewarganegaraan adalah penting untuk menggalakkan warganegara mampu memberi sumbangan kepada komuniti serta boleh memahami hak dan tanggungjawab sebagai warganegara. Dalam kajian Annette (2005), penerapan sivik merupakan komponen yang penting untuk pembentukan karakter yang baik. Beliau merumuskan bahawa PBK yang disepadukan dalam Pendidikan Moral boleh membawa kewajipan sivik di kalangan pelajar. Kenyataan ini disokong oleh Thabet (2018) dan Mishal et al. (2021) menyatakan penglibatan PBK dapat memupuk tanggungjawab sosial dengan mendidik mereka menjadi warganegara yang menunjukkan komitmen kepada komuniti melalui tugas mereka. Pakar penilai sangat bersetuju item ini kerana elemen sivik telah dimasukkan dalam KSSM Pendidikan Moral dalam Bidang 7 iaitu Moral dan Kenegaraan (KPM, 2018).

Selain itu, penerapan emosi moral ke arah tingkah laku empati dan adil dalam reka bentuk PBK juga dipersetujui oleh pakar penilai dengan nilai *defuzzification* 0.773. Emosi moral adalah membentuk nilai kemanusiaan dan mengurangkan jurang perbezaan dalam pemikiran, keputusan, dan tingkah laku moral. Menurut Badriyatun Kamar dan Faridah Nazir (2017), emosi moral melibatkan sentimen, empati, simpati, kepedulian, belas kasihan, motivasi, dan kelembutan hati. Perasaan bermoral ini menggerakkan tingkah laku moral. Nyata sekali, emosi moral sering dikaitkan dengan kesedaran, kepedulian, dan hati nurani yang mempengaruhi kegembiraan seseorang apabila melakukan perkara betul dan perasaan bersalah apabila melakukan perkara tidak betul seperti dinyatakan oleh Krettenauer, Jia dan Mosleh (2021) telah melaporkan bahawa emosi moral yang berbeza boleh mempunyai kesan yang berbeza terhadap tingkah laku moral.

Penerapan emosi moral perlu dimasukkan dalam objektif pembelajaran PBK agar mendorong pelajar untuk mengamalkan prinsip etika dan pembentukan sahsiah yang baik dalam kehidupan harian. Kajian ini telah mengesahkan dapatan Umi Anugerah Izzati et al. (2019) yang mendapati bahawa seseorang perlu menerapkan enam aspek emosi sebelum menjadi insan berakhlak mulia, iaitu hati nurani, harga diri (keyakinan), empati (memahami penderitaan orang lain), mencintai apa yang baik, mengawal diri, dan merendahkan diri. Dapatan kajian ini turut dibuktikan dalam kajian Edward Batin Anak Wil dan Nadarajan Thambu (2018) bahawa pengetahuan moral, pertimbangan moral dan emosi moral yang tinggi dapat membentuk tingkah laku moral pelajar sekolah menengah. Oleh itu, item ini memberikan pandangan bahawa pentingnya emosi moral dalam membentuk perlakuan moral dan mengamalkan nilai universal dalam kalangan pelajar melalui PBK.

Dalam konteks Pendidikan Moral di Malaysia, penghayatan dan pengamalan nilai universal untuk melahirkan insan berakhlak mulia nilai *defuzzification* 0.773 dianggap penting kerana semua pakar penilai bersetuju bahawa kerana nilai universal sering ditekankan dalam pendidikan moral dalam pembangunan sahsiah dengan tujuan untuk memupuk sikap dan tingkah laku positif yang menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat. Objektif ini terjurus kepada KSSM Pendidikan Moral akan memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan pengetahuan, penghayatan dan pengamalan nilai universal dalam norma masyarakat Malaysia untuk diaplikasikan dalam pelbagai situasi dalam kehidupan harian (KPM, 2018). Nilai universal ialah nilai yang dianggap boleh digunakan merentasi budaya, agama dan masyarakat, dan dianggap sebagai asas untuk membina masyarakat yang adil dan harmoni. Justeru, dalam kajian Yung et al. (2021), para pengkaji memperkukuhkan hujah bahawa melalui pengalaman PBK merentasi sempadan ini membawa perubahan nyata pada masa hadapan dalam kehidupan mereka

melalui meluaskan ufuk mereka dan memberi pendedahan kepada budaya lain dari segi sosioekonomi, budaya, dan secara nasional untuk membentuk insan berakhlak mulia.

Item mengenai mengetahui konsep moral yang menekankan aspek moral, kemanusiaan dan kemasyarakatan dalam kehidupan harian, mengamalkan perlakuan moral secara bertanggungjawab dan berintegriti, memberi sumbangan dan khidmat masyarakat kepada komuniti dan masyarakat setempat berada di tempat keempat dengan nilai *defuzzification* 0.760. Dengan memasukkan konsep moral dan pengamalan perlakuan moral ke dalam PBK, pelajar boleh membangunkan pemahaman yang lebih mendalam tentang nilai dan kepercayaan mereka sendiri, dan belajar cara menerapkannya dalam situasi dunia sebenar. Asas moral yang kukuh adalah penting untuk mencipta perubahan tingkah laku positif dan menggalakkan keadilan sosial melalui PBK. Berdasarkan pandangan daripada Airen Surayya Khairu Anuar et al. (2021), sensitiviti moral yang tinggi dapat membuat pelajar membuat keputusan moral secara rasional tanpa prejudis terhadap pelbagai budaya dan kaum. Pelajar yang dapat memberi sumbangan dan khidmat masyarakat akan berpegang kepada prinsip keadilan sosial, tanggungjawab sivik, dan penglibatan etika dalam komuniti setempat. Hal ini terbukti dalam kajian Nur Asiyah dan Abdul Ghofur (2019) bahawa pembudayaan sikap kerohanian dan sosial terhadap mata pelajaran Pendidikan moral boleh diterapkan melalui PBK di komuniti setempat mengikut kesesuaian rancangan pelajaran mereka.

Perlakuan Moral secara bertanggungjawab dan berintegriti menjadi komponen penting dalam kehidupan harian. Menurut kajian Umi Anugerah Izzati et al (2019) menunjukkan bahawa kecekapan, keinginan, dan perlakuan moral adalah aspek penting dalam perwatakan yang boleh membawa kepada kematangan moral dan membimbing individu ke arah kehidupan yang bermoral. Ini juga menyediakan peluang untuk pelajar membuat

refleksi secara kritis dan membuat keputusan bermoral. Melalui PBK, pelajar boleh memupuk pemahaman yang lebih mendalam tentang kepentingan bertindak secara integriti dan di sekeliling mereka. Kajian Chu dan Vu (2022) telah menunjukkan kepentingan norma sosial dan pengetahuan sosial dalam mempromosikan tingkah laku beretika dalam budaya konteks tinggi seperti mana berlaku di negara Vietnam dan Taiwan menggalakkan perlakuan moral berdasarkan prinsip seperti kehidupan yang betul, niat yang betul, dan tindakan yang betul melalui budaya negara mereka.

Penglibatan dalam PBK dapat memberi sumbangan dan khidmat masyarakat kepada komuniti dan masyarakat setempat. Ia direka untuk membantu pelajar belajar dan berkembang melalui penyertaan aktif dalam pengalaman perkhidmatan yang terancang yang memenuhi keperluan komuniti. Projek PBK harus direka bentuk untuk menangani keperluan komuniti tertentu, seperti meningkatkan akses kepada penjagaan kesihatan, pendidikan atau kelestarian alam sekitar. pelajar juga mempunyai pengalaman pembelajaran yang positif. Dapatan kajian Azmina Afzal dan Nasreen Hussain (2020) telah menunjukkan bahawa kesedaran untuk menggalakkan PBK di sekolah adalah berdasarkan penerimaan bahawa ia bukan sahaja memberi mata kredit tambahan kepada pelajar, tetapi berkhidmat kepada orang lain atau komuniti sendiri juga menjadikan mereka warganegara yang lebih baik. Berdasarkan kelebihan dan pengalaman positif pelajar, kajian tersebut mencadangkan untuk memasukkan model PBK yang lebih inklusif dalam kurikulum sekolah. Dengan menangani keperluan ini, pembelajaran perkhidmatan boleh menyumbang kepada kesejahteraan keseluruhan masyarakat.

Selanjutnya dengan item mengenai penaakulan moral dalam membuat penyelesaian masalah moral berasaskan kepada prinsip moral berada di kedudukan keenam dengan nilai *defuzzification* 0.747. Penaakulan moral adalah penting dalam objektif pembelajaran

reka bentuk PBK kerana dapat membantu pelajar memahami implikasi etika tindakan mereka, membangunkan empati dan tanggungjawab sosial, dan menggalakkan keadilan sosial. Dalam konteks PBK, penaakulan moral boleh dibangunkan melalui proses refleksi, di mana pelajar menganalisis secara kritis melalui pengalaman perkhidmatan mereka dan menghubungkaitkan dengan prinsip etika dan moral. Dapatan kajian ini dibincangkan dalam penyelidikan terdahulu yang mengkaji konsep penaakulan moral menurut Teori Kohlberg (1975) dan kajian yang dilakukan oleh Muhammad Hafeez et al. (2020) mengenai teori ini. Dalam Teori Kohlberg berpendapat bahawa penaakulan moral adalah faktor utama yang menggerakkan tingkah laku moral seseorang. Teori Kohlberg menyatakan bahawa perkembangan moral berlaku secara berperingkat, bermula dari tahap kanak-kanak yang mematuhi peraturan moral, kemudian menerima peraturan moral, dan akhirnya memahami peraturan moral. Proses ini dipengaruhi oleh kemampuan individu dalam memilih dan mengumpulkan maklumat. Sumber maklumat dan kepastian secara berperingkat dalam situasi tertentu juga mempengaruhi keputusan moral seseorang.

Dapatan kajian ini memberi sumbangan penting dalam memahami kepentingan penaakulan moral dalam menentukan objektif pembelajaran reka bentuk PBK. Penaakulan moral mestilah bebas dan selaras dengan konsep moral yang diamalkan dalam masyarakat. Kajian Metzger, Alvis, Oosterhoff, Babskie, Syvertsen, dan Wray-Lake (2018) juga dikenal pasti bahawa peraturan emosi dan pengurusan moral pro sosial lebih berkait rapat dengan penglibatan aktiviti sivik seperti kesukarelawanan dan khidmat masyarakat. Ini menunjukkan bahawa pelajar yang membangunkan kemahiran penaakulan moral cenderung untuk terlibat dalam tindakan positif yang memberi manfaat kepada masyarakat.

Begitu juga item mengenai melaksanakan tanggungjawab moral dan sosial bagi mengekalkan kesejahteraan diri dan masyarakat berada di kedudukan keenam. Dalam PBK, pelajar mempunyai tanggungjawab bukan sahaja memberikan perkhidmatan kepada komuniti, tetapi juga melaksanakan secara beretika, menghormati dan mengambil berat tentang keperluan dan perspektif mereka yang berkhidmat di komuniti setempat. Mereka akan prihatin terhadap sensitiviti budaya, sudi mendengar dan menerima tunjuk ajar daripada ahli komuniti, dan berusaha untuk mencipta perubahan positif yang mampan dan saksama. Mishal et al., (2021) melaporkan bahawa pelajar dapat memupuk tanggungjawab sosial dan penglibatan sivik lebih baik dengan menggunakan pedagogi PBK.

Di samping itu, item mengenai memperkukuh elemen kepelbagaian dan komunikasi antara budaya berada di kedudukan kelapan dengan nilai *defuzzification* 0.707. Item ini diterima oleh majoriti pakar penilai kerana dapat mewujudkan pengalaman pembelajaran yang lebih inklusif dan saksama untuk semua pelajar. Penekanan kepada komuniti yang pelbagai dan komunikasi antara budaya adalah penting untuk menggalakkan persefahaman, kecekapan budaya, ekuiti, dan pertumbuhan peribadi dalam kalangan pelajar (Vishalache Balakrishnan et al., 2022). Dalam projek PBK, adalah penting untuk memasukkan elemen ini dalam objektif pembelajaran. Pelajar akan menghormati kepelbagaian dengan mengamalkan tingkah laku yang berhemah tinggi, menghargai dan prihatin terhadap masyarakat yang berbeza agama, bangsa, budaya dan bahasa seperti yang disarankan dalam KSSM Pendidikan Moral (KPM, 2018). Projek PBK dapat memberi ruang kepada pelajar untuk berinteraksi dengan ahli masyarakat yang terdiri daripada latar belakang dan budaya yang berbeza (Gardner et al., 2019). Pelajar akan mempunyai pemahaman yang lebih baik tentang budaya, ekuiti dan pertumbuhan peribadi melalui PBK. Oleh itu, adalah penting untuk memastikan objektif pembelajaran

merangkumi item ini supaya pelajar dapat meneroka dan berinteraksi dengan pelbagai latar belakang budaya, serta dapat memberi kesan positif dalam kehidupan harian.

Akhir sekali, item mengenai mengaplikasikan norma hidup dalam situasi sebenar hanya diterima oleh majoriti pakar penilai dan berada di kedudukan terakhir. Item ini hanya mempunyai nilai *defuzzification* 0.680 yang merupakan nilai yang kurang daripada 0.700. Terdapat 2 orang pakar penilai mencadangkan untuk menyusun dan membuat penstrukturan ayat supaya lebih difahami dan dibaca oleh guru. Secara kesimpulannya, pakar penilai mencadangkan Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Khidmat (PBK) perlu mengambil kira kitaran teori, amalan dan refleksi pelajar agar objektif mesti sentiasa mengikut kerangka kajian yang dirancang dan boleh diukur oleh guru.

5.5 Kandungan Pembelajaran

Hasil daripada analisis yang dijalankan bagi item kandungan pembelajaran PBK Pendidikan Moral sekolah menengah, terdapat 7 item yang telah dibina dalam borang soal selidik ini. Berdasarkan dapatan kajian ini. Item yang mempunyai nilai skor *defuzzification* yang paling tinggi adalah kemahiran berkomunikasi, kemahiran sosial dan emosi dengan nilai *defuzzification* 0.800. Memang tidak dapat dinafikan bahawa kemahiran berkomunikasi adalah komponen sangat penting dalam PBK kerana ia memudahkan kerjasama dan penyelarasan yang berkesan di kalangan ahli pasukan, membina hubungan positif dengan ahli komuniti dan pihak berkepentingan serta meningkatkan impak projek PBK. Sebagai contohnya, seperti yang dinyatakan oleh Tian, Noel (2020) dan Reif-Stice, Smith-Frigerio (2021), memperkukuhkan hujah bahawa kejayaan merancang PBK secara sistematik dapat meningkatkan kemahiran berkomunikasi dan meneroka kebolehlaksanaan untuk membangunkan PBK secara maya dan selepas pandemik Covid-19. Di samping itu, kemahiran berkomunikasi yang kukuh

boleh membantu pelajar membina kepercayaan dengan ahli komuniti dan pihak berkepentingan, yang penting untuk kejayaan projek. Dengan berkomunikasi secara terbuka dan jujur, pelajar boleh menunjukkan komitmen mereka kepada masyarakat dan membina hubungan positif berdasarkan rasa hormat dan persefahaman antara satu sama lain.

Semua pakar penilai juga sangat bersetuju kemahiran sosial dan emosi adalah penting dalam reka bentuk PBK kerana kemahiran ini membolehkan pelajar memupuk empati, kesedaran sosial, dan kecerdasan emosi yang merupakan komponen utama PBK. PBK melibatkan penglibatan secara aktif dalam aktiviti agar menangani keperluan komuniti sebenar di samping menyediakan peluang untuk membuat refleksi dalam pembelajaran. Sebagai contoh, pelajar belajar untuk berkomunikasi secara berkesan dengan individu dari latar belakang dan budaya yang berbeza, membina hubungan berdasarkan rasa hormat dan kepercayaan, dan membangunkan kemahiran yang diperlukan untuk bekerja secara kolaboratif ke arah matlamat bersama. Dalam kajian pembelajaran sosial dan emosi, Rodríguez-Nogueira, Moreno-Poyato, Álvarez-Álvarez, dan Pinto-Carral (2020) mendapati bahawa pelajar yang terlibat dalam aktiviti PBK mampu menggabungkan kemahiran akademik dan telah menunjukkan kepuasan mereka untuk mencapai objektif pembelajaran dan meningkatkan kemahiran interpersonal mereka.

Hal ini telah menunjukkan semakin tinggi kemahiran sosio-emosi, kemahiran interpersonal akan menjadi semakin baik dan berupaya untuk menghadapi pelbagai situasi dalam kehidupan harian. Daripada semua perkara yang telah disebutkan setakat ini, item ini dapat memastikan empati dapat diterapkan khususnya sebagai panduan kepada guru Pendidikan Moral kerana pendekatan guru untuk mengembangkan empati adalah terhad dan kurang difikirkan. Pelbagai kaedah harus dilaksanakan untuk

menyemai empati dalam diri pelajar, terutamanya mereka yang terdiri daripada pelbagai budaya latar belakang. (Ilhavenil dan Logeswaran, 2023). Aspek penting seperti empati, sensitiviti moral dan altruistik telah dicadangkan oleh salah seorang pakar supaya ditekankan dalam kandungan pembelajaran.

Selain itu, kesedaran diri ialah komponen penting dalam reka bentuk PBK dengan nilai *defuzzification* 0.787 yang mendapat kedudukan ketiga. Pakar penilai bersetuju kesedaran diri dapat membantu pelajar membuat refleksi terhadap pengalaman, nilai dan kepercayaan mereka serta memahami cara untuk membentuk interaksi mereka dengan orang lain. PBK melibatkan aktiviti yang menangani keperluan komuniti sebenar, dan kesedaran diri membantu pelajar memahami peranan mereka dalam aktiviti tersebut dan kesan tindakan mereka terhadap orang lain. Seperti yang ditunjukkan oleh dapatan kajian Braßler (2018) menunjukkan penglibatan PBK secara global antara disiplin boleh memberi kesan positif ke atas pembangunan kecekapan antara disiplin, kesedaran diri dan aktivisme sivik global. Kesedaran diri boleh membantu mereka melibatkan diri PBK secara rendah hati dan kesediaan untuk belajar daripada orang lain. Pelajar boleh mengembangkan pengetahuan, kemahiran dan kapasiti kognitif untuk menangani masalah sosial yang kompleks yang dihadapi komuniti setempat (Noor Banu Mahadir et al., 2019).

Pada masa yang sama, kemahiran sivik dan kewarganegaraan dapat membantu pelajar mengembangkan rasa tanggungjawab sosial dan menjadi warganegara yang aktif sambil membuat refleksi kritis dan tanggungjawab sivik. Melalui PBK, pelajar akan mempunyai pemahaman yang lebih mendalam tentang hak dan tanggungjawab sebagai warganegara sementara itu dapat menghubungkan pembelajaran akademik dengan pengalaman praktikal serta khidmat masyarakat. Dalam kajian Mann, Dymond, Bonati dan Neeper

(2015) memberi hujah tentang penyertaan dalam PBK yang berorientasikan sivik akan menjadi platform untuk pelajar kurang upaya lebih peranan mereka dan bersikap proaktif dalam komuniti, negara, dan global. Ekoran daripada itu, item kemahiran sivik dan kewarganegaraan berada di kedudukan keempat dengan nilai *defuzzification* 0.773.

Efikasi sendiri merujuk kepada keyakinan pelajar dalam kebolehan mereka untuk melaksanakan tugas tertentu dengan berjaya atau mencapai matlamat yang ditetapkan. PBK melibatkan penyertaan aktiviti masyarakat dengan integrasi pembelajaran akademik seterusnya memberi peluang kepada pelajar untuk menerapkan pengetahuan dan kemahiran mereka dalam menyelesaikan masalah dan menghadapi cabaran dunia sebenar. Mereka akan lebih cenderung untuk tabah menghadapi cabaran, mengambil risiko, dan melihat kesilapan sebagai peluang untuk belajar dan berkembang. Menurut Song (2018), guru praktikal telah menunjukkan peningkatan efikasi sendiri dan kepercayaan positif yang lebih kukuh dalam peranan teknologi dalam pendidikan selepas terlibat dalam PBK agar membantu guru praktikal meningkatkan keberkesanan diri mereka terhadap penyepaduan teknologi mereka. Maka, efikasi sendiri juga dipersetujui oleh majoriti pakar penilai dengan nilai *defuzzification* 0.760 berada di kedudukan kelima. Begitu juga item Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) juga berada di kedudukan kelima. Sebagai contohnya, apabila melibatkan diri dalam projek PBK, pelajar mungkin perlu menggunakan kemahiran berfikir kritis untuk menganalisis data, menilai keberkesanan pendekatan berbeza untuk menyelesaikan masalah dan mensintesis maklumat daripada pelbagai sumber untuk membangunkan penyelesaian yang komprehensif. Garis panduan PBK yang sistematik penting untuk membangunkan KBAT dalam guru pratikal. Dalam kajian lepas, Muhammad Saeed dan Iqbal Ahmed (2021) merumuskan bahawa PBK dapat menyediakan guru praktikal untuk mewujudkan persekitaran PdP yang bertujuan menggalakkan KBAT dalam guru pratikal.

Akhir sekali, item mengenai kemahiran hidup berada di kedudukan terakhir dengan nilai *defuzzification* 0.733. Item kemahiran hidup dicadangkan tukar kepada Kemahiran Insaniah. Kemahiran ini bermaksud kemahiran seseorang dalam membina perhubungan baik dengan diri sendiri dan orang lain, iaitu apa yang dikatakan sebagai kemahiran intrapersonal dan kemahiran interpersonal. Kemahiran Insaniah adalah lebih sesuai digantikan dengan kemahiran hidup supaya seiras dengan pendidikan abad ke-21 yang menjurus kepada Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMG2) meningkatkan keberkesanan pengurusan dan proses penyampaian pendidikan yang selari dengan PPPM 2013-2025. Dalam kajian seterusnya, pakar penilai mencadangkan memasukkan kemahiran kepimpinan, kemahiran kolaboratif, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi serta kemahiran adaptasi.

5.6 Strategi Pembelajaran

Dalam konteks strategi pembelajaran reka bentuk PBK, terdapat 5 item telah dibina dalam soal selidik ini. Semua pakar penilai sangat bersetuju bahawa pembelajaran berpusatkan pelajar menjadi komponen sangat penting PBK dengan mempunyai skor nilai *defuzzification* 0.787. Dalam hal ini, pelajar mempunyai peluang untuk melibatkan diri dalam aktiviti dalam komuniti di samping meneroka minat dan bakat yang tidak dapat dipelajari dalam bilik darjah. Ini juga memberi peluang pelajar untuk melibatkan diri dalam penyelesaian masa situasi sebenar dan memperoleh pengalaman praktikal bekerja di lapangan. PBK menyediakan peluang kepada guru untuk melaksanakan pembelajaran berpusatkan pelajar seperti PBK dalam konteks luar sekolah supaya membantu mereka mengalihkan kawalan pembelajaran kepada pelajar dan menyediakan kumpulan rakan sebaya yang dapat memberi sokongan padu (Dunbar dan Yadav, 2022).

Bukan itu sahaja, item mengenai pembelajaran khidmat masyarakat dan pembelajaran melalui penerokaan berada di kedudukan kedua dengan nilai *defuzzification* 0.760. Pembelajaran khidmat masyarakat merupakan satu pedagogi membantu pelajar memupuk tanggungjawab sivik sambil memberi kesan positif kepada komuniti setempat dengan menangani keperluan sebenar dan meningkatkan kualiti hidup ahli komuniti. Menurut Thabet (2018), pelajar yang terlibat dalam program PBK dapat mempamerkan tanggungjawab sivik atau kesedaran komuniti, komitmen kepada komuniti dan mencapai kepuasan diri serta keupayaan mereka untuk menyelesaikan tugas mereka. Berbeza dengan pembelajaran melalui penerokaan pelajar digalakkan untuk bertanya, mencari maklumat baharu, dan menjalankan penyiasatan secara kritis. Jenis pembelajaran ini menggalakkan kreativiti, penemuan diri dan pertumbuhan peribadi serta membantu pelajar mengembangkan pemahaman yang lebih mendalam terhadap komuniti yang mereka berkhidmat. Fenomena ini telah dibuktikan oleh kajian Desmet dan Roberts (2022) menunjukkan bahawa pedagogi PBK amat sesuai untuk memupuk kreativiti positif dan transformasi serta yang berkaitan kemahiran, sikap dan nilai dalam kanak-kanak di tadika. Menurut Melalui pelbagai aktiviti PBK, guru boleh menyemai kemahiran, sikap, dan nilai yang akan menyokong kanak-kanak dalam mencapai kreativiti positif dan transformasi dalam kehidupan harian mereka lebih-lebih lagi dalam penerokaan terhadap komuniti. Penerokaan komuniti ini akan mengenal pasti keperluan komuniti dengan mengaitkan topik bilik darjah seterusnya menghasilkan hasil kreativiti yang positif dan membuat refleksi.

Pembelajaran berasaskan inkuiri ialah pendekatan PdP yang menekankan penerokaan dan persoalan secara aktif oleh pelajar untuk membina pengetahuan dan pemahaman mereka tentang sesuatu topik. Contohnya, dalam projek PBK yang tertumpu pada menangani isu gelandangan, pelajar boleh menggunakan pembelajaran berasaskan inkuiri untuk

menyiasat punca asas gelandangan, seperti kekurangan rumah mampu milik, ketidaksamaan pendapatan atau isu kesihatan mental. Yang pentingnya, Pembelajaran ini juga boleh membantu pelajar merenung tentang pengalaman perkhidmatan mereka dan mempertimbangkan cara penyelesaian mereka boleh memberi kesan yang mendalam kepada komuniti setempat. Pembelajaran ini boleh meningkatkan aktiviti pelajar secara aktif kerana menekankan perkembangan aspek kognitif, afektif, dan psikomotor secara seimbang selari dengan ketiga-tiga domain moral dalam KSSM Pendidikan Moral. Mereka menjadi lebih responsif, lebih bersemangat, bertanya lebih banyak soalan, dan lebih gembira untuk mencari pengetahuan baharu (Husni, 2020). Ekoran daripada kenyataan ini, terjelus bahawa pembelajaran ini berada di kedudukan keempat dengan nilai *defuzzification* 0.733.

Walau bagaimanapun, ada juga pakar penilai menyatakan bahawa pembelajaran khidmat masyarakat mempunyai aspek yang sama dengan pembelajaran berasaskan projek maka pembelajaran ini mendapat kedudukan terendah dengan nilai *defuzzification* 0.720. Memang tidak dapat dinafikan bahawa pembelajaran berasaskan projek menjadi pedagogi yang berkesan untuk melibatkan pelajar dalam aktiviti perkhidmatan di samping juga membangunkan kemahiran dan pengetahuan yang sedia ada, akan tetapi pakar penilai mencadangkan bahawa pembelajaran ini masih boleh digunakan untuk memudahkan refleksi dan penilaian projek PBK dengan meminta pelajar merenung pengalaman mereka dan menilai kesan projek mereka terhadap komuniti sekiranya mempunyai perancangan yang teratur. Akhir sekali, pakar penilai juga mencadangkan bahawa pembelajaran terbeza dan teradun dimasukkan dalam strategi pembelajaran agar menerapkan nilai dan pembentukan sahsiah pelajar.

5.7 Penilaian Pembelajaran

Hasil daripada analisis yang dijalankan bagi item penilaian pembelajaran PBK Pendidikan Moral sekolah menengah, terdapat 5 item yang telah dibina dalam borang soal selidik ini. Salah seorang pakar penilai memberi cadangan bahawa penilaian pembelajaran lebih tertumpu kepada pelajar secara praktikal dan bukannya menilai mereka secara rigid seperti peperiksaan bertulis. Semua pakar penilai sangat bersetuju bahawa penilaian sendiri dapat membantu pelajar memberi maklum balas tentang cara objektif dicapai sepanjang proses aktiviti. Item ini berada di kedudukan pertama dengan nilai *defuzzification* 0.773.

Penilaian sendiri merupakan kaedah yang penting untuk pelajar mengenal pasti kekuatan dan kelemahan diri mereka, menetapkan matlamat peribadi, serta membuat refleksi untuk meningkatkan prestasi mereka. Menurut kajian oleh Vishalache Balakrishnan et al., (2022) salah satu alat penilaian sendiri yang berkesan dalam PBK ialah penulisan jurnal peribadi. Jurnal peribadi ini dimulai sejak awal projek PBK hingga berakhir, dan merakam catatan mingguan atau pada bila-bila masa sebelum, semasa, dan selepas aktiviti dilaksanakan. Untuk memastikan refleksi sendiri yang teratur dan menghasilkan idea-idea baru, pelajar perlu menyediakan sebuah buku catatan jurnal peribadi untuk merekodkan pengalaman mereka. Seluruh kejayaan dan kegagalan perlu direkodkan secara jujur untuk memastikan PBK dilaksanakan dengan baik. Dalam usaha untuk meningkatkan kajian ini, terdapat beberapa penambahbaikan yang boleh diambil kira. Pertama, kajian ini boleh melibatkan kumpulan sampel pelajar yang lebih besar dan berbeza dalam persekitaran PBK untuk mendapatkan gambaran yang lebih komprehensif. Ini akan membolehkan penulis meneliti kesan penulisan jurnal peribadi ke atas pelajar dari pelbagai latar belakang dan pengalaman.

Selain itu, penilaian sendiri juga boleh menyenaraikan data tambahan seperti temu bual dengan pelajar atau pemerhatian secara langsung terhadap proses penulisan jurnal peribadi. Ini akan memberikan perspektif yang lebih mendalam tentang bagaimana penilaian sendiri melalui penulisan jurnal peribadi mempengaruhi pelajar secara langsung. Seterusnya, pelajar harus mengambil kira kesan jangka panjang penulisan jurnal peribadi dalam PBK. Kajian lanjutan boleh mengkaji perkembangan pelajar dari masa ke semasa dan mengenal pasti perubahan yang berlaku dalam sikap, kefahaman, dan kemahiran mereka melalui penilaian sendiri. Kenyataan ini telah dibuktikan oleh kajian Tobias dan Bailey (2020) menunjukkan bahawa refleksi berpandu dalam bentuk penilaian sendiri boleh membantu memudahkan pelajar dalam menguasai kemahiran asas pembedahan. Perkaitan antara penilaian sendiri dan keputusan peperiksaan praktikal menunjukkan bahawa guru boleh menggunakan penilaian sendiri ini untuk mengenal pasti pelajar yang memerlukan latihan atau arahan tambahan. Ini akan memberikan maklumat yang berguna untuk meningkatkan pendekatan PBK secara menyeluruh. Akhir sekali, kajian ini juga boleh mengupas isu-isu berkaitan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi tahap penglibatan pelajar dalam penulisan jurnal peribadi. Faktor seperti motivasi, persekitaran pembelajaran, dan sokongan daripada guru dan rakan sebaya boleh diberi perhatian untuk memahami secara holistik proses penilaian sendiri melalui penulisan jurnal peribadi dalam PBK.

Pemerhatian sepanjang proses aktiviti yang dijalankan dalam kelas merupakan komponen yang penting dalam menentukan kejayaan reka bentuk PBK. Item ini berada di kedudukan kedua dengan nilai *defuzzification* 0.760. Matlamat pemerhatian adalah untuk mendapatkan pemahaman yang lebih baik tentang isu dan cabaran yang dihadapi oleh ahli komuniti, serta untuk mengetahui strategi organisasi untuk menangani cabaran tersebut. Pemerhatian dalam PBK boleh mengambil kira pelbagai kaedah, bergantung

kepada projek atau organisasi yang sedang dikaji. Ia mungkin melibatkan temu bual dengan ahli komuniti atau pemimpin organisasi, menghadiri mesyuarat atau acara yang diadakan oleh organisasi, atau hanya meluangkan masa secara sukarela dengan organisasi dan membuat pemerhatian tugas harian mereka.

Semasa perjalanan pemerhatian, pelajar boleh mencatat nota atau jurnal terperinci untuk dijadikan satu dokumentasi pengalaman dan pandangan mereka. Mereka juga boleh melaporkan pemerhatian mereka dalam perbincangan kelas atau tugas secara bertulis, berkongsi pemikiran dan reaksi mereka dengan rakan sebaya dan guru. Mengulas mengenai pemerhatian sepanjang proses aktiviti yang dijalankan, Herrera-S'anchez et al. (2019) berpendapat PBK telah memberi satu ruangan untuk meningkatkan pengalaman di luar bilik darjah supaya pelajar boleh berkomunikasi dengan ahli komuniti yang terdiri daripada pelbagai latar belakang yang berbeza.

Penilaian kumpulan memberi peluang pelajar dengan melibatkan diri secara aktif dalam proses pembelajaran dengan bertanggungjawab berada di kedudukan ketiga dengan nilai *defuzzification* 0.733 dalam penilaian pembelajaran. Penilaian kumpulan dalam PBK boleh dilakukan dalam pelbagai cara, tetapi matlamat utama adalah untuk menilai prestasi sekumpulan pelajar yang telah terlibat dalam projek PBK. Sebelum memulakan projek PBK, setiap kumpulan akan menetapkan kriteria khusus untuk penilaian yang sejajar dengan matlamat dan objektif projek. Ini boleh termasuk perkara seperti kerja berpasukan, komunikasi, kemahiran menyelesaikan masalah dan kualiti kerja yang dilakukan. Semasa menjalankan projek, setiap kumpulan diberi peluang untuk memberi maklum balas dan memberi refleksi secara berterusan sepanjang projek dilaksanakan agar pelajar membuat penyesuaian dan penambahbaikan hasil kerja mereka. Pada akhir projek, setiap kumpulan menjalankan penilaian sendiri dan semakan rakan sebaya, di mana setiap ahli

menilai prestasi mereka sendiri dan prestasi rakan sebaya mereka. Guru akan memberi penilaian terakhir selepas mendapat pandangan pelajar lain. Penggunaan semakan rubrik atau senarai semak untuk menilai secara objektif prestasi kumpulan berdasarkan kriteria yang ditetapkan.

Sejajar dengan itu, hasil kajian Li, Öchsner dan Hall (2019) juga mengesahkan bahawa mereka telah menyusun semula reka bentuk kursus mekanikal supaya dapat mengaplikasikan teori pembelajaran berasaskan pengalaman dengan melibatkan pelajar secara langsung dan membuat refleksi yang tertumpu untuk menjana pengetahuan. Model kitaran pembelajaran berasaskan pengalaman telah diaplikasikan beberapa kali, dengan penilaian kumpulan terlibat dalam kitaran pembelajaran *DO, OBSERVE, THINK*, dan *PLAN* melalui penerokaan model yang dibina, mengambil bahagian dalam perbincangan kumpulan, bertanya soalan, menerima maklum balas, dan membuat penyelarasan untuk tugas seterusnya. Ini telah membawa kepada proses pembelajaran yang mendalam melalui pengalaman dan refleksi mereka. Untuk menjelaskan lagi item ini, seorang pakar penilai mencadangkan dan menyusun kenyataan ini “Penilaian kumpulan memberi peluang kepada pelajar untuk melibatkan diri secara aktif dalam proses pembelajaran.”

Penilaian pemegang taruh dan penilaian lisan berada di kedudukan terendah dengan nilai *defuzzification* 0.720. Pemegang taruh adalah individu atau kumpulan yang mempunyai kepentingan dalam kejayaan projek PBK. Ini boleh termasuk ahli komuniti, agensi terlibat, sukarelawan, pentadbir sekolah dan lain-lain. Penilaian pemegang taruh boleh dijalankan melalui pelbagai kaedah, termasuk tinjauan, temu bual, kumpulan fokus, dan pemerhatian. Data yang dikumpul melalui penilaian ini boleh digunakan untuk memaklumkan perancangan, pelaksanaan dan penilaian projek. Dengan mengumpulkan maklum balas daripada pemegang taruh, pelajar dapat memahami dengan prihatin

terhadap keperluan komuniti, menjalin hubungan dan persefahaman yang lebih kukuh. Kenyataan ini turut disokong oleh Reif-Stice dan Smith-Frigerio (2021) yang menunjukkan kerjasama antara pensyarah dan rakan kongsi komuniti dapat memberi tumpuan terhadap komunikasi, fleksibiliti dan kebolehsuaian penilaian adalah kunci kejayaan dalam PBK secara dalam talian semasa dilanda pandemik COVID-19.

Penilaian lisan membolehkan guru menilai sikap pelajar dan hasil kerja pelajar. Sebelum menjalankan penilaian lisan, guru perlu memastikan objektif pembelajaran yang boleh diselaraskan dengan hasil pembelajaran dan matlamat keseluruhan PBK. Semasa penilaian lisan, borang rubrik hendaklah diselaraskan dengan objektif pembelajaran dan harus merangkumi kriteria khusus seperti kandungan, organisasi, penyampaian dan penglibatan. Maklum balas daripada guru dapat meningkatkan keyakinan di kalangan pelajar. Guru boleh menggalakkan pelajar menilai pembentangan lisan masing-masing menggunakan rubrik yang sama. Ini bukan sahaja membantu pelajar membangunkan kemahiran penilaian sendiri tetapi juga menggalakkan kerjasama dan kerja berpasukan. Penggunaan rubrik dan kriteria yang sama untuk semua pelajar dapat mengelakkan sebarang berat sebelah atau prasangka yang boleh menjejaskan penilaian lisan. Menurut Deeley (2014), pembentangan lisan meningkatkan kesedaran pelajar tentang kemahiran keboleherjaan dan perkembangan sikap positif semasa kursus, terutamanya semasa mereka telah terlibat dalam kerja sukarela pada komuniti setempat. Hasil daripada secara formatif pembentangan lisan yang dinilai, kebanyakan pelajar berasa lebih yakin. Kenyataan ini turut disokong oleh Muñoz-Medina et al. (2021) bahawa aktiviti PBK dapat membantu pelajar meningkatkan kemahiran pembentangan lisan mereka kerana mudah dipindahkan ke sekolah teknik lain dan boleh memanfaatkan kemahiran komunikasi lisan dan meningkatkan kerjaya STEM dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Untuk menjelaskan lagi item ini, seorang pakar penilai mencadangkan dan

menyusun kenyataan ini “Penilaian lisan membolehkan guru bersoal jawab dan menemu bual dengan pelajar untuk menilai sikap dan hasil kerja pelajar.”

5.8 Implikasi Kajian

Reka bentuk PBK digunakan dalam kajian ini untuk dijadikan satu garis panduan PdP Pendidikan Moral sekolah menengah. Reka bentuk kajian digunakan sebagai garis panduan PdP kerana ia merangkumi objektif pembelajaran, kandungan pembelajaran, strategi pembelajaran dan penilaian pembelajaran yang sejajar dengan KSSM Pendidikan Moral. Dapatan kajian ini juga memberikan beberapa implikasi kepada KPM, guru, pelajar dan komuniti.

5.8 Implikasi terhadap KPM

PBK adalah pendekatan pendidikan yang mengintegrasikan perkhidmatan masyarakat dengan pengajaran akademik, bertujuan untuk memberi manfaat kepada kedua-dua pihak iaitu pelajar dan komuniti setempat. Seperti yang dinyatakan dalam Bab 1, dalam laporan PPPM 2013-2025 telah menggariskan anjakan yang ketiga untuk melahirkan rakyat Malaysia dengan penghayatan nilai melalui Pendidikan Islam, Pendidikan Moral dan penerapan elemen sivik. Bagi pelajar di sekolah menengah, elemen khidmat masyarakat menjadi wahana utama dalam pembentukan pelajar yang berakhlak mulia (KPM, 2013). Begitu juga PPPM Pendidikan Tinggi 2012-2025 menekankan amalan PBK dalam para no. 8 agar pengalaman pelajar dalam era pendidikan dengan gandingan pencapaian akademik yang cemerlang mampu menggalas pelajar dalam melaksanakan tanggungjawab sivik dalam situasi dunia pekerjaan yang mencabar pada masa depan (KPM, 2015; KPM, 2019). Disebutkan bersama dapatan kajian yang diperoleh, reka bentuk PBK boleh membawa beberapa implikasi, salah satunya meningkatkan tanggungjawab sivik di kalangan pelajar. Dengan melibatkan diri dalam aktiviti PBK,

pelajar boleh mengembangkan rasa tanggungjawab sivik dan menjadi lebih sedar tentang keperluan komuniti mereka. Ini dapat membantu melahirkan warganegara yang berakhlak mulia menyeluruh dan bersepadu dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani yang termaktub dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Akta Pendidikan 1996).

Dalam Sidang Media khas di KPM pada 15 Disember 2022, menteri pendidikan telah memperkenalkan tujuh teras utama yang menjadi nadi KPM masa kini. Daripada tujuh teras utama ini, teras kedua telah digariskan dengan memberi penekanan kepada aspek karamah insaniah melalui pembentukan adab, akhlak dan integriti. Beliau mengulas bahawa KPM yakin akan mewujudkan suasana harmoni yang akan menghindari gejala negatif seperti gangguan seksual, buli, ekstremisme, gengsterisme dan vandalisme (KPM, 2022). Hasil kajian ini menyokong hasrat KPM bahawa reka bentuk PBK untuk Pendidikan Moral sekolah menengah sebagai garis panduan PdP yang boleh memberi impak positif kepada sistem pendidikan Malaysia dengan menggalakkan penglibatan warga dan tanggungjawab sosial, dan juga kewarganegaraan aktif dalam kalangan pelajar. Ia juga membantu pelajar membina rasa empati, simpati dan kesedaran sosial dengan memperkenalkan mereka kepada komuniti dan menangani isu-isu sosial. Dapatan kajian daripada Nabors, Welker dan Faller (2018) menunjukkan bahawa majoriti pelajar sekolah menengah ingin mengambil bahagian dalam PBK pada masa hadapan dan bahawa mereka belajar tentang pengajaran, menetapkan matlamat dengan kanak-kanak, dan belajar tentang diri mereka sebagai pemimpin. Pendek kata, KPM boleh membangunkan reka bentuk kajian ini untuk program PBK yang menggariskan objektif, kandungan, strategi dan penilaian tersebut. Reka bentuk ini boleh membantu memastikan program PBK selari dengan matlamat KPM yang terkini. KPM perlu menyediakan peluang latihan dan pembangunan profesional untuk memastikan guru dan rakan kongsi komuniti

mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk menyampaikan pendekatan PBK dengan berkesan dan berkualiti.

5.10 Implikasi Terhadap Guru

Reka bentuk PBK untuk Pendidikan Moral sekolah menengah membuka satu perspektif baharu terhadap PdP guru pendidikan Moral. Reka bentuk ini amat penting digunakan sebagai satu garis panduan kepada para pendidik dan pelajar. Hal ini penting kerana KSSM Pendidikan Moral terutamanya kandungan menengah atas tidak terikat dengan ALPdP. Senario ini telah dinyatakan oleh Kogindran Solumuthu dan Nadarajan Thambu (2022) bahawa pemansuhan kerja kursus KBSM telah menyebabkan guru pendidikan Moral lebih menumpukan pengajaran kepada domain penaakulan moral demi menjawab soalan dalam peperiksaan awam. Kekurangan sumber dan bahan rujukan juga menjadi faktor guru tidak dapat mengaplikasikan kandungan akademik dengan situasi sebenar dalam kalangan pelajar. (Suppiah Nachiappan et al., 2017; Bawani Chandrasakeram, 2022) Maka, reka bentuk kajian dapat memberi satu panduan guru untuk mendidik pelajar menjadi insan yang bermoral dengan menekankan domain penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral melalui PBK.

Oleh itu, Bamkin (2020) telah mengenal pasti Kurikulum Pendidikan Moral di Jepun yang merangkumi nilai, tabiat, amalan dan peraturan emosi melalui penyertaan PBK berjaya memupuk domain moral dengan menggunakan pedagogi secara langsung menggalakan mereka mengambil bahagian dalam kehidupan harian. Selari dengan fenomena semasa, guru boleh menggunakan reka bentuk PBK untuk membantu pelajar mempraktikkan pengetahuan akademik dan mengembangkan pemahaman yang lebih mendalam tentang isu moral dan etika yang berkaitan dalam KSSM Pendidikan Moral. Secara tidak langsung, guru akan mengaplikasikan PBK untuk mendorong pelajar

mengembangkan ketiga-tiga domain moral terhadap orang lain, yang merupakan konsep pendidikan moral yang penting.

5.11 Implikasi Terhadap Pelajar

Reka bentuk PBK ini diharapkan menjadi satu panduan dalam PdP terhadap pelajar Pendidikan Moral. Ini adalah kerana situasi ini telah diketengahkan oleh kajian Ashotha Krishnan et al. (2019) yang menunjukkan aktiviti yang terkandung dalam Pendidikan Moral tidak menarik minat pelajar juvenil untuk belajar dan mengaplikasikan nilai moral dalam kehidupan harian kerana guru gagal mengaitkan pengalaman atau situasi sebenar dalam PdP Pendidikan Moral di sekolah penjara. Dengan adanya PBK yang terancang, ini akan memberi peluang kepada pelajar untuk mengapikasi pengetahuan dan kemahiran akademik mereka kepada isu dan masalah dunia sebenar, di samping membangunkan tanggungjawab sivik dan kemahiran kepimpinan mereka. Penglibatan PBK ini secara langsung akan mendedahkan pelajar kepada isu komuniti dan menggalakkan mereka mengambil peranan aktif dalam menangani isu tersebut. Pelajar yang terlibat dalam PBK boleh memperoleh pengalaman berharga secara kerja berpasukan, kemahiran komunikasi, penyelesaian masalah dan kepimpinan. Kriteria ini amat diperlukan oleh majikan syarikat sekarang. Pelajar yang aktif terlibat dalam aktiviti komuniti setempat akan memperoleh kemahiran praktikal, mengembangkan kerjaya dan meningkat keperibadian positif mereka (Mitchell dan Rost-Banik, 2019).

Selain itu, PBK meningkatkan pembelajaran akademik dengan menyediakan pelajar pengalaman dunia sebenar yang mengukuhkan pembelajaran bilik darjah. Sebagai contoh, pelajar yang mempelajari alam sekitar boleh menggunakan pengetahuan mereka untuk merancang projek taman komuniti setempat, seterusnya mengukuhkan pemahaman mereka tentang amalan pertanian lestari. Sejajar dengan objektif pembelajaran tentang

memperkuh elemen kepelbagaian dan komunikasi antara budaya. PBK dapat memberi pendedahan kepada pelajar untuk memahami pelbagai norma komuniti dan budaya serta meluaskan perspektif dan pemahaman mereka tentang dunia. Ini membantu pelajar prihatin dan tidak menyentuh isu sensitif seperti perkauman terhadap komuniti dari latar belakang yang berbeza. Ini amatlah penting bagi memastikan pelajar mempunyai peluang yang luas untuk penyesuaian budaya, pemikiran analitikal dan pembangunan kemahiran komunikasi di negara kita (Norlaile Salleh Hudin dan Low Kian Yi, 2022).

5.12 Implikasi Terhadap Komuniti

Ahli komuniti yang terlibat dalam projek PBK boleh mendapat implikasi dengan bekerjasama dengan pelajar. Ahli komuniti dapat meningkatkan peluang untuk berinteraksi sosial dan membina hubungan dengan pelajar. Sebagai contoh, jika projek PBK melibatkan pelajar menganjurkan pertandingan permainan tradisional di pusat komuniti setempat, ahli komuniti boleh menikmati dan menghabiskan masa bersama-sama pelajar dan terlibat dalam pertandingan persahabatan. Selaras dengan itu kajian yang lepas daripada Ramsaroop dan Petersen (2020) menunjukkan bahawa projek PBK telah mengembangkan strategi pedagogi pelajar untuk pengajaran pengajian sosial dan mendalami refleksi mereka terhadap pengajaran, sambil menggalakkan timbal balik dalam proses pembelajaran bersama-sama dengan komuniti setempat. Projek PBK juga nampaknya telah mendorong pelajar untuk menukar idea mereka tentang hak dan tanggungjawab sebagai warganegara. Yang pentingnya, kerjasama pelajar dengan ahli komuniti juga boleh mendedahkan mereka kepada idea dan perspektif baharu.

Penglibatan bersama-sama dengan ahli komuniti mempunyai implikasi praktikal dan sosial yang penting. Ahli komuniti perlu dilihat sebagai rakan kongsi yang sama dalam perancangan aktiviti, dan status mereka sebagai rakan sebaya bergantung pada kesediaan

dan keupayaan mereka untuk menyumbang secukupnya kepada struktur dan kehendak modul PBK. Ini telah menyerlahkan kepentingan bantuan kewangan dan buruh percuma untuk agensi luar dan mengiktiraf potensi jangka panjang untuk menjayakan projek PBK (Jordaan dan Mennega, 2022). Dengan adanya penglibatan pelajar dalam PBK telah memberi kesan positif kepada komuniti dengan menangani keperluan komuniti dan menerapkan keadilan sosial di kalangan ahli komuniti tanpa mengira bangsa dan budaya.

5.13 Cadangan Kajian Lanjutan

Mengikut kajian ini reka bentuk PBK telah dicadangkan sebagai satu garis panduan PdP Pendidikan Moral sekolah menengah untuk menentukan objektif pembelajaran, kandungan pembelajaran, strategi pembelajaran dan penilaian pembelajaran, ini bertujuan untuk mengembangkan domain moral iaitu penaaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral. Ditinjau dari sudut ini, kebanyakan pakar penilai mencadangkan objektif pembelajaran mesti selari dengan ketiga-tiga domain moral tetapi perlu memfokuskan kepada emosi moral dan perlakuan moral selari dengan pernyataan masalah penyelidik. Begitu juga fokus kepada memupuk integriti dalam kalangan pelajar. Pakar penilai juga mencadangkan pendekatan PBK perlu mengambil kira kitaran teori, amalan dan refleksi pelajar sejajar dengan reka bentuk PBK mesti sentiasa mengikut kerangka kajian yang dirancang. Lebih-lebih lagi, semua konstruk yang dicadangkan perlu boleh diukur oleh guru. Untuk dibangunkan secara lebih meluas, pakar penilai juga mencadangkan bahawa kandungan pembelajaran tertumpu kepada kemahiran yang boleh mempraktikkan kemahiran pelajar bukannya secara teori sahaja. Aspek penting seperti empati, sensitiviti moral dan altruisme juga perlu dimasukkan dalam kandungan pembelajaran.

Melalui PBK, dapatan kajian Simsek (2020) menyediakan bukti tambahan berkenaan kepercayaan pengajaran, sikap khidmat masyarakat, pembangunan peribadi dan

